Jawatan terakhir beliau termasuk Pengurus Besar Pendidikan (1976-1985), Pengerusi Pihak Berkuasa Pembangunan Bandar (1985-1988), Pengerusi Institut Penyelidikan Hutan Malaysia (1985-1990), Pengerusi Majlis Universiti Sains Malaysia (1985-1992), dan Naib Presiden Universiti Islam Antarabangsa (1992-1995).

***Y.Bhg. Datuk Oh Chong Peng**

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
PJN, JSM, FCA



Datuk Oh, lahir pada Julai 1944, telah dilantik sebagai Pengarah pada 12 April 2002.

Beliau menjalankan latihan perakaunan beliau di London dan berkelayakan sebagai Akauntan Bertauliah pada 1969 dan pada masa ini ahli *Fellow Institute of Chartered Accountants in England and Wales*.

Beliau adalah rakan firma kanan Coopers and Lybrand (sekarang dikenali sebagai PricewaterhouseCoopers), Malaysia dari 1974 hingga beliau bersara pada 1997. Beliau menyertai Coopers & Lybrand di London pada 1969 dan di Malaysia pada 1971. Beliau juga merupakan Ahli Jawatankuasa dilantik Kerajaan Bursa Saham Kuala Lumpur dari 1990 hingga 1996, dan Bekas Presiden (1994 hingga 1996) dan Ahli Majlis (1981 hingga 2002) Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia.

Jawatan pengarah beliau dalam syarikat-syarikat awam lain termasuk British American Tobacco (Malaysia) Berhad, IJM Plantations Berhad, Land & General Berhad (Pengerusi), Nanyang Press Holdings Berhad (Pengerusi), Powertek Berhad, Renong Berhad dan Star Publications (Malaysia) Berhad. Beliau adalah juga Pemegang Amanah Yayasan Pendidikan Huaren dan Yayasan Pendidikan UTAR dan Ahli dilantik Kerajaan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan.

Profil Para Pengarah, Setiausaha dan Pengurusan Kanan

PENGARAH



>*Y.Bhg. Datuk Yahya Bin Ya'acob

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
PJN, DIMP, JSM, KMN, SMP, PBS, B.A. (Hons), D.P.A. (Malaya), M.B.M. (Philippines)

Datuk Yahya, lahir pada Januari 1944, telah dilantik ke Lembaga pada 31 Mac 1999.

Beliau tamat pengajian dengan ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dan Diploma dalam Pentadbiran Awam daripada Universiti Malaya masing-masing pada 1967 dan 1970, dan memegang ijazah Sarjana Pengurusan Perniagaan daripada Asian Institute of Management pada 1976.

Datuk Yahya telah berada dalam Perkhidmatan Pentadbiran dan Diplomatik Malaysia untuk lebih daripada 32 tahun, setelah berkhidmat lima tahun yang lepas sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya sebelum bersara pada 1999. Jawatan lain beliau termasuk Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan (1991-1994), Setiausaha

Perbendaharaan Persekutuan (Bahagian Kontrak) (1988-1991), Timbalan Pengarah Unit Pelaksanaan & Penyelaras, Jabatan Perdana Menteri (1986-1988), dan Timbalan Setiausaha Perbendaharaan Persekutuan (Bahagian Kewangan) (1976-1986).

Jawatan pengarah beliau dalam syarikat awam lain termasuk, Rumpun Hijau Capital Berhad, Trenergy (Malaysia) Berhad, UDA Holdings Berhad, Pelaburan Johor Berhad dan Torsco Berhad.

>Y.Bhg. Dato' Goh Chye Keat

Pengarah Bukan Eksekutif
DSPN, JSM, DJN, Dip.Eng., P.Eng.

Dato' Goh, lahir pada Disember 1941, merupakan salah seorang perintis Kumpulan, telah menjadi Pengarah bukan eksekutif sejak beliau bersara sebagai Pengarah Urusan Kumpulan IJM pada 31 Disember 1996. Beliau telah dilantik ke Lembaga pada 16 April 1984, dan dilantik sebagai Pengarah Urusan Kumpulan pada 1988.

Beliau berkelayakan sebagai ahli Siswazah Institution of Civil Engineers, United Kingdom pada 1967 selepas memperolehi Diploma dalam Kejuruteraan daripada Maktab Teknik, Kuala Lumpur pada 1964, dan telah dianugerah Fellow Kehormat oleh University of Sydney, Australia pada 1996.

Dato' Goh bermula dengan Jabatan Kerja Awam dan telah berada di sana selama tiga tahun sebelum menyertai Soon Tat & Co sebagai Pengurus Projek. Beliau meninggalkan Soon Tat & Co selepas tiga tahun dan menyertai Jurutama Sdn Bhd pada 1970.

Jawatan pengarah beliau dalam syarikat-syarikat awam lain termasuk Industrial Concrete Products Berhad dan MASSCORP Berhad.



En Lai Meng

Pengarah Bukan Eksekutif
B.Econs(Hons)

En Lai, lahir pada Disember 1955, telah dilantik sebagai Pengarah pada 23 Jun 1994 dan merupakan wakil IGB Corporation Berhad.

Beliau tamat pengajian dengan ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian Kelas Pertama) daripada Universiti Malaya pada 1978. Beliau telah bekerja dengan Bank Negara Malaysia selama tujuh tahun dan adalah Pegawai Pentadbiran Kanan sebelum menyertai Hongkong Tin Corporation (M) Berhad pada 1985 sebagai Perancang Korporat, dan Kinta Kellas Investments PLC pada 1986 sebagai Pengurus Korporat. Pada 1988, beliau menyertai Tan & Tan Developments Berhad sebagai Pengurus (Hal Ehwal Korporat) sebelum dilantik sebagai Pengawal Kewangan Kumpulan pada 1989 dan Pengurus

Besar (Kewangan & Pentadbiran) pada 1990. Beliau telah dinaikkan pangkat sebagai Pengarah (Hal Ehwal Korporat) IGB Corporation Berhad pada 1992.

Jawatan pengarah beliau dalam syarikat awam lain termasuk IGB Corporation Berhad dan Ipmuda Berhad.

**Tuan Haji Osman Bin Haji Ismail**

Pengarah Bukan Eksekutif
Adv Dip Acc

Haji Osman, lahir pada April 1958, telah dilantik sebagai Pengarah pada 5 Januari 2001 dan adalah wakil Permodalan Nasional Berhad (PNB).

Beliau memperolehi Diploma dalam Perakaunan daripada Institut Teknologi Mara pada 1980, Diploma Lanjutan dalam Perakaunan daripada Luton University, England pada 1983 dan Sijil dalam Juruaudit Kualiti Dalaman (Neville Clark) pada 1996. Beliau juga merupakan ahli Institut Juruaudit Dalaman Malaysia.

Haji Osman yang menyertai PNB pada 1985, pada masa ini merupakan Naib Presiden, Jabatan Audit Kewangan & Pengurusan PNB.

Jawatan pengarah beliau dalam syarikat awam lain termasuk Gold IS Berhad, Heitech Padu Berhad, IGB Corporation Berhad dan Tan & Tan Developments Berhad.

Tidak ada hubungan kekeluargaan di antara para Pengarah dan/atau pemegang-pemegang saham Syarikat kecuali bagi yang berikut:-

Bil.	Nama	Hubungan
1.	Tan Boon Seng @ Krishnan dan Velayuthan a/l Tan Kim Song	Adik beradik
2.	Dato' Goh Chye Keat dan Goh Chye Koon	Adik beradik

Semua Pengarah adalah warganegara Malaysia.

Kecuali bagi Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman Bin Wan Yaacob dan Dato' Goh Chye Keat, tidak ada Pengarah mempunyai apa-apa percanggahan kepentingan dengan Syarikat.

Semua Pengarah mengekalkan rekod bersih berhubung dengan sabitan bagi kesalahan.

- # Jawatankuasa Eksekutif
- > Jawatankuasa Pencalonan & Imbuhan
- * Jawatankuasa Audit
- ^ Jawatankuasa Saham

SETIAUSAHA**En Jeremie Ting Keng Fui**

Setiausaha Syarikat
MBA, FCIS, FCSM

En Ting, lahir pada September 1957, menyertai IJM pada 1982 dan telah dilantik sebagai Setiausaha Syarikat pada 1 Julai 1994. Beliau mengetuai Jabatan Perkhidmatan Korporat, Jabatan Sumber Manusia & Pentadbiran dan Jabatan Sistem Maklumat.

Beliau juga merupakan Setiausaha Syarikat Industrial Concrete Products Berhad dan IJM Plantations Berhad.

Beliau tamat peperiksaan The Institute of Chartered Secretaries and Administrators (ICSA) pada 1981, selepas memperolehi Diploma dalam Asas-asas Pentadbiran daripada Chelmer Institute of Higher Education, Chelmsford, Essex, England pada 1979, dan memegang ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan daripada Golden Gate University, San Francisco, USA.

Beliau adalah Timbalan Presiden Malaysian Association of The Institute of Chartered Secretaries and Administrators (MAICSA) untuk 2002 dan 2003, dan Pengurus Jawatankuasa Kajian Undang-undang & Amalan Kesetiausahaan Syarikat. Beliau adalah ahli silih ganti Jawatankuasa Eksekutif Federation of Public Listed Companies Berhad sejak 2001, di samping menjadi ahli Jawatankuasa Teknikal & Berperaturan sejak 1999. Beliau adalah penerima Anugerah Setiausaha Syarikat ROC-MAICSA 2000 (Kategori Syarikat Tersenarai).

Profil Para Pengarah, Setiausaha dan Pengurusan Kanan

PENGURUSAN KANAN



En Ling Ah Hong

Pengurus Besar Kumpulan (Bahagian Perladangan)
B.Agr. Sc (Hons)

En Ling, lahir pada Oktober 1951, telah menjadi Pengurus Besar Kumpulan Bahagian Perladangan IJM sejak 1 September 1999.

Beliau tamat pengajian dengan ijazah Sarjana Muda Sains Pertanian (Kepujian) daripada Universiti Malaya pada 1975. Jawatan beliau yang lepas termasuk Ahli Agronomi (1979-1985) dan Pengurus, Perkhidmatan Pertanian (1986-1989) Dunlop Estates Berhad, Pengurus Besar, Bahagian Perladangan (1992-1996) Malaysian Mosaics Berhad dan Ketua Pegawai Eksekutif - Perladangan (1996-1998) Hap Sang Consolidated Berhad.

Beliau adalah ahli silih ganti dalam Majlis Persatuan Minyak Sawit Malaysia.

En Loy Boon Chen

Pengarah Kewangan
MBA, CPA(M)



En Loy, lahir pada Oktober 1951, telah dilantik sebagai Pengarah Kewangan pada 1 Julai 1998. Beliau juga merupakan Pengarah bukan eksekutif Guangdong Provincial Expressway Development Co. Limited.

Beliau mengetuai Jabatan Kewangan & Akaun, dan merupakan ahli Jawatankuasa Kecil Piawaian Perakaunan Federation of Public Listed Companies Berhad sejak 1998.

Beliau berkelayakan sebagai Akauntan Awam Bertauliah pada 1978 dan memegang ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan daripada Golden Gate University, San Francisco, USA. Beliau berkhidmat dengan Ernst & Young selama tujuh tahun sebelum menyertai Chong Kok Lin & Sons Berhad pada 1980 sebagai Akauntan merangkap Setiausaha selama satu tahun. Pada 1981, beliau menyertai Mudajaya Construction Sdn Bhd sebagai Ketua Akauntan sebelum dilantik sebagai Pengawal Kewangan Kumpulan IJM pada 1994.



En Mah Teck Oon

Pengarah (Bahagian Industri).
B.Eng. (Hons), P.Eng., MIEM

En Mah, lahir pada November 1952, telah menjadi Ketua Bahagian Industri IJM sejak 1 Julai 1998.

Beliau tamat pengajian dengan ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) daripada Universiti Malaya pada 1976. Beliau telah bekerja dengan Hong Leong Group Malaysia selama 15 tahun. Dalam 10 tahun pertama beliau adalah Pengurus Besar dua syarikat jubin seramik. Kemudiannya, beliau menjadi Pengurus Besar Kanan Bahagian Produk Konkrit Hume Industries (M) Berhad sebelum menyertai IJM pada 1995 sebagai Pengurus Besar Kumpulan (Bahagian Industri).

En Tan Gim Foo

Pengarah Projek (Bahagian Pembinaan)
B. Eng. (Civil) (Hons), P.Eng, MIEM



En Tan, lahir pada Jun 1958, telah dilantik ketua Unit 1 Strategik Perniagaan Bahagian Pembinaan IJM pada 8 Mac 2003, menyelia projek pembinaan dalam Kawasan Tengah.

Beliau tamat pengajian dengan ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) daripada Universiti Malaya pada 1983. Beliau bermula sebagai Jurutera Tapak Mudajaya Construction Sdn Bhd (1983-1986) sebelum menyertai IJM sebagai Jurutera Perancangan & Rekabentuk (1986-1988), Pengurus Projek (1988-1994), Pengurus Kanan (1994-1997) dan Pengarah Projek sejak 1998.

**En Teh Kean Ming**

Pengurus Besar Kumpulan (Harta)
B.E (Civil), P.Eng, MIEM

En Teh, lahir pada April 1955, telah dilantik sebagai Pengurus Besar Kumpulan Bahagian Harta IJM pada 1 April 2001. Beliau juga merupakan Pengarah bukan eksekutif Sin Kean Boon Group Bhd.

Beliau tamat pengajian dengan ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan daripada University of New South Wales, Australia pada 1981. Beliau adalah Jurutera Awam & Struktur Residen Projek Dayabumi Fasa 3 (1981-1983) dan Malayan Banking Berhad (1983-1987) serta Jurutera/Pengurus Tapak Antah Biwater J.V. Sdn Bhd (1987-1989) sebelum menyertai IJM Construction Sdn Bhd sebagai Pengurus Projek (1989-1993), Pengurus Kanan (Projek) (1994-1997) dan Pengarah Projek (1998-2001).

En Velaigam a/l Doraisamy

Pengurus Kanan (Undang-undang)
LLB (Hons), PgDip(Constr Law), RICS(Finals), MCIArb

En Velaigam, lahir pada Januari 1951, menyertai semula Syarikat sebagai Pengurus Kanan (Undang-undang) pada 2 Januari 1996 dan mengetuai Jabatan Undang-undang.

Beliau merupakan pembantu juruukur kuantiti dengan IJM apabila beliau meninggalkannya untuk ke United Kingdom pada 1984 bagi pengajian undang-undang. Manakala di sana beliau tamat Peperiksaan Akhir Royal Institute of Chartered Surveyors dalam kategori QS dan pengajian Lepasan Ijazah dalam Undang-undang Pembinaan di Kings College, University of London. Beliau kemudian menduduki peperiksaan Institut Penimbangtara Bertauliah dan diterima sebagai ahli pada 1994. Beliau adalah Perunding dengan Peguamcara Sri Kanth & Co., United Kingdom (1992-1995) sebelum memegang jawatan semasanya dalam IJM.

**Khidmat Sokongan Kumpulan**

Penyata Pengerusi



“ Saya menghargai keyakinan dan peluang yang diberi kepada saya untuk memegang jawatan Pengerusi sebuah Kumpulan yang terkenal seperti IJM. Saya akan berusaha bersungguh-sungguh untuk menjalankan tugas yang telah dipertanggungjawabkan kepada saya dengan sedaya upaya saya. ”

Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman
bin Wan Yaacob
Pengerusi

PENDAHULUAN

Bagi pihak Lembaga Pengarah IJM Corporation Berhad, saya dengan sukatanya membentangkan, buat pertama kalinya sebagai Pengurus Kumpulan, Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kumpulan dan Syarikat bagi tahun berakhir 31 Disember 2002.

PERSEKITARAN OPERASI

Ekonomi Malaysia pulih untuk mencatatkan pertumbuhan keluaran dalam negeri kasar sebenar yang sihat sebanyak 4.2% berbanding hanya 0.4% dalam tahun 2001. Aktiviti-aktiviti merangsang modal, pemulihan pelaburan persendirian, harga komoditi yang bertambah baik, ketibaan pelancong dan perbelanjaan pengguna yang bertambah memberi dorongan yang diperlukan. Rejim kadar faedah yang rendah dan kadar pertukaran asing yang ditambat juga memberi suasana kewangan yang menyokong pertumbuhan.



Riana Green Fasa 3, Petaling Jaya



Gardenville Condominium,
Singapura-pemenang anugerah

Pertumbuhan ini sememangnya membanggakan jika diambil kira latar belakang persekitaran ekonomi global, yang telah menjadi tidak menentu menjelang separuh tahun kedua 2002 dipercepatkan oleh skandal-skandal korporat yang melibatkan penyalahurusan dan amalan-amalan penipuan teruk di Amerika Syarikat, ketegangan yang meningkat di Timur Tengah dan ekonomi Jepun yang kurang bertenaga. Ekonomi-ekonomi serantau juga sedikit sebanyak terjejas oleh kebimbangan terhadap aktiviti pengganas, dan pengeboman di Bali pada 12 Oktober 2002 merupakan kenyataan tragik kebimbangan ini.

Dalam sektor-sektor perniagaan teras kami berkaitan pembinaan dan pembangunan harta, pertumbuhan telah tertekan. Sebahagian besar aktiviti dalam sektor pembinaan disokong oleh aktiviti merangsang modal kerajaan. Walau bagaimanapun, tahap aktiviti telah terjejas, oleh kekurangan buruh dalam setengah tahun kedua 2002 berikutan penghantaran balik pekerja-pekerja asing. Terdapat juga kekurangan projek-projek besar untuk ditawarkan sepanjang tahun dan ini dapat dilihat dalam peningkatan terhad kepada buku pesanan kebanyakan syarikat. Sektor ini bertumbuh 2.3% dalam tahun 2002, sama seperti dalam tahun 2001.

Sebahagian besar permintaan dalam sektor harta bertumpu kepada pasaran perumahan. Meskipun terdapat persekitaran faedah rendah dan bekalan yang banyak, kadar pembelian masih rendah, menggambarkan isu-isu keyakinan.

KEPUTUSAN OPERASI

Bagi tahun kewangan 2002, Kumpulan memperolehi pendapatan rekod sebanyak RM1,295.20 juta dan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM191.77 juta. Pendapatan yang diperolehi itu mewakili pertambahan yang besar sebanyak 51.06% berbanding tahun 2001. Tanpa mengambil kira perkara terkecuali, Kumpulan memperolehi peningkatan 50% dalam keuntungan



Penyata Pengerusi

sebelum cukai dan peningkatan 40% dalam keuntungan bersih berbanding tahun 2001. Sebahagian besar pertambahan pendapatan dan keuntungan sebelum cukai disumbang oleh bahagian-bahagian Pembinaan, Harta dan Perladangan.

Pada penghujung tahun 2002, nisbah penggearan (hutang-ekuiti) Kumpulan berada pada tahap paling rendah sebanyak 13.82% (2001: 14.14%) meskipun tahap aktiviti yang meningkat seperti yang digambarkan oleh pendapatan yang bertambah. Ini disebabkan oleh kawalan kredit yang ketat dan pemungutan hutang yang efisien, dan penggunaan kapasiti dengan bijak.

GAMBARAN KESELURUHAN PERNIAGAAN BAGI TAHUN 2003 DAN STRATEGI-STRATEGI OPERASI

Walaupun terdapat ketidakpastian dalam persekitaran global, kebanyakan ahli ekonomi masih positif terhadap prospek pertumbuhan bagi Malaysia untuk tahun 2003. Dengan permintaan domestik yang berkekalan daripada penggunaan persendirian dan aktiviti-aktiviti pelaburan, ramai yang masih mengharapkan ekonomi untuk mengembang dengan kadar sekurang-kurangnya 4% dalam tahun 2003, dengan pertumbuhan ketara datangnya pada penghujung tahun. Bank Negara Malaysia telah pun meramalkan kadar pertumbuhan 4.5%, menurun daripada kadar 6 - 6.5% yang diunjurkan semasa pembentangan Bajet 2003. Namun begitu, pererangan yang meletus di Iraq melahirkan ketidaktentuan baru untuk pertumbuhan ekonomi global dan ini boleh mendatangkan risiko-risiko buruk terhadap pertumbuhan ekonomi Malaysia. Bank Negara juga meramalkan pertumbuhan 1.9% untuk sektor pembinaan disebabkan pertumbuhan yang lebih perlahan dalam subsektor-subsektor kejuruteraan awam dan perumahan.

Harapan bagi perniagaan-perniagaan Kumpulan dibincang dengan meluas dalam Ulasan Operasi Pengarah Urusan Kumpulan. Memadai dikatakan di sini bahawa keadaan perniagaan dijangka sangat mencabar dan bersaingan. Kami optimis secara berhati-hati yang buku pesanan pembinaan yang sedia ada itu, jualan harta yang sudah terikat dan harga minyak sawit mentah yang dijangka agak baik (lebih tinggi daripada purata tahun lepas) akan menyokong harapan pendapatan yang positif bagi Kumpulan untuk tahun 2003.

DIVIDEN

Bagi tahun kewangan 2002, dividen interim pertama sebanyak 5% atau 5 sen sesaham ditolak cukai pada kadar 28% telah diisyiharkan dan dibayar pada 15 November 2002. Dividen interim kedua sebanyak 7% atau 7 sen sesaham ditolak cukai telah diisyiharkan. Ahli-ahli yang layak dalam daftar ahli pada 30 April 2003 akan dibayar pada 22 Mei 2003. Tiada dividen akhir telah dicadangkan bagi tahun kewangan 2002.

CADANGAN KORPORAT

Pada 29 April 2002, Syarikat mengumumkan penandatanganan Perjanjian Pemindahan Penyenaraian antara Pentadbir Khas bagi Rahman Hydraulic Tin Berhad ("RHTB"), IJM Corporation Berhad ("IJM") dan IJM Plantations Sdn Bhd ("IJMP"), sebuah anak

syarikat milik penuh IJM, bagi cadangan pengambilalihan status penyenaraian RHTB bagi membolehkan penyenaraian IJMP. Butir-butir mengenai Skim itu diumumkan pada 28 Jun 2002.

Sejak itu, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Jawatankuasa Pelaburan Asing dan Suruhanjaya Sekuriti telah meluluskan cadangan korporat itu. Surat pekeliling kepada para pemegang saham Syarikat telah dikeluarkan pada 9 Disember 2002 dan skim itu diluluskan oleh pemegang-pemegang saham pada Mesyuarat Agung Luar Biasa yang diadakan 31 Disember 2002.

Syarikat telah, pada 18 Mac 2003, mendapat kebenaran Mahkamah Tinggi untuk pengurangan akaun premium sahamnya lanjutan daripada Cadangan Pengagihan Modal yang akan membolehkan pengagihan saham-saham percuma IJMP pada nisbah 2 saham biasa IJMP bernilai RM0.50 setiap satu untuk 5 saham biasa IJM yang dipegang. Penyenaraian IJMP di Papan Utama BSKL dijangka berlaku pada pertengahan Mei 2003. Selepas itu, IJMP akan menjadi syarikat bersekutu 49% Kumpulan.

URUS TADBIR KORPORAT

Penyata kami mengenai urus tadbir korporat boleh didapati pada muka surat 46 hingga 52.

Tidak terdapat sekatan dan/atau penalti yang dikenakan terhadap Syarikat dan anak-anak syarikatnya, pengarah-pengarah atau pihak pengurusan oleh badan-badan mengawal yang berkaitan dalam tahun 2002.

URUSNIAGA PIHAK-PIHAK BERKAITAN

Urusniaga pihak-pihak berkaitan yang penting bagi Kumpulan dikemukakan dalam Nota 45 kepada penyata kewangan. Nota ini juga membentangkan urusniaga berulang yang dijalankan sepanjang tempoh itu selaras mandat am yang diperolehi daripada pemegang-pemegang saham pada Mesyuarat Agung Tahunan tahun lepas.

Kecuali bagi yang dinyatakan dalam Nota 45 kepada penyata kewangan, tidak terdapat sebarang kontrak Kumpulan yang material yang melibatkan kepentingan pengarah-pengarah dan pemegang-pemegang saham utama dalam tempoh itu.



Tan Sri Ahmad menerima Anugerah Urus Tadbir Korporat Malaysian Business daripada Tan Sri Muhyiddin Yassin, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

PENGHARGAAN

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada para pengarah, pihak pengurusan dan semua pekerja Kumpulan di atas komitmen dan sumbangan mereka sepanjang tahun 2002. Tahun 2003 merupakan tahun yang lebih mencabar tetapi saya tidak ragu dengan kebolehan Kumpulan untuk mengatasi sebarang kesukaran yang mungkin dihadapi. Saya juga ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada pemegang-pemegang saham, rakan-rakan sekutu, klien-klien, jurubank-jurubank, subkontraktor-subkontraktor dan pembekal-pembekal di atas sokongan yang berterusan kepada Kumpulan.

Lembaga dan saya juga ingin merakamkan penghargaan ikhlas kepada Tan Sri Dato' (Dr) Haji Ahmad Azizuddin bin Haji Zainal Abidin, yang telah meletak jawatan daripada Lembaga pada 28 Februari 2003 selepas 19 tahun memberi perkhidmatan yang patut dicontohi kepada Kumpulan. Tan Sri Ahmad, selaku Pengerusi bukan eksekutif, telah mempengaruhi Kumpulan sejak hari-hari penubuhan awal sehingga hari-hari Kumpulan mengalami pertumbuhan pesat sepanjang dua dekad. Selain daripada itu, En. Velayuthan Tan, dengan 18 tahun

perkhidmatan bersama Kumpulan telah menyatakan hasratnya untuk tidak memohon pelantikan semula sebagai Pengarah pada Mesyuarat Agung Tahunan akan datang. En. Velayuthan pada masa ini merupakan Pengarah Urusan IJM Plantations Berhad.

Saya menghargai keyakinan dan peluang yang diberi kepada saya untuk memegang jawatan Pengerusi sebuah Kumpulan yang terkenal seperti IJM. Saya akan berusaha bersungguh-sungguh untuk menjalankan tugas yang telah dipertanggungjawabkan kepada saya dengan sedaya upaya saya. Dengan sokongan rakan-rakan pengarah saya, pihak pengurusan dan pekerja dan pemegang-pemegang kepentingan lain, saya berharap agar tugas saya akan menjadi lebih ringan.

Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob
Pengerusi

IJM's good run of luck

IJM to develop township with Andhra Pradesh

Public Bank, IJM awarded for corporate governance

World's first: Lightweight composite panel

Frim commercialises oil palm-based construction material

Brunsfeld, IJM to tap oil palm fibre cement

OVERNANCE AWARD 2002

IJM Corp to bank on proven track record

ijm's presence in India



PEMBINAAN




HARTA



INDUSTRI



PERLADANGAN



INFRASTRUKTUR

Ulasan Operasi

IJM CORPORATION BERHAD

*Coleh Pengarah
Urusan Kumpulan*

Seperti yang telah dilaporkan dalam penyata Pengurus, prestasi Kumpulan, tidak termasuk perkara terkecuali, meningkat 51.06% dan 50.00% dari segi pendapatan dan keuntungan pracukai masing-masing. Sebagai ringkasan, peningkatan ini boleh dianggap disebabkan oleh banyaknya pesanan yang dibawa ke hadapan dari tahun 2001 dan persekitaran kos yang baik dalam pasaran domestik, jualan harta yang meningkat dan harga yang lebih baik bagi minyak sawit mentah (CPO). Persekitaran kadar faedah rendah juga membantu menambah keuntungan.

Analisis prestasi mengikut bahagian diberi dalam muka surat-muka surat berikut.



Ulasan Operasi *Pembinaan*



Pembinaan telah menjadi perniagaan teras IJM sejak penubuhannya. Hari ini, IJM telah berkembang untuk menjadi salah sebuah kumpulan pembinaan terbesar dan paling terpelbagai di Malaysia dari segi kerja yang dilakukan dan tebaran geografi. Ini telah bertindak sebagai asas kukuh dan sebagai batu loncatan untuk menceburi ke dalam bidang-bidang pertumbuhan baru.

Setelah membina reputasi yang kukuh dalam setiap bidang pembinaan terkhususnya, IJM secara berkesannya merupakan "Supermarket Pembinaan" terbesar di Malaysia. Kepakarannya berkisar daripada kejuruteraan awam, sistem asas dan bangunan. Projek-projek kuasa, minyak dan gas serta penyediaan perkhidmatan pengurusan projek dan pengurusan pembinaan juga merupakan sebahagian daripada portfolio aktivitinya.

Semasa pertengahan 1980an, Kumpulan IJM menceburi pasaran luar negeri secara aktif. Sejak itu ia telah menjalankan aktiviti pembinaan di Australia, Hong Kong, Singapura, Mauritius, Myanmar, Pakistan, Bangladesh, Sri Lanka, India, China dan Vietnam.


Dalam tahun 2002, sektor pembinaan Malaysia meneruskan pertumbuhan positif untuk mencapai kadar pertumbuhan sektor sebanyak 2.3% (2001: 2.3%). Pertumbuhan dikekalkan oleh langkah-langkah merangsang modal yang diambil oleh kerajaan dalam tahun 2001 untuk melonjakkan pertumbuhan ekonomi negara meskipun terdapat perlengahan dalam tahap aktiviti berikutan penghantaran pulang pekerja-pekerja asing dalam separuh tahun kedua 2002.

Bahagian Pembinaan mencapai satu lagi mercu kejayaan dalam tahun 2002. Pendapatan dan keuntungan sebelum cukainya mencecah paras tertinggi dalam sejarah Bahagian itu. Hasil Bahagian itu

meningkat 78.36% kepada RM1,120.67 juta (2001: RM628.31 juta) manakala keuntungan sebelum cukai meningkat 20.79% untuk mencecah RM 104.61 juta (2001: RM86.60 juta). Walau bagaimanapun, margin adalah lebih rendah dan ini adalah akibat campuran-produk yang kurang baik dengan Bahagian mengambil bahagian lebih besar projek bangunan.

Semua projek yang dijadualkan siap dalam tahun itu telah diserahkan kepada klien-klien tepat pada masa. Ini termasuk kerja-kerja pembinaan lebuh raya di Negeri Andhra Pradesh di India untuk seksyen-seksyen lebuh raya NH-5 dari Chilakkaluripet ke Vijayawada.

Pasukan Pengurusan Bahagian Pembinaan



Persaingan di pasaran tempatan bagi pemerolehan projek menjadi semakin sempit dengan berkurangannya projek yang ada untuk dibuat tawaran. Meskipun begitu, Bahagian ini berprestasi baik dengan mendapatkan pesanan-pesanan baru bernilai RM417.14 juta. Kerja-kerja baru yang ditambah kepada buku pesanan termasuk satu kontrak untuk kerja-kerja pemasangan di Parcel E Putrajaya (RM81.25 juta), kerja-kerja membina jambatan untuk projek landasan kembar Rawang-Ipoh (RM71.27 juta), rumah pangsa kos rendah di Ulu Kelang (RM24.96 juta), apartmen Desa Sri Puteri di Kuala Lumpur (RM23.76 juta), kerja-kerja cerucuk dan substruktur di Projek Loji Tenaga Port Dickson (RM30.00 juta), Alam Warisan di Putrajaya (RM28.41 juta) dan projek bangunan Bintang Buana (RM36.74 juta), antara lain. Dua projek jalan raya dengan nilai pembinaan berjumlah RM125.19 juta juga didapati dengan pemerolehan projek-projek Bina-Kendali-Pindah (BOT) di Madya Pradesh, India.

Keadaan dalam pasaran pembinaan tempatan dijangka kekal sukar. Bank Negara Malaysia mengunjurkan kadar pertumbuhan yang menurun sebanyak 1.9% bagi sektor itu dalam tahun 2003. Kerja-kerja sektor swasta yang

sebahagian besarnya datang daripada sektor harta dijangka perlahan dengan pasaran harta yang lemah. Oleh itu, peningkatan buku pesanan akan bergantung kepada dasar-dasar perbelanjaan pembangunan sektor awam, yang kini menuju kepada pengukuhan fiskal yang lebih kuat. Kesemua ini akan diterjemahkan kepada persekitaran domestik yang lebih bersaingan bagi industri pembinaan. Sementara buku pesanan yang sedia ada sepatutnya membuatkan kita sibuk sepanjang tahun 2003, tumpuan Kumpulan adalah untuk mengisi buku pesannya bagi tahun 2004.

Jauh daripada tempat sendiri, pejabat di India terus menerajui aktiviti-aktiviti luar negara. Dua kontrak BOT yang baru diperolehi, projek jalan raya Rewa-Jaisinghnagar-Shahdol-Amarkantak dan jalan raya Satna-Maihar-Parasi More-Umaria, memulakan kerja-kerja fizikal pada bulan Disember 2002 dan dijadualkan siap pada bulan Jun 2004. Adalah dibayangkan bahawa perbelanjaan tinggi yang berterusan dalam pembangunan infrastruktur di India, terutamanya jalan raya, akan membuka peluang yang baik untuk mengembangkan aktiviti kami dan menambat kehadiran kami di negara yang besar ini.

*Regent Grove,
Singapura*




Pusat Konvensyen Putrajaya - dijadual siap tidak lama lagi




*The French Castle,
Bukit Tinggi*



Perkhidmatan Sokongan Pembinaan



Dari segi kualitatif, Kumpulan terus memperhebatkan lagi latihan bagi para pekerja untuk kecekapan yang lebih tinggi dan produk-produk akhir yang lebih berkualiti tinggi. Penyeliaan yang intensif terhadap amalan-amalan keselamatan pekerjaan terus mendatangkan manfaat dengan projek-projek terus mencatatkan kecemerlangan bagi tempoh bekerja tanpa masa terbuang disebabkan kecederaan. Amalan-amalan persekitaran yang baik juga semakin banyak diserapkan ke dalam kaedah-kaedah kerja sekarang untuk membuatkan operasi-operasi kami lebih mesra alam. Seperti juga dasar kualiti dan keselamatan, kesedaran dan komitmen akan diberi penekanan yang lebih.



Kejayaan Kumpulan dalam harta boleh dikreditkan kepada rekod prestasi yang berpanjangan dan mengagumkan yang bermula sebagai sambungan kepakaran dan pengalaman Kumpulan dalam pembinaan. Sejak itu, Bahagian Harta telah mencapai keuntungan yang mengagumkan dalam keseluruhan rangkaian pembangunannya iaitu kediaman, komersil, peruncitan, perindustrian dan pembangunan campuran.

Bermula dari pembangunan kegunaan bercampur gergasi sehingga perbandaran satelit, Kumpulan telah juga membangunkan projek kondominium berskala besar dari Pulau Pinang hingga ke Johor Bahru, taman perindustrian dan pejabat serta juga bangunan-bangunan ibu pejabat korporat bagi syarikat-syarikat besar tempatan dan antarabangsa.

Bahagian Harta merasa bangga dalam perancangan teliti untuk menyerah projek-projeknya yang memuaskan pelanggannya dalam semua aspek rekabentuk, alam sekitar, lanskap, kefungsian dan estetik.

Sepanjang tahun di bawah kajian, pasaran harta terus lemah walaupun terdapat persekitaran gadai janji dan kadar faedah yang baik. Kelebihan pada harta komersial dan perindustrian terus wujud, sementara sektor

perumahan sahajalah yang terus memberi sokongan. Pembelian harta nampaknya diperlahangkan akibat keadaan ekonomi yang tidak menentu, prestasi tidak memuaskan di pasaran ekuiti dan keyakinan pengguna yang semakin lemah.

Pasukan Pengurus Bahagian Harta



Meskipun terdapat keadaan pasaran yang mencabar, Bahagian mencatat keuntungan sebelum cukai yang lebih baik sebanyak RM19.73 juta (2001: RM16.87 juta) pada jumlah dagangan sebanyak RM160.65 juta (2001: RM148.58 juta) mewakili pertambahan masing-masing sebanyak 16.95% dan 8.12% berbanding tahun 2001. Penyumbang-penyumbang utama kepada prestasi baik Bahagian adalah projek-projek yang sedang berjalan seperti Riana Green Fasa 4 di Petaling Jaya, apartmen D'Mentari di Kuala Lumpur, apartmen Bistari Impian di Johor, skim perumahan Taman Utama di Sandakan, dan skim perumahan Yen Yen Park di Kuching. Bahagian terus memberi tekanan terhadap produk berkualiti, penyediaan tepat pada masa dan keprofesionalismenya dalam perkhidmatan pengurusan harta untuk memberi pemilik-pemilik harta dan pelabur-pelabur jaminan yang lebih kuat untuk mendapatkan perumahan yang boleh didiami dan kenaikan nilai jangka panjang.

Bahagian juga melancarkan beberapa projek baru sepanjang

Taman Utama,
Sandakan, Sabah

tahun. Ini termasuk projek perumahan Desa Latania di Klang, bangunan runcit-merangkap-pejabat e-Gate dan projek perindustrian Fortune Park di Pulau Pinang, kesemuanya menyumbang kepada prestasi Bahagian yang lebih baik. Kadar pembelian dalam kesemua pelancaran ini adalah baik.

Untuk tahun 2003, meskipun faktor-faktor luar yang negatif berterusan, Bahagian bersikap optimistik terhadap prestasi yang lebih baik disebabkan pembilan progresif dalam jualan-jualan yang telah terikat. Projek-projek yang sedang dijalankan akan terus menyumbang kepada prestasi Bahagian pada 2003. Selain daripada memperhebatkan usaha-usahanya untuk menjual unit-unit di projek-projek yang telah dilancarkan, Bahagian akan memulakan projek-projek baru di lokasi-lokasi strategik yang mempunyai permintaan setempat.

Projek-projek baru yang akan dilancarkan dalam tahun 2003 termasuk fasa-fasa baru di Taman Utama, Sandakan, Sabah di mana permintaan didorong oleh harga minyak sawit yang naik, menghasilkan kuasa beli yang meningkat untuk penduduk-penduduk tempatan; fasa-fasa baru pembangunan campuran di Bandar Sri Pinang, Pulau Pinang, untuk mengambil kesempatan siapnya Peringkat 1 Lebuh raya Jelutong dalam tahun 2003. Projek-projek lain termasuk rumah-rumah berkembar hak milik strata di Bukit Jambul, Pulau Pinang, fasa-fasa baru di taman perumahan Taman Idaman di Butterworth dan skim perumahan Desa Latania di Klang dan rumah-rumah *super-link* di Kg. Serantau Baru di Larkin, Johor.

Bahagian akan terus mengeksplor kekuatan kemahiran dalamannya untuk menyediakan harta berkualiti berserta kejuruteraan bernilai untuk menurunkan kos dan mencipta nilai untuk pemilik-pemilik harta dan pelabur-pelabur. Sebagai tindak balas kepada persekitaran semasa yang mencabar dan bersaingan, reka-reka bentuk yang inovatif dan produk-produk yang berharga bersaingan akan ditawarkan untuk memenuhi permintaan pembeli-pembeli yang mempunyai cara hidup yang terus berubah dan keperluan yang lebih canggih.



Taman Gombak Permai, Kuala Lumpur



Bistari Impian, Johor



Bahagian Industri mengilang produk berkisar daripada konkrit campur siap dan pratuang dan produk bitumen sehingga paip dan tangki HDPE. Kejuruteraan dan pembikinan keluli dan pengeluaran produk batu kikir dan batu bata juga merupakan aktiviti teras Bahagian ini.

Bahagian adalah salah sebuah kumpulan pengkuarian terbesar Malaysia dengan keupayaan tahunan melebihi 6.5 juta tan granit dan batu kegunaan perindustrian. Ia merupakan syarikat kuari yang pertama di Malaysia untuk dianugerahkan Sijil ISO 9002 bagi pengurusan berkualitinya dalam pengeluaran batu kikir dan pracampur.

Tahun 2002 adalah tahun yang baik untuk Bahagian Industri. Bahagian ini mencatatkan keputusan yang paling baik dengan keuntungan operasi sebelum cukai sebanyak RM19.05 juta. Ini melebihi prestasi tahun lalu sebanyak 9.61%. Prestasi ini telah dicapai walaupun dengan jumlah dagangan yang lebih rendah sebanyak RM192.82 juta (2001: RM237.71 juta) akibat kecekapan yang lebih tinggi yang tercapai melalui amalan pengurusan yang baik dan susutnilai yang lebih rendah. Walau bagaimanapun, prestasi yang baik ini telah menerima kesan negatif oleh peruntukan yang dibuat ke atas pengurangan nilai pelaburan dalam Sin Kean Boon Group Berhad berjumlah RM10.80 juta, yang telah mengurangkan keuntungan sebelum cukai kepada RM8.25 juta.

Sektor kuari, dipelopori oleh Malaysian Rock Products Sdn Bhd, telah beroperasi dengan baik dalam tahun 2002 dengan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM3.56 juta di atas jumlah dagangan sebanyak RM54.25 juta. Walaupun jumlah dagangan telah jatuh sedikit sebanyak 2.9%, keuntungan sebelum cukai telah meningkat sebanyak 12.3% disebabkan sebahagian besarnya oleh penutupan kuari di Sabah yang telah mengalami kerugian, dan prestasi yang lebih baik dari kuari-kuari di Kuang, Selangor dan Labu, Negeri Sembilan. Keseluruhananya, volum jualan bagi batu kikir meningkat kepada 3.76 juta tan (2001: 3.63 juta tan) tetapi jualan pracampur tergelincir kepada 257,000 tan (2001: 283,000 tan). Harga-harga tetap stabil untuk batu kikir tetapi harga pracampur

Pasukan Pengurus Bahagian Industri





Jumlah dagangan SMSB mencecah kemuncak baru dalam tahun 2002

adalah lebih tinggi disebabkan sebahagian besarnya oleh harga-harga bitumen dan diesel yang lebih tinggi.

Dalam tahun itu, Bahagian ini telah memulakan kuari baru di Kuantan yang telah memulakan operasi pada bulan November 2002. Sementara itu, Bahagian ini akan kehilangan operasi utamanya dengan penutupan Damansara Rock Products pada bulan Februari 2003 akibat simpanan batu yang berkurangan dan pembangunan harta yang pesat dalam lingkungan kawasan sekitarnya. Untuk menyangkal impak penutupan tersebut, Bahagian ini telah membeli baki 50% saham-saham dalam Kuang Rock Products Sdn Bhd yang mengendalikan kuari granit di Kuang dan kini sedang mempertingkatkan keupayaan loji daripada 60,000 tan kepada 100,000 tan sebulan untuk mengekalkan kehadirannya di Lembah Kelang. Kami berharap bahawa kuari ini akan beroperasi dengan baik dalam jangkamasa yang terdekat.

Jualan konkrit siap campur di bawah Strong Mixed Concrete Sdn Bhd menurun kepada RM49.76 juta daripada RM53.86 juta. Ini disebabkan sebahagian besarnya oleh kejatuhan paras aktiviti pembinaan setelah penghantaran balik pekerja-pekerja asing dalam suku ketiga tahun 2002. Pengerahan semula loji-loji dari lokasi-lokasi di mana projek-projek telah disiapkan ke lokasi-lokasi baru telah juga menjelaskan jualan. Keuntungan pracukai jatuh kepada RM3.21 juta (2001: RM4.20 juta) oleh kerana loji-loji baru terpaksa menyerap kos-kos yang lebih tinggi akibat mobilisasi dan kos-kos permulaan yang lain. Keseluruhananya, harga-harga jualan kekal dengan tiada perubahan jika dibandingkan dengan yang lain, sementara sebahagian besar pada kenaikan kos jualan adalah diakibatkan oleh kenaikan harga-harga diesel. Memandang ke hadapan, kami mensasarkan untuk menambah dua lagi loji-loji baru. Dengan 24 buah trak pemcampur baru yang dibeli dalam tahun ini, syarikat akan mempunyai keupayaan tambahan untuk membuat

jualan-jualan komersial yang lebih. Dengan ini, keputusan yang lebih baik boleh dicapai dalam tahun 2003.

Perniagaan pembentukan keluli di bawah Torsco Berhad terus mengekalkan Bahagian ini dengan jumlah dagangan sebanyak RM67.94 juta dan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM6.93 juta. Jumlah dagangan dan keuntungan pracukai yang dicatatkan adalah yang tertinggi sejak penubuhannya. Kerja yang paling ketara yang dijalankan dalam tahun 2002 adalah pembentukan kerangka bumbung keluli dan struktur Pusat Konvensyen Putrajaya. Dalam menuruti program menaikkan taraf kapasiti yang berterusan, Torsco telah melabur RM2.0 juta untuk menaikkan taraf loji pembagasan automatiknya dan RM0.5 juta untuk mesin pemotong profil plasma CNC. Dengan pesanan berjumlah RM40 juta dalam tangan, Torsco akan terus mencatatkan pertumbuhan yang sihat dalam tahun 2003.

Disokong oleh permintaan yang lebih baik daripada Bahagian Pembinaan, Scaffold Master Sdn Bhd (SMSB) telah mencecah kemuncak baru dengan mencapai jumlah dagangan sebanyak RM7.73 juta dan keuntungan pracukai sebanyak RM2.56 juta, naik 56.2% dan 89.6% masing-masing. Menjngakkan harga-harga keluli akan naik, SMSB telah membeli perancah bernilai RM3 juta dalam tahun 2002. Sepanjang tahun, kadar penyewaan untuk pelanggan-pelanggan luar bertambah sebanyak 5% hingga 10% serentak dengan kenaikan kos-kos perancah yang dihasilkan oleh harga-harga keluli yang lebih tinggi. Ramalan untuk tahun 2003, walau bagaimanapun, kelihatan sukar dengan permintaan dalaman yang berkurangan dan pasaran luar pembinaan yang bersaingan.


Syarikat-syarikat bersekutu dalam Bahagian, iaitu, Industrial Concrete Products Berhad, Spirolite (M) Sdn Bhd, dan Cofreth Sdn Bhd menunjukkan prestasi yang boleh dibanggakan dan menyumbang jumlah dagangan tergabung sebanyak RM80.96 juta (2001: RM76.74 juta) dan keuntungan pracukai sebanyak RM4.57 juta (2001: RM2.86 juta) kepada Bahagian.

Bahagian ini optimis secara berhati-hati akan prestasi yang meningkat dalam tahun 2003 memandangkan peredaa langkah-langkah pemulihan dalam sektor pembinaan domestik yang semakin perlahan.



Peletakan muatan 'Produced Water Package' untuk Offshore Process Module

Ulasan Operasi *Perlada*ngan



Diperbadankan pada 1985, Bahagian Perlada mengandungi kawasan luas ladang kelapa sawit yang diuruskan dengan baik melebihi 22,000 hektar terdiri daripada 14 ladang di Sandakan, Sabah dan rizab boleh ditanam seluas 8,000 hektar.

Untuk melengkapai perlada, Bahagian mempunyai tiga kilang minyak sawit berupaya memproses 750,000 tan buah kelapa sawit setiap tahun. Kilang pemprosesan canggih ini secara konsisten mendatangkan hasil mengatasi purata industri. Anugerah daripada Lembaga Sawit Malaysia (MPOB, sebelum ini dikenali sebagai Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Sawit, PORLA) adalah testimoni kepada fakta ini.

Rancangan masa hadapan memerlukan hektar ditanam yang bertambah dan pengwujudan kilang minyak sawit baru dan kemudahan berkaitan.

Hasil operasi Bahagian ini bertambah sebanyak 80% kepada RM130.57 juta (2001: RM72.55 juta), sementara keuntungan-keuntungan sebelum cukai bertambah secara mendadak sebanyak 338% kepada RM29.76 juta (2001: RM6.80 juta).


Peningkatan-peningkatan dalam hasil operasi dan keberuntungan dapat dianggap berpunca daripada kenaikan-kenaikan yang banyak dalam harga jualan CPO kepada purata RM1,358 setiap tan (2001: RM838 setiap tan) dan kenaikan dalam jumlah tan tandan buah segar

(*fresh fruit bunches*, FFB) yang diproses kepada 472,000 tan (2001: 337,000 tan). Tanan FFB yang bertambah yang dikilang adalah disebabkan kenaikan 12% dalam FFB milik Bahagian ini sendiri yang dituai kepada 266,000 tan (2001: 237,000 tan) dan juga pembelian yang intensif tanaman-tanaman dari ladang-ladang besar bersebelahan. Ini membantu meningkatkan penggunaan kapasiti dalam semua kilang kami.

Tanan FFB yang bertambah yang dituai adalah kebanyakannya daripada kawasan baru Sugut oleh kerana pokok-pokok kelapa sawit telah mencecah usia produktif. Bahagian ini juga telah mencapai kemajuan dalam kadar mengekstrak kilang. Kadar-kadar mengekstrak minyak dan isirong telah meningkat kepada purata 21.7% dan 4.7% (2001: 20.1% dan 4.2%) masing-masing.

Pada penghujung tahun kewangan, Bahagian ini mempunyai jumlah simpanan tanah seluas 32,783 hektar (2001: 31,354 hektar), penambahan

Pasukan Pengurusan Bahagian Perlada



sebanyak 1,429 hektar. Dari jumlah ini, 10,158 hektar terletak di rantau Sandakan, dan kawasan-kawasan selebihnya adalah di kawasan Sugut di Sabah. Ladang-ladang besar Bahagian yang telah mencapai taraf matang berjumlah 12,295 hektar (2001: 8,994 hektar). Tambahan 3,301 hektar (2001: tiada) adalah berpunca daripada ladang-ladang di kawasan Sugut mencapai taraf matang. Keluasan yang masih muda adalah sebanyak 10,396 hektar dan Bahagian ini menjangkakan lebih banyak lagi kawasan yang telah ditanam ini memasuki taraf pengeluaran dalam jangkama yang terdekat.

Baki simpanan tanah lebih kurang 8,209 hektar (2001: 11,439 hektar), yang kesemuanya terletak di kawasan Sugut, akan ditanam dalam masa dua tahun yang akan datang.

Bahagian ini mengendalikan tiga kilang minyak sawit, iaitu, Desa Talisai Palm Oil Mill (DTPOM), Minat Teguh Palm Oil Mill (MTPOM) dan Sabang Palm Oil Mill (SPOM) dengan jumlah kapasiti pemprosesan sebanyak 120 tan FFB sejam. Sepanjang tahun kewangan, DTPOM memproses 251,000 tan (2001: 220,000 tan) FFB, peningkatan sebanyak 14.1%, MTPOM memproses 159,115 tan (2001: 117,000 tan) FFB, peningkatan sebanyak 36.0% dan SPOM memproses 61,800 tan (2001: tiada) FFB dalam tahun pertamnya. SPOM mula beroperasi pada bulan Januari 2002 dan ia memenuhi keperluan pemprosesan FFB dalam kawasan Sugut. Volum tanaman yang diproses dijangka akan meningkat dalam tahun-tahun yang akan datang apabila kawasan matang bertambah dalam kawasan ini.

Tambahan kepada pemprosesan minyak kelapa sawit, Bahagian ini telah memulakan pemprosesan isirong sawit. Loji penghancuran isirong sawit yang terletak di Sandakan dengan kapasiti 250 tan sehari telah dikomisenkan pada awal tahun 2003.

Cabarannya yang dihadapi oleh Bahagian ini masih lagi pekerja-pekerja mahir yang mencukupi dan pengekalan paras-paras produktiviti yang tinggi. Bahagian ini akan terus mengurangkan kesukaran-kesukaran ini. Latihan




Pokok kelapa sawit muda yang ditumbuh dari benih hybrid IJM DxP

untuk pekerja-pekerja dan penyelia-penyelia telah dipertingkatkan. Untuk mengekalkan hasil FFB yang tinggi, langkah-langkah yang telah diperbaiki dalam pemeliharaan air dan pengairan telah dilaksanakan. Bahagian ini juga sedang memperhebatkan langkah-langkah untuk mencapai penjimatan-penjimatan kos yang lebih lagi dalam tahun yang akan datang.


Harapan bagi tahun kewangan 2003 kelihatan baik dan Bahagian ini mengharapkan peningkatan prestasi yang lebih baik. Pandangan yang optimis ini adalah berdasarkan pengeluaran CPO dan minyak isirong kelapa sawit yang lebih tinggi, kerana kawasan-kawasan tertanam yang banyak akan mencapai kematangan digandingkan dengan ramalan yang baik bagi harga produk-produk kelapa sawit.

Bahagian ini amat berbangga dalam menggabungkan dasar-dasar asas pengurusan alam sekitar dan tanggungjawab yang baik dalam aktiviti-aktiviti perniagaannya. Antara lain, Bahagian ini telah melaksanakan beberapa amalan mesra alam sekitar termasuk pemeliharaan tanah dan air, pengurusan bahan buangan kilang, pengurusan bersepada serangga perosak, penyesuaian semula dan pengayaan tanah dan kaedah-kaedah pembakaran sifar. Amalan-amalan ini, berserta dengan usaha-usaha berterusannya untuk memperbaik amalan-amalan semasa, akan menentukan kemajuan ladang besar Bahagian ini yang boleh bertahan untuk jangkama panjang.



Loji penghancuran isirong sawit, Sandakan, Sabah

Tapak semaihan IJM DxP di Pusat QTR, juga di Sandakan



Pengumpulan stabil kemahiran yang diperolehi daripada aktiviti pembinaan Kumpulan yang stabil di luar negara, bersama dengan kepakaran pengurusan dan organisasi yang kukuh, membawa kepada pelaburannya dalam projek-projek infrastruktur luar negaranya.

Sekjak awal 1990an, Kumpulan telah mengambil kepentingan aktif dalam tiga projek di China: [loji penjalanan bersama kuasa, jambatan atas sungai Changjiang dan syarikat lebuhraya ekspress Bina-Kendali-Pindah ("BOT") tersenarai, Guangdong Provincial Expressway Development Co. Ltd]; loji rawatan air di Vietnam, lebuhraya ekspress bertol BOT tersenarai di Argentina dan pada masa ini, dua projek lebuhraya BOT di India.

Dalam tahun 2002, Bahagian ini mencapai keuntungan bersih sebanyak RM30.70 juta (2001: RM99.29 juta).

Termasuk dalam keputusan tahun 2002 ialah syer Kumpulan ke atas perolehan luar biasa Grupo Concesionario del Oeste S.A. (GCO) berjumlah RM25.89 juta. Menurut Perintah Presiden No. 214 di Argentina, pinjaman-pinjaman tertentu GCO yang dinilaiakan dalam dolar Amerika Syarikat telah ditukarkan kepada Peso dengan kadar US\$1 kepada 1 Peso, dan diselaraskan dengan Kadar Penstabilan Rujukan (CER) yang


dianggarkan 40.53% dalam tahun 2002, sementara faedah dihadkan kepada 8% setahun. Dalam pada itu, aset-aset dan liabiliti-liabiliti GCO juga telah diselaraskan dengan indeks inflasi yang dianggarkan 118%.

Bahagian keuntungan operasi Kumpulan sebelum cukai daripada GCO jatuh dengan mendadak kepada RM3.41 juta daripada RM12.29 juta bagi tahun 2001 akibat penurunan nilai yang teruk Peso Argentina sejak permulaan tahun 2002.

Syarikat bersekutu 36% Kumpulan di Vietnam, Binh An Water Corporation Limited (BAWC) (dipegang melalui Emas Utilities Corporation Sdn Bhd) menyumbangkan keuntungan bersih sebanyak RM 5.24 juta (2001: RM4.80 juta) akibat kos-kos operasi yang lebih rendah dan penggunaan air yang lebih tinggi.

Swarna Tollway Pte Ltd, syarikat bersekutu 32.5% di India, yang melaksanakan penswastaan dua lebuhraya (di sepanjang NH5 dan NH9, sejumlah 156 km panjangnya) di bawah perjanjian konsesi 30 tahun di negeri Andhra Pradesh dijangka siap pembinaan menjelang hujung tahun 2003 dan memulakan kutipan tol selepas itu.

Sepanjang tahun itu, Kumpulan juga menyaksikan penganugerahan dua projek jalan Bina, Kendali dan Pindah (BOT) di India, iaitu, Jalan Rewa-Jaisinghnagar-Shahdol-Amarkantak dan Jalan Satna-Maihar-Parasi More-Umaria. Pembinaan telahpun dimulakan dan kutipan tol dijangka bermula dalam tahun 2004.



Western Access Tollway, Argentina



Lebuhraya
Chilakkaluripet-
Vijayawada, India



KESIMPULAN

Keputusan-keputusan yang baik telah dicapai di tengah-tengah keadaan perniagaan yang sukar dalam tahun 2002. Pengurusan Kanan dan Kakitangan Kumpulan adalah individu-individu yang telah dimotivasi dengan baik dan kami terus bersedia untuk menghadapi cabaran-cabaran yang ditimbulkan oleh persekitaran yang lebih tidak menentu dan oleh itu amat bersaingan dalam tahun 2003.

Krishnan Tan
Pengarah Urusan Kumpulan

Penyata Urus Tadbir Korporat

Langkah proaktif IJM untuk menerap amalan urus tadbir korporat yang baik dalam Kumpulan telah menerima pengiktirafan. Kumpulan telah diisyiharkan pemenang bersama dalam Anugerah Urus Tadbir Korporat Perniagaan Malaysia 2002 yang pertama kali diadakan.



Pengasas Kumpulan ini mengiktiraf bahawa piawaian tinggi urus tadbir adalah amat penting untuk melindungi kepentingan semua pemegang kepentingan dan meningkatkan nilai pemegang saham. Lama sebelum penggubalan Kod Urus Tadbir Korporat Malaysia ("Kod"), syarikat-syarikat dalam Kumpulan telah mewujudkan rangka kerja asas amalan urus tadbir yang baik dalam organisasinya dan operasinya. Oleh itu, dengan pengenalan Kod, pematuhan amalan-amalan ini adalah tidak sukar untuk dicapai. Lembaga berterusan menggalakkan profesionalisme, ketulusan dan urus tadbir yang baik sebagai cara ke hadapan bagi syarikat untuk menyediakan persekitaran prestasi baik oleh orangnya dan memberi kepada pemegang sahamnya pulangan yang lebih baik.

PENGARAH

Lembaga

Lembaga yang efektif menerajui dan mengawal Kumpulan. Para Pengarah adalah profesional dalam bidang kejuruteraan, kewangan, perakaunan, ekonomi, atau pentadbir awam kanan berpengalaman. Keseluruhannya, mereka membawa rangkaian meluas kemahiran teknikal dan pengalaman berkaitan untuk memastikan agar Kumpulan terus menjadi peneraju berdaya saing dalam industri pembinaan dengan reputasi kukuh bagi persaingan teknikal dan profesional. Pengarah bukan eksekutif memberi penghakiman bebas untuk mempengaruhi strategi, prestasi perniagaan, sumber dan piawaian perilaku.

Keterangan ringkas latar belakang setiap Pengarah dibentangkan pada muka surat 24 hingga 27.

Lembaga bertanggungjawab terutamanya bagi keseluruhan rancangan strategik, prestasi perniagaan, rancangan pengantian, pengurusan risiko, program hubungan pelabur, kawalan dalaman dan sistem maklumat pengurusan Kumpulan. Manakala Lembaga bertanggungjawab untuk membentuk rangka kerja dan polisi dalam mana Kumpulan harus beroperasi, pengurusan bertanggungjawab bagi pelaksanaan polisi nyata dan pencapaian objektif korporat nyata Kumpulan. Batasan ini memperkuuh peranan penyeliaan Lembaga.

Terdapat keseimbangan Pengarah eksekutif, bukan eksekutif dan bukan eksekutif bebas. Ini adalah untuk memastikan bahawa terdapat representasi berkesan bagi pemegang saham, dan selanjutnya memastikan bahawa isu-isu strategi, prestasi dan sumber dibincangkan dan disemak sepenuhnya untuk mengambil kira kepentingan jangka panjang pemegang saham, kakitangan, pelanggan, pembekal dan banyak komuniti dalam mana Kumpulan menjalankan perniagaannya.

Peranan Pengerusi dan Pengarah Urusan Kumpulan adalah berbeza dan berasingan: Pengerusi bukan Eksekutif menyediakan dirinya untuk memberi penjelasan mengenai isu-isu yang ditimbulkan oleh pemegang saham dan pelabur, memastikan ketulusan dan keberkesaan proses urus tadbir Lembaga. Pengerusi juga mengekalkan dialog tetap dengan Pengarah Urusan Kumpulan mengenai semua perkara operasi, dan bertindak sebagai fasilitator pada mesyuarat-mesyuarat Lembaga. Pengarah Urusan Kumpulan bertanggungjawab untuk memastikan pelaksanaan sewajarnya matlamat strategik, operasi berkesan dalam Kumpulan, dan untuk menerangkan, menjelaskan dan memaklumkan Lembaga mengenai perkara-perkara berhubung dengan Kumpulan.

Lembaga mengadakan sekurang-kurangnya empat (4) mesyuarat berjadual tetap tahunan, dengan mesyuarat tambahan bagi perkara-perkara tertentu diadakan bila dan apabila perlu. Mesyuarat dan rundingan tidak rasmi kerap-kali dan secara bebas diadakan untuk berkongsi kepakaran dan pengalaman. Pengarah juga menghadiri dialog pengurusan kanan separuh tahunan di mana strategi operasi, progres prestasi dan lain-lain isu dikemukakan, dibincangkan dan dimaklumkan secara ekstensif kepada pengurus-pengurus kanan Kumpulan. Empat (4) Mesyuarat Lembaga telah diadakan dalam tahun 2002. Rekod kehadiran setiap Pengarah adalah seperti berikut:

	Bilangan Mesyuarat Dihadiri	Peratusan
Pengarah Eksekutif		
Tan Boon Seng @ Krishnan	4	100%
Goh Chye Koon	4	100%
Soo Heng Chin	4	100%
Velayuthan a/l Tan Kim Song	4	100%
Pengarah Bukan Eksekutif Bebas		
Tan Sri Dato' Ir (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob <i>(Dilantik sebagai Pengerusi pada 28 Februari 2003)</i>	4	100%
Tan Sri Dato' (Dr) Haji Murad bin Mohamad Noor	3	75%
Datuk Oh Chong Peng <i>(Dilantik pada 12 April 2002)</i>	3	100%
Datuk Yahya bin Ya'acob	4	100%
Tan Sri Dato' (Dr) Haji Ahmad Azizuddin bin Haji Zainal Abidin <i>(Meletak jawatan pada 28 Februari 2003)</i>	4	100%
Pengarah Bukan Eksekutif		
Dato' Goh Chye Keat	4	100%
Lai Meng	3	75%
Haji Osman bin Haji Ismail	3	75%
Dato' Arthur Tan Boon Shih <i>(Meletak jawatan pada 4 April 2002)</i>	1	100%
Choo Choon Yeow <i>(Bersara pada 22 Mei 2002)</i>	2	100%

Daripada sebelas ahli Lembaga, tujuh adalah Pengarah bukan eksekutif. Antara Pengarah bukan eksekutif, empat (4) dianggap oleh Lembaga sebagai bebas dan Pengerusi adalah salah satu Pengarah bukan eksekutif bebas. Pengarah bukan eksekutif bebas membentuk lebih daripada satu pertiga daripada keahlian Lembaga. Y. Bhg Tan Sri Dato' Ir (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob telah dilantik Pengerusi Bukan Eksekutif Bebas Syarikat berikutnya peletakan jawatan Y. Bhg Tan Sri Dato' (Dr) Haji Ahmad Azizuddin bin Haji Zainal Abidin pada 28 Februari 2003.

Syarikat dari masa ke masa menggunakan perkhidmatan Pengarah eksekutif bersara bagi peranan khusus dalam operasi Syarikat untuk tempoh khusus. Pengarah-pengarah ini dibayar imbuhan bagi perkhidmatan mereka. Dua (2) Pengarah sedemikian adalah Y. Bhg. Dato' Goh Chye Keat dan En Choo Choon Yeow, yang bersara daripada Lembaga pada 22 Mei 2002. Y. Bhg. Tan Sri Dato' (Dr) Haji Murad bin Mohamad Noor telah dilantik sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Kanan. Apa-apa kemosykilan atau pertanyaan berhubung dengan Kumpulan boleh disampaikan kepada beliau sekiranya mana-mana ahli ingin kemosykilan mereka ditangani oleh pihak-pihak lain selain daripada Pengerusi dan Pengarah Urusan Kumpulan.

Lembaga telah menugaskan fungsi-fungsi tertentu kepada Jawatankuasanya yang ditubuhkan untuk membantu pelaksanaan tanggungjawabnya bagi Kumpulan. Jawatankuasa beroperasi di bawah bidang tugas yang dinyatakan secara jelas. Pengerusi Jawatankuasa masing-masing akan melapor kepada Lembaga keputusan mesyuarat Jawatankuasa dan laporan tersebut digabungkan ke dalam kertas Lembaga.

1. Jawatankuasa Eksekutif

Jawatankuasa Eksekutif telah ditubuhkan pada 31 Mac 1995 dan ahli-ahlinya terdiri daripada Pengarah Eksekutif Lembaga. Jawatankuasa Eksekutif bermesyuarat setiap bulan untuk mengkaji prestasi bahagian operasi Kumpulan. Turut hadir adalah Pengarah Kewangan dan Ketua Bahagian Harta dan Industri serta Setiausaha Syarikat.

Bidang tugas Jawatankuasa Eksekutif termasuk yang berikut:-

- untuk memutuskan semua urusniaga dan perkara berkaitan dengan perniagaan teras atau pelaburan sedia ada Kumpulan dengan kuasa terbatas oleh had yang ditentukan oleh Lembaga; dan
- untuk memutuskan ke atas semua perkara berkaitan dengan kemudahan perbankan sebagaimana mungkin diperlukan bagi pengurusan operasi Kumpulan.

Penyata Urus Tadbir Korporat

Sebelas (11) mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif telah diadakan dalam tahun 2002. Rekod kehadiran setiap ahli Jawatankuasa adalah seperti berikut:

Pengarah Eksekutif	Bilangan Mesyuarat Dihadiri	Peratusan
Tan Boon Seng @ Krishnan	11	100%
Goh Chye Koon	11	100%
Soo Heng Chin	8	72%
Velayuthan a/l Tan Kim Song	9	82%

2. **Jawatankuasa Audit**

Jawatankuasa Audit telah ditubuhkan pada 31 Januari 1994 dan dipengerusikan oleh Y. Bhg. Tan Sri Dato' (Dr) Haji Murad bin Mohamad Noor. Lain-lain ahli Jawatankuasa Audit adalah Y. Bhg. Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob, Y. Bhg Datuk Oh Chong Peng dan Y. Bhg. Datuk Yahya bin Ya'acob. Bidang tugas dan ringkasan aktiviti Jawatankuasa Audit dibentangkan pada muka surat 53 hingga 55.

3. **Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan**

Jawatankuasa Pelantikan dan Imbuhan terdiri daripada empat ahli; tiga daripda mereka adalah pengarah bukan eksekutif bebas, iaitu Y. Bhg. Tan Sri Dato' (Dr) Haji Murad bin Mohamad Noor (Pengerusi), Y. Bhg. Tan Sri Dato' Ir (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob dan Y. Bhg. Datuk Yahya Bin Ya'acob. Ahli yang lain adalah Y. Bhg. Dato' Goh Chye Keat, Pengarah bukan eksekutif.

Bidang tugas Jawatankuasa Pelantikan dan Imbuhan termasuk yang berikut:-

- untuk mewujudkan dan mengkaji terma-terma dan syarat-syarat pekerjaan dan imbuhan Pengarah Eksekutif dan eksekutif kanan Kumpulan;
- untuk mengkaji dan meluluskan kenaikan gaji dan bonus Pengarah Eksekutif dan eksekutif kanan Kumpulan;
- untuk mengkaji, mengesyorkan dan mempertimbangkan calon-calon kepada Lembaga Syarikat, anak-anak syarikat dan syarikat-syarikat bersekutu Kumpulan, termasuk jawatankuasa Lembaga;
- untuk mengkaji dan menentukan campuran kemahiran, pengalaman dan lain-lain kualiti, termasuk kekompetenan teras Pengarah bukan eksekutif, atas dasar tahunan; dan
- untuk menilai keberkesanan Lembaga secara keseluruhan, jawatankuasa Lembaga dan sumbangan setiap Pengarah perseorangan atas dasar tahunan.

Semua pengeseyoran Jawatankuasa Pencalonan & Imbuhan adalah tertakluk kepada pengesahan Lembaga.

4. **Jawatankuasa Saham**

Jawatankuasa Saham telah ditubuhkan pada 3 September 1986 dan bertanggungjawab bagi menyelaras dan meluluskan urusniaga sekuriti dan pendaftaran. Jawatankuasa Saham terdiri daripada En Tan Boon Seng @ Krishnan (Pengerusi), En Goh Chye Koon dan En Soo Heng Chin.

Bekalan Maklumat

Semua Pengarah disediakan dengan laporan suku tahunan Lembaga sebelum mesyuarat Lembaga. Sebagai peraturan am, laporan Lembaga diedarkan kepada Pengarah sebelum mesyuarat yang dijadualkan untuk memberi mereka peluang mendapat penjelasan atau maklumat tambahan mengenai prestasi kewangan entiti dan unit perniagaan, dan lain-lain isu yang mungkin memerlukan perbincangan dan keputusan.

Antara lain, laporan menyediakan maklumat mengenai isu-isu utama operasi, kewangan dan korporat, aktiviti dan prestasi projek, pretasi bahagian dan alasan-alasan bagi pelencongan ketara daripada belanjawan dan perubahan utama dalam struktur Syarikat dan urusniaga sekuriti (termasuk ringkasan urusniaga sekuriti Pengarah-pengarah).

Selain daripada mesyuarat Lembaga suku tahunan, taklimat diadakan bagi Lembaga dari masa ke masa mengenai pelbagai isu seperti perubahan kepada perundangan syarikat dan sekuriti, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan untuk memaklumkan mereka perkembangan terkini dalam bidang-bidang ini. Lembaga Pengarah juga dipelawa untuk menghadiri Dialog Pengurusan Kanan dua kali setahun dalam mana kajian operasi dan strategi pengurusan dibentangkan dan dibincangkan.

Pengarah juga dimaklumkan mengenai apa-apa pengumuman korporat dibuat kepada Bursa Saham Kuala Lumpur ("BSKL"). Mereka juga dimaklumkan mengenai sekatan yang akan dikuatkuasakan dalam urusniaga sekuriti Syarikat sekurang-kurangnya satu bulan sebelum pengumuman keputusan kewangan suku tahunan dikeluarkan.

Selain daripada itu, terdapat jadual perkara-perkara dirizab khususnya untuk perbincangan Lembaga, seperti kelulusan rancangan korporat dan belanjawan tahunan, pengambilalihan dan pelupusan usahaniaga dan harta nilai utama, dan perubahan kepada pengurusan dan struktur kawalan dalam Kumpulan, termasuk polisi-polisi penting, had autoriti yang ditugaskan dan penyertaan dalam pengadilan tender bagi projek pembinaan melebihi had ditetapkan.

Semua Pengarah mempunyai akses kepada nasihat dan perkhidmatan Setiausaha sepenuh masa Syarikat yang dilantik oleh Lembaga, dan mereka telah diberikan Manual Penyenaraian BSKL, Kod, Penyata Kawalan Dalaman: Panduan bagi para pengarah Syarikat Tersenarai Awam dan Kod Etika bagi Pengarah dan Setiausaha, dan mengemas kini mengenai perundungan, syarat-syarat dan peraturan syarikat dan sekuriti bagi rujukan dan simpanan.

Pelantikan ke Lembaga

Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan bertanggungjawab bagi membuat pengesyoran kepada Lembaga, termasuk lembaga anak-anak syarikat dan syarikat-syarikat bersekutu. Dalam membuat pengesyoran, Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan menimbang campuran kemahiran dan pengalaman, yang Pengarah harus bawa kepada Lembaga. Pengarah-pengarah dimaklumkan dan menyedari mereka boleh mengambil nasihat bebas, di mana perlu, dalam melaksanakan kewajipan mereka dan atas perbelanjaan Kumpulan.

Latihan Para Pengarah

Semua Pengarah telah menghadiri Program Akreditasi Mandatori para Pengarah dianjurkan oleh BSKL. Pengarah juga menerima latihan selanjutnya dari masa ke masa, khususnya mengenai undang-undang dan peraturan-peraturan baru berkaitan dan risiko komersial yang sentiasa berubah. Induksi ringkas kepada Kumpulan diberikan kepada Pengarah yang baru dilantik.

Di mana mungkin dan apabila peluang timbul, mesyuarat Lembaga mungkin diadakan di lokasi dalam perniagaan operasi Kumpulan untuk membolehkan Pengarah memperolehi perspektif baik mengenai perniagaan dan meningkatkan kefahaman operasi Kumpulan mereka.

Pemilihan semula

Tataurus Pertubuhan memperuntukkan bahawa semua Pengarah (termasuk Pengarah Urusan Kumpulan dan Timbalan Pengarah Urusan Kumpulan) menawarkan diri mereka bagi pemilihan semula sekurang-kurangnya setiap tiga (3) tahun dalam mematuhi syarat-syarat penyenaraian BSKL. Tataurus Pertubuhan Syarikat juga memperuntukkan satu pertiga daripada Lembaga hendaklah bersara daripada jawatan dan menjadi layak untuk pemilihan semula pada setiap Mesyuarat Agung Tahunan.



IJM - pemenang bersama julung kali Anugerah Urus Tadbir Korporat Malaysian Business tahun 2002

Pengarah menjangkau usia tujuh puluh tahun diminta untuk menawarkan diri mereka bagi pelantikan semula setiap tahun selaras dengan Seksyen 129(6) Akta Syarikat, 1965 ("Akta").

IMBUHAN

Polisi imbuhan Syarikat adalah berdasarkan falsafah bahawa Syarikat tidak berhasrat untuk menjadi peneraju pasaran dalam gaji pokok tapi memberi penekanan ke atas bonus berkait dengan prestasi. Ini termaktub dalam polisi imbuhan bagi Pengarah-pengarah Eksekutif.

Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan mengkaji secara tahunan polisi imbuhan tahunan bagi semua Pengarah Eksekutif untuk memastikan bahawa mereka diberi ganjaran sewajarnya bagi sumbangan mereka kepada pertumbuhan dan keberuntungan Kumpulan.

Prestasi Pengarah diukur melalui sumbangan dan komitmen Pengarah-pengarah kepada kedua-dua Lembaga dan Kumpulan. Imbuhan Pengarah Eksekutif akan bergantung ke atas pencapaian matlamat (termasuk sasaran organisasi dan pencapaian peribadi) ditetapkan pada permulaan setiap tahun.

Dalam hal Pengarah bukan eksekutif, tahap imbuhan menggambarkan pengalaman dan tahap tanggungjawab dijalankan oleh Pengarah bukan eksekutif khusus.

Penentuan imbuhan Pengarah eksekutif dan bukan eksekutif adalah perkara bagi Lembaga secara keseluruhan. Syarikat membayar balik perbelanjaan munasabah ditanggung oleh Pengarah-pengarah ini dalam menjalankan tugas mereka sebagai Pengarah. Pengarah tidak terlibat dalam keputusan mengenai pakej imbuhan mereka sendiri.

Penyata Urus Tadbir Korporat

Yuran

Yuran perlu dibayar kepada Pengarah bukan eksekutif ditentukan oleh Lembaga dengan kelulusan daripada pemegang saham pada Mesyuarat Agung Tahunan. Yuran-yuran dibayar berdasarkan kehadiran mesyuarat dan tahap tanggungjawab dalam Lembaga dan Jawatankuasa-jawatankuasanya.

Gaji Pokok

Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan menjalankan kajian tahunan gaji pokok bagi semua eksekutif kanan Kumpulan, termasuk setiap Pengarah eksekutif, mengambil kira prestasi individu, syarikat dan amalan dalam industri. Kumpulan menyertai dalam soal-selidik khusus industri oleh firma-firma profesional bebas untuk memperolehi data semasa dalam menanda aras Kumpulan.

Skim Bonus & Insentif

Kumpulan mengadakan skim bonus dan insentif bagi semua kakitangan, termasuk Pengarah Eksekutif. Kriteria bagi skim bergantung ke atas prestasi kewangan Kumpulan berdasarkan formula yang diwujudkan. Bonus dan insentif perlu dibayar kepada Pengarah eksekutif dikaji oleh Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan dan diluluskan oleh Lembaga.

Faedah Bukan Wang

Lain-lain faedah lazim (seperti penjagaan perubatan dan kereta peribadi) disediakan sebagaimana wajar selaras dengan garis panduan dibentangkan dalam Manual Prosedur Sumber Manusia & Pentadbiran

Pengaturan Pencen

Caruman dibuat kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, pelan caruman negara mandatori, berhubung dengan semua kakitangan dan Pengarah Eksekutif. Selain daripada itu, semua kakitangan dan Pengarah eksekutif menyertai dalam pelan ditentukan gaji akhir dibiayai oleh Kumpulan, dikenali sebagai Skim Persaraan IJM, dengan objektif menyediakan jumlah sekaligus semasa persaraan dan atas alasan-alasan kesihatan penyakit kronik. Skim juga memperuntukkan bayaran jumlah sekaligus sekiranya meninggal dunia semasa dalam perkhidmatan.

Opsyen Saham dan Waran para Pengarah

Pergerakan dalam opsyen saham dan waran para Pengarah dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2002 dibentangkan pada muka surat 74 dan 75.

Imbuhan Pengarah

Butir-butir mengenai imbuhan Pengarah dalam tahun adalah seperti berikut:

1. Agregat imbuhan para Pengarah dikategorikan dalam komponen sewajarnya:

	Gaji RM'000	Yuran RM'000	Bonus & Insentif RM'000	Faedah bukan dalam bentuk wang RM'000	Jumlah RM'000
Pengarah Eksekutif	1,375	0	883	37	2,295
Pengarah Bukan Eksekutif	318	231	137	39	725

2. Agregat imbuhan setiap Pengarah:

Pengarah Eksekutif	RM'000 (Dalam linkungan turutan RM50,000)											
	>300 ≤350	>350 ≤400	>400 ≤450	>450 ≤500	>500 ≤550	>550 ≤600	>600 ≤650	>650 ≤700	>700 ≤750	>750 ≤800	>800 ≤850	>850 ≤900
Tan Boon Seng @ Krishnan												✓
Goh Chye Koon										✓		
Soo Heng Chin	✓											
Velayuthan a/l Tan Kim Song		✓										

Pengarah Bukan Eksekutif	RM'000 (Dalam lingkungan imbuhan RM50,000)						
	>0 ≤50	>50 ≤100	>100 ≤150	>150 ≤200	>200 ≤250	>250 ≤300	>300 ≤350
Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob	✓						
Tan Sri Dato' (Dr) Haji Murad bin Mohamad Noor	✓						
Datuk Oh Chong Peng							
Datuk Yahya Bin Ya'acob	✓						
Dato' Goh Chye Keat	✓						
Lai Meng	✓						
Haji Osman Bin Ismail							
Tan Sri Dato' (Dr) Haji Ahmad Azizuddin bin Haji Zainal Abidin <i>(Meletak jawatan pada 28 Februari 2003)</i>		✓					
Dato' Arthur Tan Boon Shih <i>(Meletak jawatan pada 4 April 2002)</i>	✓						
Choo Choon Yeow <i>(Bersara pada 22 Mei 2002)</i>							✓

HUBUNGAN PARA PELABUR & KOMUNIKASI PEMEGANG SAHAM

Dialog di antara Syarikat dan Pelabur

Syarikat meletakkan kepentingan tinggi dan komited sepenuhnya untuk memastikan piawaian paling tinggi tentang ketelusan, kebertanggungjawapan dan ketulusan dalam menjalankan aktiviti-aktiviti perniagaannya dari kepentingan terbaik pemegang sahamnya serta untuk membolehkan bakal-bakal pelabur untuk membuat keputusan berhati-hati dan makluman pelaburan berdasarkan pendedahan penuh dan ketelusan maklumat.

Selain daripada pelbagai pengumuman dibuat sepanjang tahun, pengumuman keputusan kewangan setiap suku tahunan pada masa-masa tertentu membolehkan pemegang-pemegang saham mendapat gambaran keseluruhan prestasi dan operasi Kumpulan.

Kumpulan mengadakan dialog dengan juruanalisis kewangan dari masa ke masa sebagai cara komunikasi berkesan yang membolehkan Lembaga dan pihak Pengurusan menyampaikan maklumat mengenai prestasi Syarikat, strategi korporat dan lain-lain perkara melibatkan kepentingan pemegang saham. Sidang akhbar biasanya diadakan selepas Mesyuarat Agung Tahunan dan/atau Mesyuarat Agung Luar Biasa Syarikat. Dan, sekurang-kurangnya dua Taklimat Juruanalisis diadakan setiap tahun selepas keputusan suku tahunan kedua dan terakhir disiarkan.

Pembentangan telah diberikan oleh Pengarah Urusan Kumpulan untuk menjelaskan strategi, prestasi dan perkembangan utama Kumpulan kepada pemegang saham dalam setiap Mesyuarat Agung Tahunan. Apa-apa maklumat yang mungkin dianggap sebagai material tidak akan diberikan kepada mana-mana satu pemegang saham atau kumpulan pemegang saham.

Syarikat telah menyertai beberapa forum pelabur institusi dalam tahun kewangan sama ada dalam negeri maupun di luar Malaysia. Syarikat juga menyertai Minggu Pelabur 2002 dianjurkan oleh BSKL pada bulan September 2002 serta tahun-tahun sebelumnya. Pengarah Urusan Kumpulan sendiri mengadakan sesi taklimat kepada ahli media, pengurus dana, juruanalisis dana, juruanalisis penyelidikan dan pelabur-pelabur di forum tersebut.



Pengarah Urusan Kumpulan Krishnan Tan sedang memberi taklimat mengenai syarikat semasa Minggu Pelabur-pelabur BSKL 2002

Laporan Tahunan mengandungi ulasan mengenai aspek perniagaan, kewangan dan operasi prestasi Kumpulan, penerangan ringkas perkhidmatan dan produk Kumpulan dan penyata kewangan Kumpulan. Selain daripada itu, Kumpulan telah mengadakan laman web di <http://www.ijm.com> (yang telah diubah suai pada bulan Mac 2002) untuk mempertingkatkan selanjutnya perhubungan pelabur dan komunikasi pemegang saham, termasuk akses mereka kepada maklumat mengenai Syarikat dan Kumpulan. Antara lain, laman web menyediakan kegiatan harian sekuriti Syarikat, pengumuman korporat kepada BSKL, pendapat umum tentang Syarikat, laporan tahunan, Minit mesyuarat agung, pengagihan dividen, dividen tidak dituntut, urusniaga sekuriti para Pengarah dan pemegang-pemegang saham utama dan profil Kumpulan, termasuk Memorandum & Tataurusan Pertubuhan Syarikat.

Penyata Urus Tadbir Korporat

Mesyuarat Agung Tahunan

Mesyuarat Agung Tahunan adalah forum utama bagi dialog dengan pemegang-pemegang saham. Notis mesyuarat dan laporan tahunan dihantar kepada pemegang saham sekurang-kurangnya 21 hari sebelum tarikh mesyuarat selaras dengan Tataurusan Pertubuhan Syarikat.

Pada setiap Mesyuarat Agung Tahunan, Lembaga menggalakkan pemegang-pemegang saham untuk menyertai sesi soal dan jawab. Pengerusi dan, di mana wajar, Pengarah Urusan Kumpulan menjawab soalan-soalan pemegang-pemegang saham semasa mesyuarat. Di mana sesuai, Pengerusi akan mengaku janji untuk memberi jawapan bertulis kepada apa-apa soalan penting yang tidak boleh dijawab semasa mesyuarat.

Dalam hal pelantikan semula para Pengarah, notis mesyuarat akan menyatakan Pengarah mana yang menawarkan diri untuk pelantikan atau pelantikan semula.

Setiap perkara urusan khas termasuk dalam notis mesyuarat diiringi dengan penjelasan bagi cadangan resolusi. Resolusi berasingan dicadangkan bagi isu berasingan yang penting dalam mesyuarat, dan Pengerusi akan mengisyiharkan bilangan undi proksi yang diterima yang menyokong dan juga yang menentang resolusi sebelum pengundian bagi setiap resolusi.

KEBERTANGGUNGJAWAPAN DAN AUDIT

Laporan Kewangan

Dalam membentangkan penyata kewangan tahunan dan pengumuman suku tahunan kepada pemegang saham, Pengarah berhasrat untuk membentangkan penilaian seimbang dan boleh difahami mengenai kedudukan dan prospek Kumpulan. Ini juga terpakai kepada lain-lain laporan awam sensitif harga dan laporan kepada pengawal atur.

Penyata Tanggungjawab Pengarah

Para Pengarah diperlukan oleh Akta untuk menyediakan penyata kewangan bagi setiap tahun selaras dengan piawaian perakaunan diluluskan terpakai untuk memberi gambaran sebenar dan adil bagi keadaan hal ehwal Kumpulan dan Syarikat pada akhir tahun kewangan dan keputusan serta aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan.

Dalam menyediakan penyata kewangan, para Pengarah telah:

- 1 menggunakan polisi-polisi perakaunan sewajarnya yang diamalkan secara konsisten;
- 2 membuat keputusan dan anggaran yang munasabah dan berhemah;
- 3 memastikan bahawa semua piawaian perakaunan terpakai telah diikuti; dan
- 4 menyediakan penyata kewangan atas dasar usaha berterusan sebagaimana para Pengarah jangkakan secara munasabah, setelah membuat pertanyaan, bahawa Kumpulan dan Syarikat mempunyai sumber yang mencukupi untuk meneruskan kewujudan operasi bagi masa hadapan boleh ramal.

Pengarah mempunyai tanggungjawab bagi memastikan bahawa Syarikat menyimpan rekod-rekod perakaunan yang menunjukkan dengan ketepatan munasabah kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat dan yang membolehkan mereka memastikan bahawa penyata kewangan mematuhi Akta.

Pengarah mempunyai tanggungjawab keseluruhan untuk mengambil langkah-langkah tertentu sebagaimana terbuka secara munasabah kepada mereka untuk melindungi asset-asset Kumpulan dan Syarikat, dan untuk menghalang dan mengesan penipuan dan lain-lain perkara luar aturan.



Tan Sri Wan menerima Anugerah Merit Korporat BSKL (Sektor Pembinaan) dari Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi

Kawalan Dalaman

Penyata Kawalan Dalaman Kumpulan dibentangkan pada muka surat 56 dan 57.

Perhubungan dengan Juruaudit

Peranan Jawatankuasa Audit berhubung dengan juruaudit luar dibentangkan pada muka surat 53 hingga 55.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah selaras dengan resolusi Pengarah.

**Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman
bin Wan Yaacob**
(Pengerusi)

Laporan Jawatankuasa Audit

Keahlian dan Mesyuarat

Jawatankuasa Audit bermesyuarat sebanyak lima (5) kali sepanjang tahun 2002 dan kehadiran setiap ahli Jawatankuasa Audit adalah seperti berikut:

	Bilangan mesyuarat dihadiri / sejak pelantikan*
Tan Sri Dato' (Dr) Haji Murad bin Mohamad Noor Pengerusi Jawatankuasa Audit (Pengarah Kanan Bukan Eksekutif Bebas)	5
Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob Ahli (Pengarah Bukan Eksekutif)	5
Tan Boon Seng @ Krishnan Ahli (Pengarah Urusan Kumpulan) <i>(Meletak jawatan pada 12 April 2002, selepas itu hadir atas jemputan)</i>	5
Y. Bhg. Datuk Yahya bin Ya'acob Ahli (Pengarah Bukan Eksekutif Bebas) <i>(Dilantik pada 12 April 2002)</i>	2*
Datuk Oh Chong Peng Ahli (Pengarah Bukan Eksekutif Bebas) <i>(Dilantik pada 12 April 2002)</i>	4*

Pengarah Urusan Kumpulan, Pengurus Audit Dalaman dan Pengarah Kewangan menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Audit berkenaan apabila diperlukan untuk berbuat demikian. Juruaudit luar menghadiri empat mesyuarat dalam tahun dilapor.

Aktiviti

Dalam tahun, aktiviti Jawatankuasa Audit termasuk mengkaji dan membincang:

- pengumuman keputusan kewangan suku tahunan;
- penyata kewangan akhir tahun Kumpulan;
- laporan juruaudit luar berhubung dengan isu-isu audit dan perakaunan yang timbul daripada audit, dan mengemaskini perkembangan-perkembangan baru mengenai piawaian perakaunan yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia;
- strategi dan perancangan audit tahunan juruaudit luar;
- urusniaga pihak berkaitan yang timbul dalam Syarikat atau Kumpulan;
- rancangan audit tahunan dicadangkan oleh Juruaudit Dalaman;
- laporan audit yang dibentangkan oleh Juruaudit Dalaman mengenai penemuan dan pengesyoran berhubung dengan kelemahan sistem dan kawalan; dan
- laporan dan keputusan Jawatankuasa Pengurusan Risiko.

Fungsi Audit Dalaman

Peranan utama Jabatan Audit Dalaman (IAD) adalah untuk memberikan Jawatankuasa Audit dengan laporan bebas dan objektif ke atas keberkesanannya sistem kawalan dalam Kumpulan. IAD telah mengadakan penilaian sistem kawalan dalaman yang merangkumi sistem tadbir urus, operasi dan sistem maklumat Kumpulan mengenai bidang-bidang utama operasi Kumpulan. Laporan audit dalaman telah dibincangkan oleh Jawatankuasa Audit dan pengesyoran diambil tindakan sewajarnya oleh pengurusan. IAD menerima pakai pendekatan pengauditan berdasarkan risiko yang mengambil kira amalan terbaik dan piawaian industri global.

BIDANG TUGAS JAWATANKUASA AUDIT

Keahlian

Jawatankuasa Audit akan dilantik oleh Lembaga Pengarah dari kalangan para Pengarah dan akan terdiri daripada tidak kurang tiga ahli. Majoriti ahli jawatankuasa audit hendaklah terdiri daripada Pengarah-pengarah bebas. Ahli-ahli jawatankuasa audit akan memilih seorang pengerusi daripada kalangan mereka yang hendaklah seorang pengarah bebas. Pengarah silih ganti tidak boleh dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Audit.

Laporan Jawatankuasa Audit

Sekurang-kurangnya seorang ahli Jawatankuasa Audit:

- (i) hendaklah merupakan seorang ahli daripada Institut Akauntan Malaysia ; atau
- (ii) sekiranya beliau bukan ahli Institut Akauntan Malaysia, beliau hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya 3 tahun pengalaman bekerja dan:
 - (aa) beliau mesti lulus peperiksaan yang ditetapkan dalam Bahagian I Jadual Pertama Akta Akauntan 1967; atau
 - (bb) beliau mesti merupakan seorang ahli daripada persatuan akauntan yang dinyatakan dalam Bahagian II Jadual Pertama Akta Akauntan 1967.

Lembaga Pengarah hendaklah mengkaji semula tempoh jawatan dan prestasi Jawatankuasa Audit dan setiap daripada ahli-ahlinya sekurang-kurangnya sekali setiap tiga tahun untuk menentukan sama ada jawatankuasa audit telah menjalankan kewajipan mereka selaras dengan bidang-bidang tugas.

Mesyuarat dan Minit-minit

Mesyuarat akan diadakan tidak kurang daripada empat kali setahun, dan akan biasanya dihadiri oleh Pengarah Kewangan dan Ketua Audit Dalaman. Kehadiran juruaudit luar akan diminta, sekiranya diperlukan. Lain-lain ahli Lembaga boleh menghadiri mesyuarat atas jemputan Jawatankuasa Audit. Sekurang-kurangnya satu kali setahun, Jawatankuasa akan bermesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran mana-mana ahli lembaga eksekutif. Juruaudit, kedua-dua dalaman dan luar, boleh meminta mesyuarat diadakan sekiranya mereka menganggap ia perlu.

Korum hendaklah dua ahli yang hadir dan majoritinya mestilah pengarah bebas.

Setiausaha Jawatankuasa Audit hendaklah merupakan Setiausaha Syarikat. Minit-minit setiap mesyuarat akan diedarkan kepada setiap ahli Lembaga. Pengerusi Jawatankuasa akan melaporkan ke atas setiap mesyuarat kepada Lembaga.

Autoriti

Jawatankuasa diberi kuasa oleh Lembaga untuk menyiasat mana-mana aktiviti dalam bidang-bidang tugasnya dan hendaklah mempunyai akses tidak terbatas kepada apa-apa maklumat berhubung dengan Kumpulan, kedua-dua juruaudit luar dan dalaman dan kepada semua kakitangan Kumpulan. Jawatankuasa juga diberi kuasa oleh Lembaga untuk mendapat nasihat undang-undang atau nasihat bebas sebagaimana perlu.

Tugas-tugas

- 1) Untuk berbincang dengan juruaudit luar, sebelum permulaan audit, rancangan audit, yang menyatakan jenis audit, dan untuk memastikan penyelarasan audit di mana lebih daripada satu firma audit terlibat.
- 2) Untuk mengkaji bantuan yang diberikan oleh kakitangan Syarikat kepada juruaudit luar.
- 3) Untuk mengkaji pelaporan suku tahunan kepada Bursa Saham Kuala Lumpur ("BSKL") dan penyata kewangan akhir tahun Kumpulan sebelum pengemukaan kepada Lembaga, memberi tumpuan ke atas:
 - (i) andaian usaha berterusan;
 - (ii) apa-apa perubahan dalam polisi perakaunan;
 - (iii) isu-isu penting timbul daripada audit;
 - (iv) pematuhan dengan piawaian, syarat-syarat berperaturan dan lain-lain syarat undang-undang perakaunan; dan
 - (v) bidang memerlukan pengadilan utama
- 4) Untuk mengawasi mana-mana urusniaga pihak berkaitan dan keadaan percanggahan kepentingan yang mungkin timbul dalam Syarikat atau Kumpulan termasuk mana-mana urusniaga, prosedur atau perjalanan perlakuan yang menimbulkan soalan-soalan keutuhan pengurusan. Mereka juga diminta untuk memastikan bahawa para Pengarah melaporkan urusniaga sedemikian secara tahunan kepada pemegang-pemegang saham melalui laporan tahunan.
- 5) Untuk mengkaji apa-apa surat peletakan jawatan daripada juruaudit luar, dan apa-apa persoalan perletakan jawatan atau pemecatan.
- 6) Untuk menimbang penamaan dan pelantikan juruaudit luar, serta yuran audit.
- 7) Untuk mengkaji dengan juruaudit luar, penilaian beliau terhadap sistem kawalan dalaman, surat pengurusan beliau dan jawapan pengurusan.

- 8) Untuk mengkaji yang berikut berhubung dengan audit dalaman:
 - (i) kecukupan ruang lingkup, fungsi dan sumber fungsi audit dalaman dan bahawa ia mempunyai autoriti yang perlu untuk menjalankan kerjanya;
 - (ii) program audit dalaman;
 - (iii) penemuan-penemuan utama penyiasatan audit dalaman dan jawapan pengurusan, dan memastikan tindakan wajar diambil atas pengesyoran-pengesyoran fungsi audit dalaman;
 - (iv) penilaian prestasi kakitangan fungsi audit dalaman;
 - (v) pelantikan atau penamatan ahli-ahli kakitangan kanan fungsi audit dalaman;
 - (vi) peletakan jawatan ahli-ahli kakitangan audit dalaman dan memberi ahli kakitangan yang meletak jawatan peluang untuk mengemukakan alasan beliau meletak jawatan.
- 9) Untuk menimbang penemuan-penemuan utama penyiasatan dalaman dan jawapan pengurusan.
- 10) Untuk membincangkan masalah-masalah dan reservasi yang timbul daripada audit luar interim dan audit luar akhir, dan apa-apa perkara juruaudit luar mungkin ingin bincangkan (dalam ketiadaan Pengurusan, di mana perlu).
- 11) Untuk mengkaji laporan-laporan Jawatankuasa Pengurusan Risiko berhubung dengan kecukupan dan keutuhan sistem kawalan dalam Kumpulan.
- 12) Untuk menimbang lain-lain topik sebagaimana ditetapkan oleh Lembaga.
- 13) Untuk melapor secara tepat pada masa kepada BSKL mengenai mana-mana perkara yang dilaporkan olehnya kepada Lembaga Pengarah, yang tidak dirumuskan dengan memuaskan mengakibatkan pelanggaran Syarat-syarat Penyenaraian BSKL.
- 14) Untuk mengkaji semua maklumat kewangan prospektif yang diberikan kepada pengawal atur dan/atau orang-orang awam.



Tan Sri Dato' (Dr) Haji Murad
bin Mohamad Noor
(Pengerusi)



Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul
Rahman bin Wan Yaacob



Datuk Oh Chong Peng



Datuk Yahya bin Ya'acob

Ahli - ahli Jawatankuasa Audit

Penyata Kawalan Dalam

Tanggungjawab

Lembaga Pengarah menyedari kepentingan kawalan dalam yang kukuh dan amalan pengurusan risiko kepada urus tadbir korporat yang baik. Lembaga mengesahkan tanggungjawab keseluruhan bagi sistem kawalan dalaman dan pengurusan risiko Kumpulan IJM, dan untuk mengkaji kecukupan dan keutuhan sistem-sistem tersebut. Walau bagaimanapun harus diambil perhatian, bahawa sistem-sistem sedemikian direka untuk mengurus dan bukannya menghapuskan risiko kegagalan untuk mencapai objektif perniagaan. Selain daripada itu, harus diambil perhatian bahawa mana-mana sistem boleh menyediakan hanya jaminan yang berpatutan, dan bukan muktamad, terhadap salah nyataan atau kerugian material.

Kumpulan mempunyai proses yang diamalkan bagi mengenal pasti, mendokumen, menilai, mengawasi, dan mengurus risiko-risiko ketara yang melibat pencapaian objektif perniagaannya.

Rangka kerja pengurusan risiko

Lembaga telah menuhubkan struktur organisasi dengan garis-garis kebertanggungjawapan dan penugasan autoriti yang jelas. Ia telah melanjutkan tanggungjawab Jawatankuasa Audit untuk merangkumi kerja pengawasan semua kawalan dalaman bagi pihaknya, dengan bantuan Jabatan Audit Dalam (rujuk Laporan Jawatankuasa Audit).

Kumpulan telah menuhubkan Jawatankuasa Pengurusan Risiko (RMC), yang dipengerusikan oleh Pengarah Kewangan Kumpulan dan termasuk wakil-wakil daripada semua bahagian. Fungsi pengurusan risiko setiap bahagian diketuai oleh Ketua Bahagian masing-masing. RMC ditugaskan untuk membangun dan mengekalkan sistem pengurusan risiko yang berkesan dalam Kumpulan. Kajiannya meliputi perkara-perkara seperti tindakbalas kepada risiko-risiko penting yang dikenalpasti, perubahan kepada sistem kawalan dalaman dan output daripada proses pengawasan. Ia melapor secara tetap kepada Jawatankuasa Audit, yang mengkhususkan masa berasingan untuk membincang subjek ini.



Sistem pengurusan risiko Kumpulan telah diwujudkan dengan bantuan pakar-pakar luar. Penilaian dan penaksiran risiko akan mengambil tempat sebagai bahagian penting kitaran perancangan strategik. Setelah mengenal pasti risiko-risiko kepada pencapaian objektif strategik, kewangan, operasi dan lain-lain objektif perniagaan mereka, setiap perniagaan atau unit kefungsian diminta untuk mendokumen tindakan peringinan pengurusan bagi setiap risiko penting. Bidang-baru diperkenalkan untuk penilaian apabila profil risiko perniagaan berubah.

Di bawah sistem ini, setiap perniagaan atau unit kefungsian, tidak termasuk syarikat bersekutu dan usahasama, menyediakan secara tahunan ‘peta risiko’ yang meringkaskan risiko, kawalan dan proses bagi menguruskannya dan cara-cara bagi menjamin pengurusan bahawa proses-proses adalah berkesan. Ibu Pejabat Kumpulan juga menimbangkan risiko-risiko kepada objektif strategik Kumpulan, yang tidak diuruskan oleh unit perniagaan atau kefungsian. Peta-peta risiko dan apa-apa cadangan perubahan kepada kawalan dan proses-proses dilaporkan kepada RMC yang meringkaskannya untuk pertimbangan oleh Jawatankuasa Audit.


Lain-lain elemen penting bagi kawalan dalaman

Lain-lain elemen penting sistem kawalan dalaman Kumpulan termasuk:

- penugasan tanggungjawab dijelas secara nyata kepada jawatankuasa Lembaga dan unit-unit operasi, termasuk tahap pemberian kuasa untuk semua aspek perniagaan yang dibentangkan dalam campuran autoriti;
- piawaian polisi dan prosedur operasi yang didokumenkan dengan jelas yang tertakluk kepada kajian tetap dan diperbaiki;
- maklumat tetap dan komprehensif disediakan kepada pengurusan, meliputi prestasi kewangan dan penunjuk perniagaan penting, seperti penggunaan kakitangan dan prestasi aliran tunai;
- proses bajet yang terperinci di mana unit operasi menyediakan bajet bagi tahun akan datang yang diluluskan pada kedua-dua tahap unit operasi dan oleh Lembaga penuh;
- pengawasan keputusan bulanan berbanding bajet, dengan perubahan utama dibuat susulan dan tindakan pengurusan diambil, di mana perlu; dan
- Jawatan ke unit operasi oleh ahli-ahli Lembaga dan pengurusan kanan

Beberapa kelemahan kecil kawalan dalaman telah dikenal pasti dalam tempoh tersebut, semua yang mana telah, atau sedang, ditangani. Tidak ada kelemahan telah mengakibatkan apa-apa kerugian material, kontigensi, atau ketidakpastian material yang akan memerlukan pendedahan dalam laporan tahunan Kumpulan.

Jawatankuasa Pengurusan Risiko



Penyata Mengenai Kualiti

PERJALANAN KE ARAH KECEMERLANGAN MELALUI KUALITI

Kumpulan IJM telah membina reputasi bagi kualiti dan komited secara tegas kepada motonya "Kecemerlangan Menerusi Kualiti". Ia merupakan objektif Kumpulan untuk secara berterusan meningkatkan tahap prestasi kualiti bagi memastikan bahawa Kumpulan berjaya dalam perniagaan. Ke arah matlamat ini, Kumpulan berusaha untuk menjalankan operasinya dalam cara tertentu agar semua projek dan perkhidmatan yang dijalankan memenuhi keperluan klien manakala ia secara berterusan melengkapkan dirinya dengan metodologi dan alat-alat perlu bagi meningkatkan kualiti secara sistematis.

Polisi mengenai Kualiti

Ia merupakan polisi Kumpulan IJM bahawa:


- 1 Semua projek dan perkhidmatan yang dijalankan akan dilaksanakan dalam cara tertentu agar ia melebihi jangkaan pelanggan.
- 2 Kualiti produk dan perkhidmatan akhir akan dipertingkatkan melalui kajian berterusan dan pemajuan proses pembinaan dan sistem jaminan kualiti.
- 3 Kemahiran pekerja-pekerja kami yang berkelayakan dan berdedikasi pada semua peringkat akan dipertingkatkan untuk memberi khidmat yang lebih baik kepada pelanggan kami.

Sistem Penaksiran Kualiti dan Keselamatan IJM (IQSAS)

Kumpulan IJM telah mewujudkan Sistem Pengurusan kualiti yang pertama kali diperakui ISO 9002:1994 pada tahun 1996. Sejak itu, Kumpulan telah dengan jayanya memperbaharui pensijilannya setiap tahun. Untuk memperbaiki selanjutnya kualiti bangunan siapnya, Kumpulan telah mewujudkan satu piawaian dikenali sebagai Sistem Penaksiran Kualiti dan Keselamatan IJM (IQSAS).

IQSAS adalah sistem berpengaturan sendiri prosedur dan kaedah pengujian dalam mana piawaian-piawaian ditetapkan bagi pelbagai aspek kualiti dan keselamatan bagi pembinaan bangunan seperti struktur, senibina dan kerja-kerja mekanikal dan kejuruteraan.

Dalam persekitaran tenaga kerja migran yang tidak begitu mahir dan bersifat sementara, pengenalan IQSAS adalah diharatkkan untuk membolehkan Kumpulan mempertingkatkan piawaian prestasi kualiti dan keselamatan dalam projek bangunannya.



Carta di atas menerangkan loncatan kuantum dalam pencapaian kualiti IJM sepanjang beberapa tahun yang lepas.

Peningkatan Kualiti Berterusan

Sistem pengurusan kualiti projek IJM secara berterusan dinilai melalui audit kualiti dalaman dilaksanakan oleh juruaudit daripada Jabatan Sistem Kualiti (QSD) yang terletak di Ibu Pejabat. Setiap projek dan jabatan Ibu Pejabat berkenaan biasanya diaudit dua kali setahun. Dalam tahun 2002, QSD menjalankan sejumlah 64 tugas audit. Sebaik sahaja laporan ketakpatuhan (NCR) dikeluarkan, projek dan jabatan berkenaan dijangka membetul kelemahan dalam prestasi kualiti.

Keputusan semua audit dikemukakan dan disampaikan kepada Jawatankuasa Pengurusan Mutu (QMC) diketuai oleh Pengarah Urusan Kumpulan, untuk kajian pengurusan secara kerap. QMC kemudiannya, di mana perlu, membuat pengesongan-pengesongan mengenai langkah-langkah untuk memperbaiki IQSAS.

Proses peningkatan berterusan ini memastikan bahawa mutu produk akhir diberi keutamaan yang paling tinggi.



Kumpulan juga mengadakan pertandingan Anugerah Mutu di mana projek-projek dinilai secara tahunan bagi kepuasan pelanggan melalui kajian bebas. Projek dengan mata tertinggi diberikan Trofi Cabaran Pengerusi QMC dan wang hadiah, dan pertambahan bonus bagi kakitangan projek.

Pensijilan ISO

Dalam tahun 2002, IJM telah memulakan misi untuk berpindah dari piawaian 1994 ke piawaian 2000. Langkah melibatkan pertimbangan semula sistem pengurusan kualiti semasa yang lebih berasaskan-jabatan kepada sistem berdasarkan proses. Standard baru ini juga memerlukan prosedur-prosedur bagi pembangunan reka bentuk yang IJM telah diketahui mempunyai rekod prestasi cemerlang selepas menyiapkan banyak projek rekabentuk dan pembinaan. Langkah ini mendatangkan hasil apabila, pada Oktober 2002, IJM telah diberikan sijil pertingkatan kepada ISO 9001:2000 oleh SIRIM QAS.

Kumpulan telah sentiasa menggalakkan anak-anak syarikatnya untuk berusaha ke arah pensijilan ISO 9000. Terakhir untuk menyertai anak-anak syarikat IJM yang telah memperolehi pensijilan ISO 9000 ialah IJM (India) Infrastructure Ltd, satu dari hanya segelintir syarikat pembinaan di India yang mencapai kecemerlangan sedemikian. Sehingga kini sejumlah enam daripada anak-anak syarikat adalah diperakui ISO. Kerja-kerja persediaan telah bermula untuk satu lagi anak syarikat milik penuh IJM Properties Sdn Bhd mendapat pensijilan ISO pada 2003.

Soal Selidik Tahunan

Setiap tahun, borang soal selidik dihantar kepada klien atau wakil klien untuk projek-projek yang dilaksanakan bagi mempelawa maklum balas mengenai prestasi IJM. Maklum balas kemudiannya digunakan untuk mencartakan langkah-langkah masa hadapan untuk memperbaiki kualiti perkhidmatan agar mempertingkatkan kepuasan pelanggan.

Penyata Mengenai Keselamatan dan Kesihatan

Moto Kumpulan "Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar Adalah Tanggungjawab Semua" telah menjadi prinsip panduan bagi percubaan Kumpulan untuk menanam dalam budaya kerjanya keperluan untuk mengekalkan dan menguatkan tahap tinggi kesedaran keselamatan, kesihatan pekerjaan dan alam sekitar.

Kepentingan yang tinggi diberi ke atas penghalangan kecederaan dan bahaya pekerjaan kepada kakitangannya dan orang awam semasa menjalankan aktiviti-aktiviti urusan mereka telah diuji dan diperakui oleh SIRIM pada November 2000 apabila pensijilan OHSAS 18001:1999 telah dikeluarkan kepada IJM Corporation Berhad dan IJM Construction Sdn Bhd. Syarikat-syarikat ini telah menjadi dua buah syarikat pertama Malaysia dalam industri pembinaan yang telah dianugerahkan dengan pensijilan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa dalam industri pembinaan. Kumpulan telah berjaya mengekalkan pengiktirafan ini sejak itu.

Polisi Keselamatan dan Kesihatan

Adalah menjadi polisi Kumpulan IJM untuk mewujudkan kesedaran di kalangan kakitangan mereka mengenai tanggungjawab kolektif dalam menghalang kecederaan dan bahaya kesihatan di tempat kerja dan jaminan keselamatan orang awam apabila menjalankan aktiviti-aktiviti perniagaan mereka. Usaha-usaha bersama sentiasa dibuat bagi memastikan langkah-langkah sebelum memulakan aktiviti telah dijalankan di semua lokasi di mana Kumpulan beroperasi. Semenjak tahun-tahun lampau, Kumpulan telah menanam dalam budaya kerjanya keperluan untuk mengekalkan dan menguatkan tahap tinggi piawaian-piawaian keselamatan dan kesihatan.

Strategi untuk melaksanakan polisi keselamatan dan kesihatan

Strategi-strategi berikut telah digariskan untuk melaksanakan polisi:

- Mematuhi semua syarat perundungan terpakai;
- Komitmen untuk mencapai piawaian pematuhan yang lebih tinggi;
- Meningkatkan kesedaran dan kebertanggungjawapan pada semua peringkat kakitangan mengenai tanggungjawab mereka terhadap keselamatan dan kesihatan;
- Menyediakan maklumat, latihan dan kemudahan kepada setiap kakitangan dan pihak-pihak berkepentingan;
- Mengawasi prestasi dan mengkaji sistem secara tetap untuk mencapai piawaian kesihatan dan keselamatan yang lebih tinggi.

Pengurusan Sistem Keselamatan dan Kesihatan

Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan (SHC) ditubuhkan di setiap projek dan Ibu Pejabat IJM untuk tujuan:

- membantu dalam pembangunan peraturan-peraturan keselamatan dan kesihatan dan sistem kerja yang selamat;
- mengkaji keberkesanan program-program keselamatan dan kesihatan;
- menjalankan penyiasatan ke atas trend kemalangan, kemalangan yang hampir-hampir berlaku, peristiwa berbahaya, keracunan di tempat kerja atau penyakit di tempat kerja, sekiranya ada, yang berlaku di tempat kerja bersama-sama dengan pengesyoran bagi tindakan pembetulan dengan segera; dan
- mengkaji polisi-polisi keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan membuat pengesyoran kepada pihak pengurusan bagi apa-apa semakan ke atas polisi sedemikian.



Timbalan Pengarah Urusan Kumpulan Goh Chye Koon menyampaikan trofi dan hadiah wang tunai kepada pemenang Anugerah Kualiti dan Keselamatan

Setiap tapak projek dan jabatan diberikan satu salinan "Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan: Manual dan Prosedur", yang telah dirumuskan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan (SHD) dan diendorskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan Kumpulan (OHSMC). Sebelum permulaan pelaksanaan kerja-kerja pembinaan, setiap projek dikehendaki untuk menanggung Rancangan Keselamatan dan Kesihatan Projek (PSP) masing-masing. Pelaksanaan rancangan ini adalah untuk memastikan Kumpulan mengawasi dan mematuhi sepenuhnya Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.

SHC menjalankan pemeriksaan yang kerap di tapak-tapak kerja dan mesyuarat diadakan sekurang-kurangnya satu kali sebulan untuk membincangkan bidang-bidang yang berkaitan dengan peningkatan tahap keselamatan dan kesihatan. Dalam tahun, SHD melaksanakan sejumlah 25 audit keselamatan dan kesihatan, meliputi kesemua projek aktif. Di mana perlu, tindakan-tindakan pembetulan dan pencegahan disyorkan dan tindakan diambil untuk membetuli mana-mana kelemahan atau kekurangan yang boleh dikenal pasti.

Selain itu, OHSMC, diketuai oleh Pengarah Urusan Kumpulan, dan terdiri daripada pihak pengurusan kanan daripada pelbagai unit perniagaan dan fungsi, bermesyuarat secara berkala untuk mengkaji sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan sebagai sebahagian daripada langkah-langkah untuk memastikan amalan berkesan kesihatan dan keselamatan pekerjaan di tempat kerja.

Pertandingan Anugerah Keselamatan dianjurkan secara tahunan untuk menggalakkan selanjutnya kesedaran kesihatan dan keselamatan pekerjaan. Projek-projek dengan markah tertinggi dalam setiap kategori masing-masing akan dianugerahkan setiap satunya dengan trofi, hadiah wang dan bonus ditambah bagi kakitangan projek.

Latihan

Kakitangan IJM menjalani latihan sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan yang dianjurkan secara dalaman dan secara luaran. Latihan induksi juga dianjurkan bagi kesemua kakitangan atau pekerja baru yang menyertai Kumpulan, termasuk ceramah keselamatan dan kesihatan yang kerap dijalankan oleh SHD.

Dalam usahanya untuk mencapai kadar "Kemalangan Sifar" dalam Kumpulan, kakitangan IJM kerap menghadiri seminar-seminar luar mengenai langkah-langkah keselamatan. Ini termasuklah OSHA 1994, FMA 1967 & Pengenalan kepada OHSAS 18001, Latihan Pegawai Keselamatan dan Kesihatan, Bengkel Kerja mengenai Keselamatan dan Kesihatan Di Tapak Pembinaan, Induksi bagi Kad Hijau, OHSAS 18001:1999 Latihan Audit Keselamatan Dalaman, Kursus Keselamatan Landasan Keretapi, Latihan Pasukan Pertolongan Cemas & Latihan dan Tindakan Kecemasan CPR, antara lainnya.



Latihan Pertolongan cemas



Seminar keselamatan sedang dijalankan

Penyata Mengenai Alam Sekitar

Polisi

Kumpulan mempunyai tanggungjawab sosial ke arah kesejahteraan alam sekitar yang lebih baik dan akan menggabungkan objektif perniagaan dengan pembangunan jangka panjang yang boleh dikekalkan.

Pengurusan Alam Sekitar

Kumpulan menyedari isu-isu alam sekitar adalah jangka panjang dan juga rumit. Terdapat isu-isu alam sekitar dalam kebanyakan daripada operasi kami dan adalah perlu untuk menggunakan prinsip-prinsip umum dan struktur asas dalam Kumpulan IJM yang berkembang secara pesat. Kumpulan sentiasa mengkaji dan mengawasi perkara-perkara yang melibatkan keimbangan alam sekitar dalam langkah-langkah terlebih dahulu untuk mencegah kerosakan yang tidak boleh dipulihkan yang dilakukan ke atas alam sekitar. Dengan yang demikian, sistem pengurusan alam sekitar direka dengan bijak, adalah prasyarat bagi kawalan alam sekitar yang berkesan.

Pengurusan alam sekitar operasi pembinaan mengikuti garis Rancangan Pengurusan Alam Sekitar (EMP), yang termasuk tetapi tidak semestinya terhad kepada:

- bagaimana isu-isu alam sekitar yang timbul akan ditangani dalam rekabentuk kejuruteraan, dan
- bagaimana prosedur perlindungan alam sekitar dan peringanan akan dilaksanakan kesemua fasa pembinaan dan fasa operasi, sekiranya terpakai.

Komponen-komponen utama EMP menggabungkan perkara-perkara berikut:

- Rancangan Projek: Garis kasar komponen-komponen dan ciri-ciri projek, dan aktiviti utama terlibat dalam pembinaan;
- Kesan Alam Sekitar: Ringkasan potensi kesan-kesan alam sekitar dan keseriusan. Bidang kesan termasuk kualiti udara, bunyi dan air, selain daripada isu-isu kemanusiaan dan ekologi yang berkaitan dengan projek;
- Pembaikan: Mengenal pasti langkah-langkah pengurangan khusus yang boleh digunakan untuk mengawal atau membaiki kesan-kesan yang dikenal dipasti dan, dalam hal pembaikan, tahap sehingga mana langkah-langkah dinyatakan akan mengurangkan kesan;
- Pengawasan: Program pematuhan bagi mengawasi bahagian-bahagian yang mempunyai potensi kesan dikenal pasti dan keberkesanannya langkah-langkah pembaikan dicadangkan.

Bahagian-bahagian lain seperti Perladangan mempunyai rancangan alam sekitar yang teratur yang telah lama dilaksanakan.

Laporan Pengawasan dan Pematuhan Alam Sekitar

Pengawasan alam sekitar dilakukan secara berterusan pada tahap projek, sering kali dengan bantuan perunding-perunding luar. Tujuan pengawasan adalah untuk menilai keberkesanannya langkah-langkah pengurangan yang diambil untuk memastikan kesan-kesan ke atas alam sekitar dikekalkan pada tahap minimum.

Laporan Pengawasan dan Pematuhan Alam Sekitar secara keseluruhannya menggabungkan ciri-ciri utama berikut:

1. analisis keputusan bagi pelbagai pengawasan alam sekitar yang dijalankan;
2. penilaian bagi kesan-kesan alam sekitar yang dijangkakan dan keberkesanannya langkah-langkah pembaikan;
3. laporan mengenai progres kerja berdasarkan maklumat yang dikemukakan;
4. pematuhan dengan syarat-syarat dan keperluan berperaturan yang diluluskan;
5. pengesyoran ke atas tindakan selanjutnya, sekiranya ada.

Laporan-laporan ini dihasratkan untuk menyediakan kontraktor dan pihak-pihak berkuasa berkenaan dengan maklum balas mengenai pematuhan dan progres dengan pelaksanaan EMP dan mengambil tindakan sewajarnya di mana laporan ketidakpatuhan telah difailkan.



Legum yang wujud untuk mengumpul air dan memperkaya tanah



Sistem pengairan di Ladang Meliau

Perlindungan Alam Sekitar di Ladang

Pengurusan alam sekitar di ladang kelapa sawit mengikuti amalan terbaik digariskan dalam manual penanaman kami yang, mempunyai objektif-objektif utama berikut:

- Memperkenalkan amalan pengurusan agro untuk melindungi alam sekitar dan pemuliharaan tanah, air, baja dan karbon;
- Melaksana proses-proses bagi pematuhan menyeluruh mengikut undang-undang, peraturan dan piawaian-piawaian berkaitan dengan alam sekitar;
- Mengawasi keberkesanan pelaksanaan dan pematuhan.

Bahagian Perladangan telah mempraktik pelbagai amalan mesra alam sekitar untuk melindungi alam sekitar, ini termasuk:

- Pemuliharaan tanah dan air:

Penanaman segera tanaman tutup bumi mengelak berlakunya hakisan tanah. Tambahan, tanaman tutup bumi jenis legum juga menambah nutrien kepada tanah.

Lokasi-lokasi strategik di kawasan lebih tinggi telah dikenal pasti dan empangan-empangan dibina untuk mengumpul air daripada sumber-sumber air semulajadi seperti sungai dan hujan bagi pengairan ladang-ladang semasa keadaan cuaca kering.

- Pengurusan sisa kilang:

Di mana boleh dilaksana, dan tertakluk kepada kelulusan pihak-pihak berkuasa berkenaan, buangan kilang yang dirawat daripada kilang-kilang kami digunakan untuk mengairi kawasan ladang-ladang. Memandangkan buangan adalah organik, ia dapat memperkayakan tanah dengan menggalakkan aktiviti *microbial* tanah. Amalan ini telah mengurangkan penggunaan baja bukan organik. Kelebihan ditambah adalah kualiti dan saiz tandan buah yang baru telah meningkat dengan ketaranya.

Selain daripada pengairan buangan kilang, ladang juga menggunakan abu tandan dan pepejal *decanter* sebagai alternatif kepada baja bukan organik.

- Pengurusan Perosak Bersepadan:

Di mana munasabah, tumbuhan bermanfaat seperti *Cassia Cobanensis* ditanam dalam kawasan ladang. Tumbuhan ini diketahui sebagai sumber makanan yang baik untuk serangga yang menyerang perosak pokok kelapa sawit. Kehadiran tumbuhan ini bermanfaat menggalakkan pembiakan serangga-serangga bermanfaat dan menolong mengekalkan bilangan rendah perosak. Racun kimia perosak tertentu sekarang ini dielakkan dengan penggunaan kawalan biologi ke atas perosak-perosak pokok.

Amalan telah menghalang perosak-perosak sedia ada daripada mewujudkan ketahanan terhadap racun perosak kimia. Ia juga menyumbang kepada pengudaraan tanah dan nutrien organik melalui pemulihan nitrogen untuk membentuk campuran nitrogen.

- Penyesuaian dan pengkayaan tanah:

Bagi penyesuaian tanah, tandan buah kosong (EFB) yang dipotong digunakan untuk mengurangkan tekanan air ke atas pokok-pokok kelapa sawit yang disebabkan oleh keadaan tanah yang kurang memuaskan, seperti bahan-bahan berpasir atau tanah liat. Ia juga menyumbang kepada bahan-bahan organik dan nutrien semulajadi selepas pereputan. Dengan yang demikian, EFB, apabila digunakan sebagai penutup atas tanah, mengekalkan kelembapan sebagai tambahan kepada nutrient-nutrien.

Untuk memperkayakan tanah, Bahagian Perladangan menggunakan legum sebagai penutup pertumbuhan semasa peringkat permulaan pertumbuhan pokok-pokok kelapa sawit untuk menghalang pertumbuhan tumbuhan yang tidak dingini yang boleh bersaing untuk mendapatkan nutrien dan cahaya matahari. Legum yang wujud juga menyumbang bahan-bahan organik, nutrien-nutrien dan pengudaraan tanah yang akan menghalang pembiakan perosak, hakisan tanah dan meningkatkan mutu tanah.

- Pendekatan Pembakaran - Sifar:

Bahagian Perladangan telah mengamalkan polisi pendekatan pembakaran-sifar dalam kesemua program penanaman semulanya.

Pusat Kualiti, Latihan dan Penyelidikan Bahagian Perladangan secara berterusan mengawasi pematuhan amalan-amalan baru untuk mempertingkatkan amalan pengurusan alam sekitar di semua ladang kelapa sawit Bahagian ini.



Tumbuhan manfaat *Cassia cobanensis* ditanam sebagai sumber makanan serangga yang menyerang perosak pokok

Penyelidikan dan Pembangunan, serta Inovasi

IJM menyedari bahawa ia beroperasi dalam persekitaran yang amat bersaingan. Produk dan perkhidmatan yang lebih baik dikeluarkan pada kos yang lebih rendah dan lebih cepat adalah penting untuk terus berada di hadapan persaingan.


Bidang kami dalam mengeluarkan produk dan perkhidmatan yang berkualiti dan inovatif akan terus menjadi asas bagi pertumbuhan kami. Kami akan terus memperuntukkan sumber kami dalam cara sinergistik untuk menghapus kependuaan, untuk mengukur rujuk proses kami berbanding piawaian antarabangsa tertinggi dan untuk menganuti teknologi terkini untuk kekal di hadapan. Pelaburan khusus untuk penyelidikan dan pembangunan, dan membangunkan pendekatan inovatif akan menjadi kunci kepada pertumbuhan boleh dikekalkan dalam perniagaan kami. Kami akan maju ke hadapan dengan kesedaran bahawa kami boleh terus membentuk dan menjamin masa depan kami hanya dengan mengamalkan seni pengaturan semula dan inovasi tetap, dan mengeluarkan produk yang berkualiti lebih tinggi melalui pelaburan dalam penyelidikan dan pembangunan.

Inovasi dan Kecemerlangan Pembinaan

Kumpulan telah membuktikan dirinya sebagai pengusaha terunggul dalam industri pembinaan, terutama sekali melalui kerja-kerja pembinaan yang direka secara inovatif dan berkualiti dijalankan dalam tempoh masa yang sependek mungkin. Kami percaya dalam menggunakan perkakasan dan teknologi terkini untuk mencipta produk dan untuk membina struktur dengan cepat dan cekap hingga ke piawaian berkualiti tertinggi dan memenuhi keperluan negara pada masa ini dan masa hadapan.

Membina Pusat Konvensyen Putrajaya bernilai RM603 juta atas dasar serah kunci dalam masa 22 bulan memerlukan perancangan penyelaras dan pelaksanaan intensif. Peralatan terkini yang canggih memerlukan penyepadan untuk berfungsi dalam cara yang padat. Kesemua ini bermakna kaedah pembinaan baru bagi kelajuan, kemahiran baru bagi penyepadan sistem dan lain-lain lagi. Mercu tanda kelas dunia, PCC akan menjadi simbol keupayaan IJM untuk memanfaatkan kemahiran dan keupayaan pelbagai disiplin untuk menghasilkan

Jejak-jejak kami di dunia



Projek-projek masa lepas di.....



bangunan kelas dunia. Setiap projek serah kunci baru adalah ujian kemahiran kami untuk menginovasi, menggunakan teknologi dan produk baru dan menyerah produk akhir yang berkualiti dengan sentiasa memendekkan tempoh pembinaan.

Kami telah membuktikan diri kami sebagai pengusaha antarabangsa dalam industri pembinaan dan industri berkaitan pembinaan. Kami telah bertapak dalam banyak Negara. Kami adalah dalam kalangan kontraktor-kontraktor Malaysia pertama untuk mencebur ke dalam pasaran antarabangsa seperti Argentina, Australia, Bangladesh, Chile, China, Florida (USA), Hong Kong, India, Mauritius, Namibia, Pakistan dan Singapura, antara lainnya. Kami memperolehi konsesi loji rawatan air BOT yang pertama di Vietnam semasa hanya beberapa kontraktor mencari nasib di sana. Dalam setiap pasaran ini, kemahiran baru diperlukan untuk disesuaikan kepada keadaan tempatan, beroperasi secara berkesan dan menyerah produk yang dijanjikan dengan cepat.

Produk Inovatif

Kumpulan juga sentiasa mencari jalan untuk membangunkan produk baru untuk diguna dalam perniagaan pembinaan.

Kejayaan terkini yang dikutip oleh IJM adalah usahasama yang dimasuki oleh anak syarikat milik penuhnya, IJM Building Systems Sdn Bhd, untuk mengkomersialkan pengeluaran panel komposit simen bertetulang gentian kelapa sawit ringan pertama, dicipta dan dipatenkan di Malaysia. Panel-panel ini akan digunakan sebagai komponen sesekat tidak membawa bebanan dalam pembinaan perumahan, atau lain-lain perniagaan tertentu.

Produk telah ditauliahkan oleh Anugerah Malaysian Book of Records sebagai produk pertama mengguna gentian mentah daripada batang kelapa sawit bagi blok simen ringan untuk penggunaan dalam bangunan bertingkat tinggi. Gentian-gentian ini mempunyai kekuatan ketegangan amat tinggi berbanding dengan lain-lain gentian asli dan mempunyai potensi penggunaan yang besar. Kegunaan gentian asli



Pengeluaran blok simen ringan menggunakan gentian mentah daripada batang pokok kelapa sawit: Pentauliahan oleh Malaysian Book of Records

ini diperolehi daripada batang-batang pokok kelapa sawit dan tangkai buah sawit, manakala menyediakan kegunaan ekonomi bagi produk sampingan, juga membantu alam sekitar memandangkan ia tidak lagi perlu untuk dibakar.

Penyelidikan dan Pembangunan

Kumpulan terus meletak kepentingan tinggi ke atas penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam Bahagian Perladangannya dalam usahanya untuk mengekal kelebihan jauh ke hadapan. Pelaburan besar telah dibuat dalam R&D dan latihan sebagaimana terbukti oleh pembukaan rasmi Pusat Mutu, Latihan dan Penyelidikan (QTRC) pada Mei 2002.

Aktiviti R&D utama adalah penyemaian dan pengeluaran benih kelapa sawit. Untuk tujuan ini, dan bersama dengan ujian ke atas peningkatan jenis kelapa sawit dan



Benih IJM DxP

agronomi, Bahagian kini mengeluarkan benih hybrid berkualitinya sendiri untuk memenuhi keperluan pengembangannya. Pada 2002, QTRC mengeluarkan lebih daripada 500,000 benih hibrid DxP bagi Projek Sugut. Ini merupakan mercu kejayaan penting dalam usaha R&D kami.

Penyelidikan dalam penggunaan kawalan biologi untuk mengurangkan penggunaan racun serangga, menukar sisa kilang kepada baja semula jadi juga sedang dijalankan.

Selain daripada itu, 5 kursus latihan dijalankan di Pusat. Aktiviti penyelidikan dan latihan di QTRC dalam tahun-tahun akan datang dijangka akan menyumbang selanjutnya ke arah peningkatan produktiviti Bahagian ini.

Orang-Orang Kami

IJM percaya bahawa sumber manusia adalah aset yang paling penting. Kejayaan Kumpulan dicapai melalui sumbangan padu daripada perkhidmatan kakitangan yang komited, kompeten dan dedikasi yang terus berusaha keras untuk cemerlang dalam prestasi kerja mereka. Untuk mengekalkan mutu aset tidak ternilai ini, Kumpulan telah memperuntukkan sebahagian besar daripada sumber-sumbernya secara berterusan mempertingkatkan kemahiran kakitangan dengan kekompetenan yang relevan untuk menyokong pertumbuhan jangka panjangnya.



Pekerja-pekerja di tapak pembinaan

Latihan

Sebagai perkara polisi, pihak pengurusan berterusan menggalakkan kakitangan untuk meningkatkan keupayaan dan kemahiran mereka melalui penyertaan dalam aktiviti-aktiviti pembangunan formal seperti latihan, seminar profesional dan lain-lain. Pada tahun 2002, Kumpulan membelanjakan RM401,683 dalam pelbagai program pengukuhan kekompetenan dalaman dan luar. Program-program ini merangkumi kemahiran semasa kerja, teknologi maklumat, pengurusan keselamatan dan kesihatan, dan kemahiran mudah seperti pengurusan, akaun dan kewangan, pembangunan penyeliaan, kemahiran pembentangan dan penulisan laporan. Seminar dan ceramah pengurusan risiko juga telah dianjurkan untuk Lembaga Pengarah dan semua tahap pengurusan. Sejumlah 30,418 jam manusia latihan telah disediakan oleh Kumpulan pada 2002.

Selain daripada usaha-usaha Kumpulan untuk memupuk beberapa graduan muda daripada pelbagai latar belakang akademik dalam bidang keselamatan dan kesihatan, satu pasukan seramai 15 kakitangan daripada bahagian pembinaan telah dikenal pasti dan dihantar untuk menghadiri kursus pensijilan Pegawai Keselamatan dan Kesihatan buat pertama kalinya. Ini adalah usaha penuh kesedaran Kumpulan untuk membina sekumpulan Pegawai Keselamatan dan Kesihatan yang kompeten dan berkelayakan bagi memenuhi syarat-syarat berkanan OSHA, 1994.

Kumpulan menyedari kepentingan membangun, mengurus dan mengekal bakat-bakat melalui kerjaya yang memuaskan dengan pengiktirafan yang bermerit. Kursus-kursus induksi mengenai kepercayaan dan nilai teras Kumpulan dianjurkan untuk kakitangan-kakitangan baru bagi memastikan kejayaan penyepadan dan asimilasi mereka ke dalam Kumpulan. Graduan-graduan muda di tempatkan di tempat kerja di bawah sistem pementoran yang bermula daripada saat mereka menyertai syarikat. Ini menyediakan pembangunan tertumpu kakitangan dengan latihan dan panduan sewajarnya yang membolehkan pengenalpastian awal potensi bakat-bakat bagi proses pemupukan terancang. Pelaksana-pelaksana dikenal pasti kemudiannya disuruh melalui rangkaian pemecutan kerjaya bagi pengiktirafan keupayaan mereka.



Sebahagian dari pekerja-pekerja IJM bersama Pengarah Urusan Kumpulan Krishnan Tan pada Minggu Pelabur-pelabur BSKL 2002

Kebajikan Kakitangan

Kebajikan kakitangan tidak dilupakan manakala Kumpulan berusaha untuk membentuk lebih banyak kekayaan kepada pemegang-pemegang sahamnya. Kumpulan mempunyai Skim Persaraan IJM yang bertujuan untuk menyediakan jaring keselamatan sebagai jaminan kepada kakitangan yang bersara dan kakitangan yang terpaksa berhenti disebabkan oleh kesihatan atau kemalangan yang kurang bernasib baik.



Pemain-pemain Sepak Takraw sedang beraksi pada Sukan Daerah Kumpulan yang ke-4

Kumpulan juga menyediakan skim dan perlindungan insurans, seperti penyakit kritis, kemasukan ke hospital dan pembedahan, dan perlindungan kemalangan diri 24-jam di seluruh dunia. Kumpulan, melalui Kelab Sukan IJMnya, mengendalikan Tabung Kebajikan IJM, yang memberi bantuan kewangan kepada kakitangan yang terjejas oleh keadaan dan peristiwa malang.

Aktiviti Sukan dan Sosial

Setiap dua tahun sekali, pelbagai bahagian dalam Kumpulan berkumpul untuk mengambil bahagian dalam Sukan Daerah Kumpulan. Tahun ini syarikat bersekutu kami Industrial Concrete Products Berhad menjadi tuan

rumah bagi acara ini yang diadakan di Pusat Latihan Petronas Bangi, melibatkan lebih 280 kakitangan Kumpulan dari daerah Tengah, Utara, Selatan dan Timur. Terdapat persaingan yang sengit dalam pertandingan-pertandingan di antara sepuluh acara yang diadakan, menggambarkan sifat bersaingan tinggi kakitangan-kakitangan manakala jerit pekik para penyokong membuktikan semangat pasukan kukuh yang wujud. Juara keseluruhan tahun ini adalah Daerah Tengah.

Kakitangan-kakitangan juga gemar menyertai pelbagai marathon dan pertandingan jalan kaki. Dalam acara-acara individu, syarikat bangga mempunyai seorang kakitangan, Gunavathi a/p Kandaya, yang telah mencatat nama bagi dirinya sendiri sebagai atlit di peringkat kebangsaan dalam beberapa kejohanan atlit. Acara-acara termasuk lari berganti-ganti, larian, walkathon dan marathon.

Di Bahagian Perladangan, ia bukan sahaja berkisar mengenai penanaman kelapa sawit. Pasukan bertenaga kami di situ telah menambah satu lagi kejayaan melalui pengenalan pasukan sukan kedua - Ragbi (*yang pertama adalah bola sepak*).



Majlis Makan Malam dan Tarian Tahunan Syarikat ke-19 di Sheraton Hotel, Subang Jaya

Pasukan IJM Cobra mengambil bahagian dalam Kejohanan Cobra Kedua 10's East Malaysia dan Kejohanan Inaugural Labuan 10's di mana pasukan kami telah muncul sebagai johan, mengalahkan pasukan-pasukan lawan dari Sabah, Sarawak, Brunei dan Indonesia.

Majlis Makan Malam dan Tarian Tahunan Syarikat ke 19 telah diadakan di Sheraton Hotel, Subang Jaya. Ia telah dihadiri oleh kira-kira 850 kakitangan dan pasangan mereka. Beberapa perjumpaan juga telah dianjurkan untuk meraikan pelbagai perayaan yang unik kepada masyarakat berbilang kaum kami. Seperti biasa, kakitangan daripada semua tahap daripada kaum berbeza turut serta dalam perjumpaan dengan sepenuh hati.

Anugerah Kesetiaan

Dengan persekitaran kerja yang kondusif dan mesra, bukanlah sesuatu yang memerlukan yang Kumpulan mempunyai bilangan kakitangan setia yang ramai, dengan itu menyediakan Kumpulan dengan kesinambungan, sebagaimana ditunjukkan dalam jadual di bawah:

Tahun perkhidmatan	Bilangan kakitangan
5 tahun dan ke bawah	711
5 tahun hingga 10 tahun	330
10 tahun hingga 15 tahun	182
15 tahun hingga 20 tahun	48
Melebihi 20 tahun	97
	1,368


Sebagai mengiktiraf perkhidmatan dan sumbangan setia kakitangan-kakitangannya, IJM menganugerahkan anugerah Kesetiaan kepada kesemua kakitangan yang mencapai ulang tahun kedua puluh mereka dengan Kumpulan. Pada 2002, 10 kakitangan mencapai kejayaan ini dan telah dianugerahkan pada Jamuan Makan Malam dan Tarian Tahunan Kumpulan.





Penerima-penerima anugerah kesetiaan 20-tahun perkhidmatan bersama Pengarah Urusan Krishnan Tan

Kakitangan dan Produktiviti

KAKITANGAN MENGIKUT PENGKELASAN



KAKITANGAN MENGIKUT KOMPOSISI ETNIK



* Tidak termasuk laba/kerugian

Perkhidmatan Masyarakat

Perihatin Terhadap Masyarakat

Kumpulan IJM percaya ia ditubuhkan bukan untuk tujuan perniagaan semata-mata. Kumpulan memainkan peranan aktif sebagai warga korporat yang bertanggungjawab dari segi sosialnya dengan memenuhi keperluan pelbagai lapisan masyarakat dan organisasi, melalui sumbangan yang dibuat kepada pertubuhan kebajikan, pendidikan, kebudayaan, kesihatan dan sukan.

Pada tahun 2002, penerima bagi sumbangan dalam bentuk tunai dan bukan tunai termasuklah Majlis Kanser Nasional, Yayasan Kemanusiaan Malaysia, Pusat Penjagaan Kanak-kanak Cacat Taman Megah, Rumah Ozanam, Persatuan Rumah Kebajikan Grace, Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan, Badan Warisan Malaysia, Pusat Perlindungan Perkumpulan Kristian untuk Bantuan dan Kebajikan Selangor, Yayasan Sultan Idris, Little Sisters of the Poor, Yayasan Kebajikan Rotary Pulau Pinang, Yayasan Kebajikan Anak-anak Yatim Kelantan, and Rumah Anak-anak Yatim dan Orang Tua Pulau Pinang, antara lainnya.



IJM memberi sumbangan kepada komuniti

Dalam sokongannya ke arah pembangunan sukan, Kumpulan membuat sumbangan kepada Majlis Sukan Negara dan Majlis Olimpik Malaysia. Ia juga ahli charter Sports Excel yang menyokong dan memupuk ahli sukan muda untuk mencapai kecemerlangan sukan dalam sukan mereka masing-masing. Ia juga menaja beberapa kejohanan sukan seperti Kejohanan COBRA 10's East Malaysian.

Dalam usaha untuk menerajui perkembangan ragbi di Sabah, Kumpulan, melalui anak syarikatnya, IJM Plantations Sdn Bhd melaksanakan Program 3-tahun Pembangunan Ragbi Remaja bagi sekolah-sekolah menengah terpilih di Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau di Sabah. Jurulatih-jurulatih dari Fiji telah diambil untuk melaksanakan lebih banyak program-program.



Para pekerja IJM kerap terlibat dalam kempen menderma darah

Kakitangan IJM juga terlibat dalam pelbagai aktiviti kemasyarakatan. Ini termasuklah kempen derma darah, melawat ke rumah-rumah kebajikan dan pemungutan bahan kitar semula seperti pakaian, peralatan rumah dan barang permainan untuk didermakan kepada beberapa pertubuhan.

Anugerah Biasiswa IJM

IJM berterusan untuk menganugerahkan biasiswa kepada mahasiswa/i yang memerlukan dan yang sedang meneruskan pendidikan tinggi tempatan. Anugerah-anugerah ini menyediakan aliran berterusan remaja profesional bijak dengan kekompetenan dan keupayaan yang berkaitan bagi mengekalkan dan mengukuhkan pertumbuhan jangka panjang Kumpulan.

Pinjaman dan bantuan juga ditawarkan kepada kakitangan sedia ada bagi mendapat kelayakan selanjutnya seperti program eksekutif MBA.



Pemegang-pemegang biasiswa - dahulu dan sekarang - bersama Pengarah Urusan Krishnan Tan



Penyata Kewangan



• Laporan dan Penyata Para Pengarah	72
• Penyata Pendapatan	78
• Kunci Kira-kira	79
• Penyata Perubahan dalam Ekuiti	80
• Penyata Aliran Tunai Disatukan	83
• Penyata Aliran Tunai Syarikat	84
• Ringkasan Polisi-polisi Perakaunan Penting	85
• Nota-nota kepada Penyata Kewangan	93
• Senarai Anak-anak Syarikat dan Syarikat-syarikat Bersekutu	132
• Perakuan Berkanun	138
• Laporan Juruaudit kepada Ahli-ahli	139

Laporan dan Penyata Para Pengarah

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2002

Para Pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan tahunan mereka yang ke-19 bersama dengan penyata kewangan teraudit Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2002.

KEGIATAN UTAMA

2. Syarikat pada dasarnya terlibat dalam pembinaan, pembangunan harta dan pemegangan pelaburan. Kegiatan utama Kumpulan adalah dalam pembinaan, pembangunan harta, pengilangan dan pengkuarian, penanaman kelapa sawit dan pemegangan pelaburan.

Tidak ada perubahan ketara dalam kegiatan utama ini dalam tahun kewangan.

KEPUTUSAN KEWANGAN

	KUMPULAN RM'000	SYARIKAT RM'000
3. Keuntungan daripada kegiatan biasa selepas cukai Kepentingan minoriti	136,280 (16,079)	63,433 -
Keuntungan bersih bagi tahun	<u>120,201</u>	<u>63,433</u>

DIVIDEN

4. Dividen dibayar, diisyihar atau dicadangkan semenjak akhir tahun kewangan yang lepas adalah seperti berikut:-

	RM'000
(a) Berhubung dengan tahun berakhir 31 Disember 2001 sebagaimana dicadangkan dalam Laporan dan Penyata Para Pengarah bagi tahun tersebut:-	
Dividen akhir sebanyak 5% tolak cukai dibayar pada 19 Julai 2002	<u>13,060</u>
(b) Berhubung dengan tahun berakhir 31 Disember 2002:-	
Dividen interim pertama sebanyak 5% tolak cukai dibayar pada 15 November 2002	13,087
Dividen interim kedua sebanyak 7% tolak cukai akan dibayar pada 22 Mei 2003	<u>18,342</u>

Para pengarah tidak mengesyorkan bayaran dividen akhir bagi tahun berakhir 31 Disember 2002.

RIZAB DAN PERUNTUKAN

5. Tidak ada pemindahan material kepada atau daripada rizab atau peruntukan dalam tahun kewangan selain daripada yang didehdakan dalam nota-nota kepada penyata kewangan.

MODAL SAHAM

6. Sepanjang tahun kewangan ini, saham biasa yang diterbitkan dan berbayar Syarikat telah bertambah daripada RM352,722,654 kepada RM363,936,565 melalui:-

- (a) Terbitan 9,605,000 saham biasa baru bernilai RM1 sesaham selaras dengan ESOS dirujukkan dalam perenggan 7 di bawah:-
- (i) 8,888,000 saham biasa baru bernilai RM1 sesaham pada harga pelaksanaan RM4.01 setiap saham;
 - (ii) 376,000 saham biasa baru bernilai RM1 sesaham pada harga pelaksanaan RM3.89 setiap saham; dan
 - (iii) 341,000 saham biasa baru bernilai RM1 sesaham pada harga pelaksanaan RM1.82 setiap saham.
- (b) Terbitan 1,608,911 saham biasa baru bernilai RM1 sesaham menerusi penukaran Waran 2000/2004 pada harga pelaksanaan RM2.99 selaras dengan Surat Ikatan Pol bertarikh 24 Januari 2000.

Saham biasa baru akan bertaraf pari passu dalam semua hubungan dengan saham-saham sedia ada Syarikat yang diterbitkan.

SKIM OPSYEN SAHAM KAKITANGAN (“ESOS”)

7. Pada mesyuarat Agung Luar Biasa yang diadakan pada 9 Mac 1995, ESOS, yang pada mulanya tamat pada 12 Mac 1997, telah diluluskan untuk dilanjutkan bagi tempoh lima tahun untuk tamat pada 12 Mac 2002. Jumlah bilangan saham yang boleh ditawarkan kepada kakitangan dan Pengarah Eksekutif Kumpulan yang layak telah ditambah kepada maksimum 10% daripada modal saham Syarikat yang diterbitkan dan harga pelaksanaan adalah purata sebut harga pasaran pertengahan saham-saham Syarikat sebagaimana ditunjukkan dalam Senarai Rasmi Harian yang dikeluarkan oleh BSKL bagi lima (5) hari dagangan sebelum Tarikh Tawaran atau pada nilai tara saham biasa Syarikat, yang mana lebih tinggi. ESOS tamat pada 12 Mac 2002 dan baki opsyen yang tidak dilaksanakan luput pada tarikh tersebut.

Tarikh Diberi	Bilangan Saham Biasa ('000)			Luput pada 12.03.2002	Harga Pelaksanaan
	Diberikan	Dilaksanakan	Ditamatkan		
17.03.1995	*19,894	15,497	2,380	2,017	RM4.01*
29.12.1995	1,537	1,393	72	72	RM3.89
01.11.1997	10,832	10,203	629	-	RM1.82
	32,263	27,093	3,081	2,089	

* Diselaraskan untuk terbitan bonus pada 1995

WARAN

8. Waran 2000/2004 diwujudkan melalui Surat Ikatan Pol bertarikh 24 Januari 2000.

Dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2000, Syarikat menerbitkan RM150,000,000 jumlah nominal Bon Tidak Bercagar Boleh Tebus 5% 2000/2005 bersama 80,178,930 waran boleh cerai kepada pelanggan utama atas dasar urusniaga dibeli.

Setiap waran memberi hak kepada pemegang berdaftar untuk melanggan satu (1) saham biasa baru dalam Syarikat pada bila-bila masa pada atau selepas 28 Februari 2000 hingga 28 Ogos 2004 atau tarikh tertentu dilanjutkan selaras dengan peruntukan Surat Ikatan Pol, pada harga pelaksanaan RM2.99 setiap saham atau harga selaraskan tertentu menurut peruntukan dalam Surat Ikatan Pol. Mana-mana Waran 2000/2004 tidak dilaksanakan pada tarikh matang akan luput dan terhenti daripada menjadi sah untuk apa-apa tujuan.

Saham-saham yang diterbitkan daripada pelaksanaan Waran 2000/2004 akan bertaraf pari passu dalam semua hubungan dengan saham biasa sedia ada Syarikat yang diterbitkan kecuali bahawa saham-saham ini tidak akan berhak kepada apa-apa dividen, pengagihan atau hak melainkan pelaksanaan Waran 2000/2004 telah dikuatkuasakan sebelum penutupan buku daftar saham bagi penentuan kelayakan pada hak-hak atau pengagihan sedemikian.

PARA PENGARAH

9. Para Pengarah yang memegang jawatan semenjak tarikh laporan dan penyata terakhir adalah:-

Tan Sri Dato' (Dr) Haji Ahmad Azizuddin bin Haji Zainal Abidin, *Pengerusi Bukan Eksekutif Bebas*
 Tan Boon Seng @ Krishnan, *Pengarah Urusan Kumpulan*
 Goh Chye Koon, *Timbalan Pengarah Urusan Kumpulan*
 Soo Heng Chin, *Pengarah Eksekutif Kumpulan*
 Velayuthan A/L Tan Kim Song, *Pengarah Eksekutif Kumpulan*
 Tan Sri Dato' (Dr) Haji Murad bin Mohamad Noor, *Pengarah Kanan Bukan Eksekutif Bebas*
 Datuk Oh Chong Peng, *Pengarah Bukan Eksekutif Bebas (dilantik pada 12 April 2002)*
 Datuk Yahya bin Ya'acob, *Pengarah Bukan Eksekutif Bebas*
 Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob, *Pengarah Bukan Eksekutif*
 Dato' Goh Chye Keat, *Pengarah Bukan Eksekutif*
 Lai Meng, *Pengarah Bukan Eksekutif*
 Haji Osman bin Haji Ismail, *Pengarah Bukan Eksekutif*
 Choo Choon Yeow, *Pengarah Bukan Eksekutif (bersara pada 22 Mei 2002)*
 Dato' Arthur Tan Boon Shih, *Pengarah Bukan Eksekutif (meletak jawatan pada 4 April 2002)*

10. Mengikut Daftar Pemegangan Saham para Pengarah, butir-butir kepentingan para Pengarah dalam saham-saham Syarikat dalam tahun kewangan adalah seperti berikut: -

Nama Pengarah	Bilangan Saham Biasa Bernilai RM1 sesaham			
	Baki 01.01.2002	Diperolehi	Dilupuskan	Baki 31.12.2002
Tan Sri Dato' (Dr) Haji Ahmad Azizuddin bin Haji Zainal Abidin				
Kepentingan langsung	-	46,000	-	46,000
Kepentingan tidak langsung	45,000	-	15,000	30,000
Tan Boon Seng @ Krishnan				
Kepentingan langsung	432,698	328,000	-	760,698
Kepentingan tidak langsung	357,698	12,000	50,000	319,698
Goh Chye Koon				
Kepentingan langsung	258,712	250,000	210,000	298,712
Soo Heng Chin				
Kepentingan langsung	-	179,000	174,000	5,000
Velayuthan A/L Tan Kim Song				
Kepentingan langsung	8,000	274,000	-	282,000
Tan Sri Dato' (Dr) Haji Murad bin Mohamad Noor				
Kepentingan langsung	10,333	-	-	10,333
Dato' Goh Chye Keat				
Kepentingan langsung	658,362	178,000	260,000	576,362
Kepentingan tidak langsung	801,132	-	201,000	600,132

11. Butir-butir opsyen saham para Pengarah dalam tahun kewangan selaras dengan ESOS dirujukkan dalam perenggan 7 di atas adalah seperti berikut: -

Nama Pengarah	Bilangan Saham Biasa Bernilai RM1 sesaham		
	Baki 01.01.2002	Opsyen Dilaksanakan	Baki * 12.03.2002
Tan Boon Seng @ Krishnan	318,000	318,000	-
Goh Chye Koon	250,000	250,000	-
Soo Heng Chin	174,000	174,000	-
Velayuthan A/L Tan Kim Song	274,000	274,000	-
Dato' Goh Chye Keat	178,000	178,000	-

* Tarikh tamat ESOS

12. Butir-butir pemegangan waran para Pengarah dalam tahun kewangan adalah seperti berikut: -

Nama Pengarah	Baki 01.01.2002	Bilangan Waran		Baki 31.12.2002
		Diperolehi	Dilupuskan/ Dilaksanakan	
Tan Sri Dato' (Dr) Haji Ahmad Azizuddin bin Haji Zainal Abidin				
Kepentingan langsung	31,000	-	31,000	-
Kepentingan tidak langsung	8,200	-	-	8,200
Tan Boon Seng @ Krishnan				
Kepentingan langsung	1,647,000	-	-	1,647,000
Kepentingan tidak langsung	234,000	-	-	234,000
Goh Chye Koon				
Kepentingan langsung	1,126,000	-	150,000	976,000
Soo Heng Chin				
Kepentingan langsung	940,000	4,000	302,000	642,000
Velayuthan A/L Tan Kim Song				
Kepentingan langsung	801,600	20,000	273,000	548,600
Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob				
Kepentingan langsung	33,400	-	-	33,400
Dato' Goh Chye Keat				
Kepentingan langsung	132,000	100,000	-	232,000
Kepentingan tidak langsung	172,000	-	-	172,000

13. Mengikut Daftar Pemegangan Saham para Pengarah, tidak ada Pengarah lain mempunyai sebarang kepentingan langsung atau tidak langsung dalam saham-saham Syarikat dalam tahun kewangan.
14. Sejak akhir tahun kewangan yang lepas, tidak ada Pengarah yang telah menerima atau menjadi berhak untuk menerima faedah (selain daripada yuran dan lain-lain emolumen yang ditunjukkan dalam penyata kewangan) dengan alasan kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau oleh syarikat berkaitan dengan Pengarah atau dengan firma yang mana Pengarah merupakan ahli, atau dengan syarikat dalam mana Pengarah mempunyai kepentingan kewangan besar selain daripada Dato' Goh Chye Keat yang mempunyai kepentingan kewangan besar dalam Industrial Concrete Products Berhad, syarikat bersekutu Kumpulan yang berdagang dengan Syarikat dan Kumpulan dalam perjalanan biasa perniagaan dan Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob yang mempunyai kepentingan kewangan yang besar dalam Minconsult Sdn Bhd, yang berurusniaga dengan Syarikat dan Kumpulan dalam perjalanan biasa perniagaan sebagaimana dinyatakan dalam Nota 45 kepada penyata kewangan.
15. Kecuali sebagaimana dinyatakan di atas, sama ada dalam mahupun pada akhir tahun kewangan, Syarikat atau mana-mana anak-anak syarikatnya tidak menjadi pihak kepada mana-mana pengaturan yang objeknya adalah untuk membolehkan Pengarah-pengarah mendapat faedah melalui pembelian saham-saham atau debentur Syarikat atau mana-mana badan korporat lain.

LAIN-LAIN MAKLUMAT BERKANUN

16. Sebelum penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah-langkah yang munasabah: -
- (a) untuk memastikan tindakan yang diambil berhubung dengan penghapusan kira hutang lapuk dan penyediaan peruntukan bagi hutang rugu dan berpuas hati bahawa kesemua hutang lapuk yang diketahui telah dihapus kira dan peruntukan yang mencukupi telah dibuat bagi hutang rugu; dan
 - (b) untuk memastikan bahawa mana-mana aset semasa yang berkemungkinan tidak dapat direalis nilai bukunya dalam perjalanan biasa perniagaan telah dikurangkan nilai kepada anggaran nilai boleh direalisnya.
17. Pada tarikh laporan dan penyata ini, para Pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan: -
- (a) yang akan menjadikan jumlah dihapus kira bagi hutang lapuk atau jumlah peruntukan bagi hutang rugu Kumpulan dan Syarikat tidak mencukupi sehingga mana-mana tahap yang material atau nilai yang boleh dikaitkan kepada aset semasa Kumpulan dan Syarikat mengelirukan; atau
 - (b) yang telah timbul yang menjadikan pematuhan kepada kaedah penilaian aset atau liabiliti sedia ada Kumpulan dan Syarikat mengelirukan atau tidak wajar; atau
 - (c) tidak sebaliknya diuruskan dalam laporan dan penyata ini atau dalam penyata kewangan yang akan menjadikan mana-mana jumlah yang dinyatakan dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat mengelirukan.
18. Dalam tempoh antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan dan penyata ini: -
- (a) tidak ada perkara, urusniaga atau peristiwa lain yang bersifat material dan luar biasa yang telah timbul yang, pada pendapat para Pengarah, akan secara ketara menjelaskan keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan semasa; atau
 - (b) tidak ada gadaian telah timbul ke atas aset mana-mana syarikat dalam Kumpulan yang menjamin liabiliti mana-mana pihak lain atau mempunyai apa-apa liabiliti kontingen yang timbul dalam mana-mana syarikat dalam Kumpulan.
19. Tidak ada liabiliti kontingen atau lain-lain liabiliti mana-mana syarikat dalam Kumpulan telah berkuatkuasa atau berkemungkinan dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan yang, pada pendapat para Pengarah, akan atau mungkin menjelaskan keupayaan Syarikat dan anak-anak syarikatnya untuk menunaikan obligasi mereka apabila obligasi ini timbul.
20. Pada pendapat para Pengarah: -
- (a) keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat dalam tahun kewangan tidak terjejas secara ketara oleh sebarang perkara, urusniaga atau peristiwa yang bersifat material dan luar biasa; dan
 - (b) penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat dinyatakan pada muka surat 78 hingga 137 disediakan untuk memberi gambaran sebenar dan adil mengenai hal ehwal Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2002 dan mengenai keputusan dan aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian-piawaian perakaunan yang diluluskan terpakai di Malaysia dan peruntukan-peruntukan Akta Syarikat, 1965.

JURUAUDIT

21. Juruaudit, PricewaterhouseCoopers, telah menyatakan kesanggupan mereka untuk terus berkhidmat. Para Pengarah mengendorskan pengesyoran Jawatankuasa Audit untuk melantik semula PricewaterhouseCoopers sebagai Juruaudit.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga selaras dengan resolusi para Pengarah.



TAN SRI DATO' IR. (DR) WAN ABDUL RAHMAN
BIN WAN YAACOB



TAN BOON SENG @ KRISHNAN

Petaling Jaya
27 Februari 2003

Penyata Pendapatan

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2002

	Nota	KUMPULAN		SYARIKAT	
		2002 RM'000	2001 RM'000	2002 RM'000	2001 RM'000
HASIL KENDALIAN KOS JUALAN	3	1,295,195 (1,063,471)	857,391 (696,909)	236,802 (137,883)	192,306 (86,851)
KEUNTUNGAN KASAR		231,724	160,482	98,919	105,455
LAIN-LAIN PENDAPATAN KENDALIAN		43,464	31,726	40,515	37,378
PERBELANJAAN TENDER, JUALAN DAN PENGEDARAN		(12,557)	(8,746)	-	-
PERBELANJAAN PENTADBIRAN		(50,608)	(39,940)	(12,798)	(12,244)
LAIN-LAIN PERBELANJAAN KENDALIAN		(33,257)	(15,918)	(10,538)	127
KEUNTUNGAN KENDALIAN SEBELUM KOS KEWANGAN	4	178,766	127,604	116,098	130,716
KOS KEWANGAN	5	(24,124)	(27,769)	(17,194)	(16,307)
KEUNTUNGAN KENDALIAN SELEPAS KOS KEWANGAN		154,642	99,835	98,904	114,409
BAHAGIAN KEPUTUSAN SYARIKAT-SYARIKAT BERSEKUTU		44,090	22,351	-	-
KEROSOTAN PELABURAN DALAM SYARIKAT-SYARIKAT BERSEKUTU	6	(10,800)	(47,000)	(10,800)	(45,000)
LABA/(KERUGIAN) ATAS PELUPUSAN SYARIKAT-SYARIKAT BERSEKUTU	7	-	122,257	-	(11,697)
BAHAGIAN KEPUTUSAN ENTITI KAWALAN BERSAMA		3,838	12,966	-	-
KEUNTUNGAN DARIPADA KEGIATAN BIASA SEBELUM CUKAI		191,770	210,409	88,104	57,712
CUKAI					
Syarikat dan anak-anak syarikat		(50,989)	(24,668)	(24,671)	(12,823)
Syarikat-syarikat bersekutu		(3,479)	(5,912)	-	-
Entiti kawalan bersama		(1,022)	(3,838)	-	-
	8	(55,490)	(34,418)	(24,671)	(12,823)
KEUNTUNGAN DARIPADA KEGIATAN BIASA SELEPAS CUKAI		136,280	175,991	63,433	44,889
KEPENTINGAN MINORITI		(16,079)	(6,993)	-	-
KEUNTUNGAN BERSIH BAGI TAHUN		120,201	168,998	63,433	44,889
PENDAPATAN SETIAP SAHAM: -					
Asas	9(a)	33.3 Sen	48.0 Sen		
Dicairkan sepenuhnya	9(b)	30.7 Sen	45.7 Sen		
DIVIDEN SETIAP SAHAM	10	12.0 Sen	20.0 Sen		

Kunci Kira-Kira

Pada 31 Disember 2002



IJM CORPORATION BERHAD
(104131-A)

Nota	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2002 RM'000	2001 RM'000	2002 RM'000	2001 RM'000
MODAL DAN RIZAB				
Modal saham	12	363,937	352,723	363,937
Premium saham		241,880	210,559	241,880
Rizab penilaian semula		73,853	73,853	-
Rizab terjemahan				-
pertukaran mata wang		5,402	5,946	1,276
Rizab modal	13	34,383	34,161	-
Keuntungan tertahan	14	737,453	643,399	257,261
Ekuiti pemegang saham		1,456,908	1,320,641	864,354
Kepentingan minoriti		102,825	95,587	-
		1,559,733	1,416,228	864,354
				784,529
LIABILITI BUKAN SEMASA				
Bon-bon	15	246,671	246,178	150,000
Pinjaman berjangka	16	523	982	-
Pemutang sewa beli dan pajakan	17	4,338	21,935	-
Cukai tertunda	18	13,105	8,598	4,899
Jumlah terhutang kepada				2,903
syarikat bersekutu	19	36,956	36,628	-
Jumlah dagangan perlu dibayar	20	12,000	12,000	-
Faedah persaraan	21	2,262	1,514	871
		315,855	327,835	155,770
				153,839
PENDAPATAN TERTUNDA	22	6,661	12,515	-
		1,882,249	1,756,578	1,020,124
				938,368
ASET BUKAN SEMASA				
Harta, loji dan peralatan	23	674,218	586,007	18,818
Anak-anak syarikat	24	-	-	277,596
Syarikat-syarikat bersekutu	25	320,084	261,176	105,417
Pelaburan jangka panjang	26	66,638	60,987	50,961
Jumlah boleh terima jangka panjang	27	53,701	85,618	-
Aset tak ketara	28	11,718	5,814	-
		1,126,359	999,602	452,792
				457,665
ASET SEMASA				
Harta pembangunan	29	351,013	217,896	281
Inventori	30	47,492	47,380	6,584
Jumlah dagangan dan lain-lain				6,669
jumlah boleh terima	31	826,699	776,317	843,443
Pelaburan jangka pendek	32	101,048	84,009	10,053
Deposit dengan bank-bank berlesen	33	87,705	141,895	59,262
Tunai dan baki bank	34	49,572	22,823	7,015
		1,463,529	1,290,320	926,638
				736,464
LIABILITI SEMASA				
Jumlah dagangan dan lain-lain				
jumlah perlu dibayar	36	626,614	452,248	289,041
Pinjaman bank menanggung faedah	37	68,246	61,041	66,446
Overdraf bank	38	880	1,686	5
Liabiliti cukai		11,899	18,369	3,814
		707,639	533,344	359,306
				255,761
ASET SEMASA BERSIH		755,890	756,976	567,332
		1,882,249	1,756,578	1,020,124
				938,368

Penyata Perubahan Dalam Ekuiti

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2002

KUMPULAN	Nota	Tidak boleh diagih				Boleh diagih		
		Modal saham RM'000	Premium saham RM'000	Rizab	terjemahan	Rizab modal RM'000	Keuntungan tertahan RM'000	Jumlah RM'000
				penilaian semula RM'000	pertukaran mata wang RM'000			
Pada 1 Januari 2002		352,723	210,559	73,853	5,946	34,161	643,399	1,320,641
Rizab atas penyatuhan		-	-	-	-	277	-	277
Pelunasan rizab atas penyatuhan		-	-	-	-	(55)	-	(55)
Rizab timbul daripada terjemahan anak-anak syarikat asing, syarikat-syarikat bersekutu dan cawangan		-	-	-	(544)	-	-	(544)
Laba/(kerugian) bersih yang tidak diiktiraf dalam penyata pendapatan		-	-	-	(544)	222	-	(322)
Keuntungan bersih bagi tahun		-	-	-	-	-	120,201	120,201
Dividen bagi tahun berakhir: -								
31 Disember 2001	10	-	-	-	-	-	(13,060)	(13,060)
31 Disember 2002	10	-	-	-	-	-	(13,087)	(13,087)
Terbitan saham di bawah ESOS	12	9,605	28,120	-	-	-	-	37,725
Penukaran waran	12	1,609	3,201	-	-	-	-	4,810
Pada 31 Disember 2002		363,937	241,880	73,853	5,402	34,383	737,453	1,456,908

KUMPULAN	Nota	Tidak boleh diagih				Boleh diagih			Jumlah	
		Modal saham RM'000	Premium saham RM'000	Rizab	Rizab terjemahan	Rizab modal RM'000	Keuntungan tertahan RM'000			
				penilaian semula RM'000	pertukaran mata wang RM'000					
Pada 1 Januari 2001:-										
- sebagaimana dilaporkan sebelum ini		351,517	208,913	73,853	12,317	55,990	490,607	1,193,197		
- pelarasan tahun terdahulu	46	-	-	-	-	-	-	12,655	12,655	
- sebagaimana dinyatakan semula		351,517	208,913	73,853	12,317	55,990	503,262	1,205,852		
Rizab timbul daripada terjemahan anak-anak syarikat asing, syarikat-syarikat bersekutu dan cawangan		-	-	-	(390)	-	-	(390)		
Perbezaan pertukaran asing timbul daripada pelaburan ekuiti asing, bersih daripada pinjaman mata wang asing		-	-	-	1,171	-	-	1,171		
Realisasi rizab terjemahan pertukaran atas pelupusan syarikat bersekutu		-	-	-	(7,152)	-	-	(7,152)		
Realisasi rizab atas pelupusan syarikat bersekutu		-	-	-	-	(21,829)	21,829	-		
Laba/(kerugian) bersih yang tidak diiktiraf dalam penyata pendapatan		-	-	-	(6,371)	(21,829)	21,829	(6,371)		
Keuntungan bersih bagi tahun		-	-	-	-	-	-	168,998	168,998	
Dividen bagi tahun berakhir: -										
31 Disember 2000		-	-	-	-	-	(12,665)	(12,665)		
31 Disember 2001	10	-	-	-	-	-	(38,025)	(38,025)		
Terbitan saham di bawah ESOS	12	1,127	1,489	-	-	-	-	2,616		
Penukaran waran	12	79	157	-	-	-	-	236		
Pada 31 Disember 2001		352,723	210,559	73,853	5,946	34,161	643,399	1,320,641		

Penyata Perubahan Dalam Ekuiti (Sambungan)

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2002

SYARIKAT	Nota	← Tidak boleh diagih →			Boleh diagih	
		Modal saham RM'000	Premium saham RM'000	Rizab terjemahan pertukaran mata wang RM'000	Keuntungan tertahan RM'000	Jumlah RM'000
Pada 1 Januari 2002		352,723	210,559	1,272	219,975	784,529
Rizab timbul daripada terjemahan cawangan asing		-	-	4	-	4
Keuntungan bersih bagi tahun		-	-	-	63,433	63,433
Dividen bagi tahun berakhir: -						
31 Disember 2001	10	-	-	-	(13,060)	(13,060)
31 Disember 2002	10	-	-	-	(13,087)	(13,087)
Terbitan saham di bawah ESOS	12	9,605	28,120	-	-	37,725
Penukaran waran	12	1,609	3,201	-	-	4,810
Pada 31 Disember 2002		363,937	241,880	1,276	257,261	864,354
Pada 1 Januari 2001:-						
- sebagaimana dilaporkan sebelum ini		351,517	208,913	176	213,121	773,727
- pelarasan tahun terdahulu	46	-	-	-	12,655	12,655
- sebagaimana dinyatakan semula		351,517	208,913	176	225,776	786,382
Rizab timbul daripada terjemahan cawangan asing		-	-	(140)	-	(140)
Pencapaian perbezaan pertukaran asing timbul daripada pelaburan ekuiti asing, bersih daripada pinjaman mata wang asing		-	-	1,236	-	1,236
Laba bersih yang tidak diiktiraf dalam penyata pendapatan		-	-	1,096	-	1,096
Keuntungan bersih bagi tahun		-	-	-	44,889	44,889
Dividen bagi tahun berakhir: -						
31 Disember 2000		-	-	-	(12,665)	(12,665)
31 Disember 2001	10	-	-	-	(38,025)	(38,025)
Terbitan saham di bawah ESOS	12	1,127	1,489	-	-	2,616
Penukaran waran	12	79	157	-	-	236
Pada 31 Disember 2001		352,723	210,559	1,272	219,975	784,529

Penyata Aliran Tunai Disatukan

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2002

Nota	KUMPULAN	
	2002 RM'000	2001 RM'000
KEGIATAN KENDALIAN		
Penerimaan daripada pelanggan	1,233,223	943,001
Bayaran kepada kontraktor, pembekal dan kakitangan	(988,523)	(765,519)
Faedah diterima	16,131	12,741
Faedah dibayar	(24,124)	(32,418)
Cukai pendapatan dipulangkan	883	-
Cukai pendapatan dibayar	(52,952)	(14,170)
Aliran tunai bersih daripada kegiatan kendalian	184,638	143,635
KEGIATAN PELABURAN		
Pengambilalihan anak-anak syarikat	40	(7,928)
Pengambilalihan saham-saham daripada pemegang-pemegang saham minoriti		(5,610)
Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu		(44,390)
Pengambilalihan pelaburan		(29,984)
Pengagihan modal oleh syarikat-syarikat bersekutu		7,825
Pembelian harta, loji dan peralatan		(126,996)
Pelupusan anak-anak syarikat	41	672
Pelupusan saham-saham dalam syarikat-syarikat bersekutu		-
Pelupusan harta, loji dan peralatan		7,699
Pelupusan pelaburan		275
Dividen diterima daripada syarikat-syarikat bersekutu		7,498
Dividen diterima daripada lain-lain pelaburan		5,489
Pendahuluan /bayaran balik bersih kepada syarikat-syarikat bersekutu		(28,027)
Aliran tunai bersih (digunakan dalam) /daripada kegiatan pelaburan	(213,477)	90,400
KEGIATAN KEWANGAN		
Terbitan saham oleh Syarikat: -		
- Skim Opsyen Saham Kakitangan		37,725
- Penukaran waran		4,810
Terbitan saham oleh anak-anak syarikat kepada kepentingan minoriti		510
Pinjaman bank		6,746
Bayaran balik pembiutang sewa beli dan pajakan		(19,210)
Dividen dibayar oleh anak-anak syarikat kepada pemegang-pemegang saham minoriti		(3,658)
Dividen dibayar oleh Syarikat		(26,164)
Penebusan/ (penempatan) deposit jangka pendek		7,376
Aliran tunai bersih daripada/ (digunakan dalam) kegiatan kewangan	8,135	(187,687)
(Pengurangan)/peningkatan bersih dalam tunai dan setara tunai dalam tahun kewangan	(20,704)	46,348
Tunai dan setara tunai pada permulaan tahun kewangan	143,045	97,067
Perbezaan pertukaran asing ke atas baki mula		1,444
Tunai dan setara tunai pada akhir tahun kewangan	43	(370)
	123,785	143,045

Penyata Aliran Tunai Syarikat

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2002

Nota	SYARIKAT	
	2002 RM'000	2001 RM'000
KEGIATAN KENDALIAN		
Penerimaan daripada pelanggan	163,394	235,780
Bayaran kepada kontraktor, pembekal dan kakitangan	(114,792)	(92,408)
Pendahuluan, deposit dan prabayaran perdagangan	10,696	(16,915)
Faedah diterima	1,625	15,983
Faedah dibayar	(11,695)	(16,307)
Cukai pendapatan dipulangkan	883	-
Cukai pendapatan dibayar	(9,230)	(11,167)
Aliran tunai bersih daripada kegiatan kendalian	40,881	114,966
KEGIATAN PELABURAN		
Pengambilalihan anak-anak syarikat	(4,980)	-
Pengambilalihan saham-saham dalam syarikat-syarikat bersekutu	(3,330)	(2,012)
Pengambilalihan pelaburan jangka pendek	(5)	(8)
Pelupusan anak-anak syarikat	-	39,912
Pelupusan saham-saham dalam syarikat-syarikat bersekutu	-	3,903
Pelupusan pelaburan	144	-
Pelupusan harta, loji dan peralatan	227	450
Dividen diterima daripada anak-anak syarikat	33,362	76,972
Dividen diterima daripada syarikat-syarikat bersekutu	6,276	18,135
Dividen diterima daripada lain-lain pelaburan	658	832
Pembelian harta, loji dan peralatan	(380)	(481)
Pendahuluan kepada anak-anak syarikat	(169,977)	(320,718)
Pendahuluan kepada syarikat-syarikat bersekutu	-	(51,639)
Pendahuluan kepada entiti kawalan bersama	(464)	(1,940)
Pendahuluan daripada anak-anak syarikat	7,625	-
Pendahuluan daripada syarikat-syarikat bersekutu	1,480	-
Pendahuluan daripada entiti kawalan bersama	887	-
Pengagihan modal oleh syarikat-syarikat bersekutu	7,800	-
Bayaran balik pendahuluan daripada anak-anak syarikat	-	178,339
Bayaran balik pendahuluan daripada syarikat-syarikat bersekutu	42,549	5,248
Aliran tunai bersih digunakan dalam kegiatan pelaburan	(78,128)	(53,007)
KEGIATAN KEWANGAN		
Terbitan saham oleh Syarikat: -		
- Skim Opsyen Saham Kakitangan	37,725	2,616
- Penukaran waran	4,810	236
Pinjaman bank	11,743	(29,466)
Dividen dibayar oleh Syarikat	(26,164)	(50,667)
Aliran tunai bersih daripada / (digunakan dalam) kegiatan kewangan	28,114	(77,281)
Pengurangan bersih dalam tunai dan setara tunai dalam tahun kewangan	(9,133)	(15,322)
Tunai dan setara tunai pada permulaan tahun kewangan	75,405	90,727
Tunai dan setara tunai pada akhir tahun kewangan	66,272	75,405

Ringkasan Polisi-Polisi Perakaunan Penting



IJM CORPORATION BERHAD
(104131-A)

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2002

Polisi-polisi perakaunan berikut telah digunakan secara konsisten dalam berurusan dengan perkara-perkara yang dianggap material berhubung dengan penyata kewangan.

A. Asas Penyediaan

Penyata kewangan disediakan di bawah konvensyen kos sejarah (sebagaimana diubahsuai bagi penilaian semula harta, loji dan peralatan dan harta pembangunan tertentu) kecuali dinyatakan sebaliknya dalam ringkasan polisi-polisi perakaunan penting ini.

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan selaras dengan piawaian-piawaian perakaunan yang diluluskan terpakai di Malaysia dan peruntukan-peruntukan Akta Syarikat 1965. Piawaian-piawaian perakaunan diluluskan terpakai yang baru diterima pakai dalam penyata kewangan ini adalah seperti berikut:-

(a) Penerimaan pakai awal dalam tahun kewangan 2001

- (i) MASB 19 "Peristiwa Selepas Tarikh Kunci Kira-kira"
- (ii) MASB 20 "Peruntukan, Liabiliti Kontingen dan Aset Kontingen"
- (iii) MASB 21 "Kombinasi Perniagaan"
- (iv) MASB 22 "Pelaporan Mengikut Segmen"

(b) Piawaian-piawaian baru diterima pakai dalam tahun kewangan

- (i) Piawaian MASB 23 "Kerosotan Aset"

Piawaian ini tidak membenarkan penggunaan retrospektif. Dengan yang demikian, Piawaian ini telah dipakai secara prospektif.

- (ii) Piawaian MASB 24 "Instrumen Kewangan : Pendedahan dan Pembentangan"

Kumpulan telah mengambil peluang ke atas pengecualian yang diberi untuk memakai Piawaian ini secara prospektif. Perbandingan tidak didedahkan atas pemakaian pertama Piawaian MASB 24, sebagaimana dibenarkan oleh Piawaian.

Penyediaan penyata kewangan mematuhi piawaian perakaunan diluluskan yang terpakai di Malaysia dan peruntukan Akta Syarikat 1965 memerlukan para Pengarah untuk membuat anggaran dan andaian yang melibatkan jumlah aset dan liabiliti yang dilaporkan dan pendedahan aset dan liabiliti kontingen pada tarikh penyata kewangan dan jumlah hasil dan perbelanjaan yang dilaporkan dalam tempoh dilaporkan. Keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran-anggaran itu.

B. Asas Penyatuan

Penyata kewangan disatukan termasuk penyata kewangan Syarikat dan kesemua anak syarikatnya yang disediakan sehingga akhir tahun kewangan.

Anak-anak syarikat disatukan dari tarikh bila mana hak kawalan dipindahkan kepada Kumpulan dan tidak lagi disatukan dari tarikh kawalan berhenti. Anak-anak syarikat disatukan dengan menggunakan kaedah pengambilalihan perakaunan.

Di bawah kaedah pengambilalihan perakaunan, keputusan anak-anak syarikat diambil alih atau dilupuskan dalam tahun dimasukkan dari tarikh pengambilalihan atau sehingga tarikh pelupusan. Pada tarikh pengambilalihan, nilai saksama aset bersih anak-anak syarikat ditentukan dan nilai-nilai ini ditunjukkan dalam penyata kewangan disatukan.

Kesemua urusniaga, baki dan laba tidak direalis antara syarikat ke atas urusniaga di antara syarikat-syarikat dalam kumpulan dihapus kira; kerugian tidak direalis juga dihapus kira melainkan kos tidak boleh diperolehi semula. Di mana perlu, polisi-polisi perakaunan bagi anak-anak syarikat telah ditukar untuk memastikan keseragaman dengan polisi-polisi yang diamalkan oleh Kumpulan. Pendedahan berasingan dibuat bagi kepentingan minoriti.

Laba atau kerugian atas pelupusan anak syarikat adalah perbezaan di antara perolehan pelupusan bersih dan bahagian Kumpulan ke atas aset-aset bersihnya bersama dengan mana-mana baki tidak dilunaskan daripada muhibah atau rizab atas pengambilalihan dan perbezaan pertukaran yang tidak diiktiraf sebelum ini dalam penyata kewangan disatukan.

C. Anak-anak syarikat

Anak-anak syarikat adalah perusahaan-perusahaan tertentu dalam mana Kumpulan mempunyai kuasa untuk melaksanakan kawalan ke atas polisi-polisi kewangan dan kendalian untuk mendapat faedah daripada mereka.

Pelaburan dalam anak-anak syarikat dinyatakan pada kos kecuali di mana terdapat petunjuk kerosotan, dalam hal mana jumlah penyimpanan pelaburan dinilai dan dikurangkan nilai dengan serta-merta kepada jumlah boleh diperolehinya.

D. Syarikat-syarikat bersekutu

Kumpulan menganggap sebagai syarikat-syarikat bersekutu perusahaan-perusahaan di mana Kumpulan berupaya untuk melaksanakan pengaruh penting melalui representasi dalam lembaga pengarah dan/atau penyertaan dalam proses-proses membuat keputusan kewangan dan kendalian syarikat penerima pelaburan tetapi bukan kawalan ke atas polisi-polisi tersebut.

Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu dinyatakan pada kos kecuali di mana terdapatnya petunjuk kerosotan, dalam hal mana jumlah penyimpanan pelaburan dinilai dan dikurangkan nilai dengan serta-merta kepada jumlah boleh diperolehinya.

Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu diakaunkan dalam penyata kewangan disatukan dengan menggunakan kaedah perakaunan ekuiti.

Perakaunan ekuiti melibatkan pengiktirafan dalam penyata pendapatan bahagian Kumpulan daripada keputusan syarikat-syarikat bersekutu bagi tempoh. Pelaburan Kumpulan dalam syarikat-syarikat bersekutu dibawa dalam kunci kira-kira pada jumlah yang menggambarkan bahagian Kumpulan daripada aset bersih syarikat-syarikat bersekutu dan termasuk muhibah atas pengambilalihan. Perakaunan ekuiti tidak diteruskan apabila nilai penyimpanan pelaburan dalam syarikat bersekutu mencapai sifar, kecuali Kumpulan telah menanggung obligasi-obligasi berhubung dengan syarikat bersekutu tersebut.

Laba tidak direalis dalam urusniaga di antara Kumpulan dan syarikat-syarikat bersekutunya dihapus kira sehingga tahap kepentingan Kumpulan dalam syarikat-syarikat bersekutu; kerugian tidak direalis juga dihapus kira kecuali urusniaga menyediakan bukti mengenai kerosotan aset dipindah. Di mana perlu, dalam menggunakan kaedah ekuiti, pelarasan dibuat kepada penyata pendapatan syarikat-syarikat bersekutu untuk memastikan keseimbangan polisi-polisi perakaunan dengan Kumpulan.

E. Entiti Kawalan Bersama

Kepentingan Kumpulan dalam entiti kawalan bersama, yang merupakan entiti dalam mana Kumpulan mempunyai pengaturan kontrak jangka masa pendek dengan pihak-pihak ketiga untuk melaksana projek pembinaan dan lain-lain projek, diakaunkan dalam penyata kewangan disatukan dengan menggunakan kaedah perakaunan ekuiti di mana bahagian Kumpulan ke atas keputusan entiti kawalan bersama dimasukkan dalam penyata kewangan disatukan.

Laba tidak direalis atas urusniaga di antara Kumpulan dan entiti kawalan bersamanya dihapus kira sehingga tahap kepentingan Kumpulan dalam entiti kawalan bersamanya; kerugian tidak direalis juga dihapus kira melainkan urusniaga menunjukkan bukti kerosotan aset-aset yang dipindah. Jika perlu, dalam menggunakan kaedah ekuiti, pelarasan telah dibuat kepada penyata kewangan entiti kawalan bersama untuk memastikan keseimbangan polisi-polisi perakaunan dengan Kumpulan.

F. Muhibah

Muhibah mewakili lebihan kos pengambilalihan anak-anak syarikat, entiti kawalan bersama dan syarikat-syarikat bersekutu ke atas nilai saksama bahagian Kumpulan daripada aset bersih boleh dikenal pasti pada tarikh pengambilalihan. Muhibah dengan hayat berguna ekonomi boleh ditentukan dilunaskan dengan menggunakan kaedah garisan lurus ke atas anggaran hayat berguna ekonominya atau 20 tahun, yang mana lebih pendek. Kesemua muhibah lain dinyatakan pada kos kecuali di mana terdapat petunjuk kerosotan wujud, nilai penyimpanan muhibah dinilai dan dikurangkan nilai serta-merta kepada jumlah boleh diperolehinya.

Muhibah negatif mewakili lebihan nilai saksama bahagian Kumpulan daripada aset bersih boleh dikenal pasti dibeli ke atas kos pengambilalihan dan dikreditkan kepada rizab dalam tahun pengambilalihan. Sehingga tahap yang muhibah negatif tersebut berkait dengan jangkaan-jangkaan kerugian dan perbelanjaan pada masa hadapan yang dikenal pasti dalam rancangan Kumpulan bagi pengambilalihan dan boleh dikira secara munasabah, tetapi yang tidak mewakili liabiliti boleh dikenal pasti, bahagian tersebut daripada muhibah negatif diiktiraf dalam penyata pendapatan di mana kerugian dan perbelanjaan masa hadapan diiktiraf.

G. Pelaburan

Pelaburan jangka panjang dinyatakan pada kos, melainkan pada pendapat para Pengarah, terdapat kemerosotan selain daripada yang bersifat sementara dalam nilai pelaburan sedemikian. Di mana terdapatnya kemerosotan selain daripada yang bersifat sementara dalam nilai pelaburan, pengurangan sedemikian diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh dalam mana kemerosotan dikenal pasti.

Pelaburan jangka pendek dalam sekuriti boleh pasar dibawa pada kos dan nilai pasaran yang mana lebih rendah, ditentukan atas dasar portfolio agregat. Kos diperolehi atas dasar purata wajarnya. Nilai pasaran dikira dengan merujuk kepada harga jualan disebut harga bursa saham pada penutup perniagaan pada tarikh kira-kira. Peningkatan/penurunan dalam nilai penyimpanan sekuriti boleh pasar dikreditkan/dicajkan kepada penyata pendapatan.

Atas pelupusan pelaburan, perbezaan di antara perolehan pelupusan bersih dan nilai penyimpanannya dicaj atau dikreditkan kepada penyata pendapatan.

H. Terjemahan Mata Wang

Urusniaga mata wang asing ditukar kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang berkuatkuasa pada tarikh urusniaga. Perbezaan pertukaran timbul atas penyelesaian perkara-perkara kewangan atau atas terjemahan aset dan liabiliti kewangan pada kadar pertukaran yang berkuatkuasa pada akhir tahun dibawa kepada penyata pendapatan.

Perbezaan pertukaran timbul atas pinjaman mata wang asing yang digunakan untuk membayai pelaburan ekuiti dalam mata wang asing diuruskan melalui rizab terjemahan pertukaran sehingga tahap yang dilindungi oleh perbezaan pertukaran yang timbul atas aset bersih yang diwakili oleh pelaburan ekuiti. Perbezaan ini diiktiraf sebagai pendapatan atau perbelanjaan atas pelupusan pelaburan tersebut.

Aset dan liabiliti anak-anak syarikat dan syarikat-syarikat bersekutu asing, sama ada dalam bentuk kewangan atau bukan kewangan, diterjemahkan kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang berkuatkuasa pada akhir tahun kewangan; dan perkara pendapatan dan perbelanjaan diterjemahkan pada kadar pertukaran pada tarikh urusniaga. Kesemua perbezaan pertukaran timbul diuruskan melalui rizab terjemahan pertukaran.

Kadar penutup utama digunakan dalam terjemahan jumlah mata wang asing adalah seperti berikut:-

Mata wang asing	31.12.2002	31.12.2001
	RM	RM
1 Dolar US	3.800	3.800
1 Dolar Australia	2.153	1.942
1 Dolar Singapura	2.192	2.054
1 Dolar Hongkong	0.487	0.487
1 Renminbi China	0.459	0.459
1 Rupee India	0.079	0.079
1 Peso Argentina	1.128	3.800

I. Harta, Loji dan Peralatan dan Susut Nilai

Kesemua harta, loji dan peralatan dinyatakan pada kos atau pada penilaian tolak susut nilai terkumpul dan kerugian kerosotan kecuali bagi tanah pegangan kekal, perbelanjaan pembangunan ladang yang ditanggung bagi penanaman baru dan modal kerja dalam pelaksanaan yang mana tidak disusutnilaikan. Tanah pegangan kekal tidak disusutnilaikan memandangkan ia mempunyai hayat yang berpanjangan.

Tanah ladang dan perbelanjaan pembangunan terdiri daripada tanah dinyatakan pada kos atau penilaian dan perbelanjaan ditanggung atas penanaman baru, pentadbiran estet dan penjagaan ladang sehingga matang. Kesemua perbelanjaan ditanggung selepas matang dan perbelanjaan penanaman semula dicajkan kepada penyata pendapatan apabila ditanggung.

Kumpulan melunaskan kesemua tanah pegangan pajak dalam ansuran sama rata berdasarkan tempoh pajakan. Ke atas lain-lain aset, susut nilai dikira bagi menghapus kira kos atau jumlah dinilai semula harta, loji dan peralatan atas dasar garisan lurus pada kadar yang menghapus kira aset, tolak anggaran nilai baki aset, ke atas jangkaan hayat berguna aset. Kadar tahunan susut nilai adalah: -

Tanah pegangan pajak	0.1	-	2.5%
Tanah ladang pegangan pajak	0.1	-	2.5%
Bangunan	2.0	-	20.0%
Loji, mesin dan peralatan	10.0	-	20.0%
Lain-lain peralatan, perabot dan pepasangan pejabat	5.0	-	33.3%
Ubahsuaian pejabat	10.0	-	20.0%
Kenderaan bermotor	20.0	-	25.0%

Lebihan yang timbul atas penilaian semula dikreditkan kepada rizab penilaian semula. Mana-mana defisit yang timbul daripada penilaian semula dicajkan terhadap rizab penilaian semula sehingga tahap lebihan yang dipegang sebelum ini dalam rizab penilaian semula bagi aset yang sama. Dalam kesemua kes lain, pengurangan dalam nilai penyimpanan dicajkan kepada penyata pendapatan.

Para Pengarah telah menggunakan peruntukan peralihan MASB 15 ke atas Harta, Loji dan Peralatan yang membenarkan aset untuk dinyatakan pada jumlah dinilai semula terakhir tolak susut nilai. Selaras dengan itu, penilaian ini tidak dikemaskinikan.

Susut nilai ke atas aset di bawah pembinaan bermula apabila aset sedia untuk kegunaan dihasratkan aset.

Di mana terdapatnya petunjuk kerosotan, nilai penyimpanan aset dinilai dan dikurangkan nilai dengan serta-merta kepada jumlah boleh diperolehinya.

J. Hasil dan Pengiktirafan Keuntungan**(i) Hasil dan Perbelanjaan Kontrak Pembinaan**

Di mana hasil daripada kontrak pembinaan boleh dianggarkan dengan pasti, hasil dan kos kontrak berkaitan dengan kontrak pembinaan diiktiraf masing-masing sebagai hasil dan perbelanjaan dengan merujuk kepada tahap penyiapan kontrak. Tahap penyiapan kontrak pembinaan ditentukan berdasarkan bahagian kos kontrak ditanggung bagi kerja dilaksanakan sehingga kini daripada anggaran jumlah kos kontrak.

Apabila hasil kontrak pembinaan tidak boleh dianggarkan dengan agak pasti, hasil diiktiraf hanya tahap kos kontrak ditanggung yang mungkin boleh diperolehi dan kos kontrak diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh.

Di mana kemungkinan bahawa jumlah kos kontrak akan melebihi hasil kontrak keseluruhan, anggaran kerugian diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh dalam mana kerugian dikenal pasti.

(ii) Hasil dan Keuntungan daripada Pembangunan Harta

Bil progres daripada pembangunan harta mewakili nilai harta-harta pembangunan yang dijual diiktiraf melalui rujukan kepada tahap penyiapan harta.

Keuntungan atas jualan harta pembangunan diiktiraf dengan menggunakan peratus kaedah peratusan siap. Kerugian yang dijangka diperuntukkan sepenuhnya.

(iii) Hasil daripada Jualan Barang

Jualan diiktiraf selepas penghantaran produk dan penerimaan pelanggan, dan pelaksanaan khidmat selepas jualan, sekiranya ada, bersih daripada cukai jualan dan diskaun dan selepas penghapusan kira jualan dalam Kumpulan.

(iv) Lain-lain hasil

Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak pemegang saham untuk menerima bayaran dibuktikan.

Pendapatan faedah diiktiraf apabila ia terakru kecuali pengutipan diragui, dalam hal mana ia diiktiraf atas dasar penerimaan tunai.

K. Permodalan Kos Kewangan

Faedah yang ditanggung atas pinjaman berkaitan secara langsung dengan harta-harta pembangunan dan kegiatan penanaman baru, masing-masing sehingga kepada penyiapan dan kematangan, dipermodalkan dan dimasukkan masing-masing sebagai sebahagian daripada perbelanjaan pembangunan dan perbelanjaan pembangunan ladang.

Kos faedah ke atas pinjaman untuk membiayai pembinaan harta, loji dan peralatan dalam masa yang diperlukan untuk menyiapkan dan menyediakan aset bagi kegunaan dihasratkan, dipermodalkan sebagaimana sebagai daripada kos aset.

L. Harta-harta pembangunan

Kos tanah dipegang bagi pembangunan dan kos pembangunan berkaitan dihantar ke hadapan sebagai harta pembangunan dan perbelanjaan. Di mana bersesuaian, nilai saksama tanah pada tarikh pengambilalihan anak-anak syarikat dihantar ke hadapan sebagai ganti kos. Kos yang dicajkan penyata pendapatan terdiri daripada bahagian kos tanah dan kos pembangunan berkaitan.

Kumpulan menganggap aset semasa daripada bahagian harta-harta pembangunan di mana kerja pembangunan utama telah dijalankan dan dijangka akan disiapkan dalam pusingan operasi biasa selama dua hingga tiga tahun.

M. Inventori

(i) Bangunan Siap

Unit harta pembangunan yang disiapkan dan dipegang untuk jualan dinyatakan pada kos dan nilai boleh direalis bersih yang mana lebih rendah. Kos terdiri daripada bahagian kos tanah dan perbelanjaan pembangunan dan pembinaan berkaitan.

(ii) Barang Siap, Bahan Mentah, Bahan Binaan, Simpanan dan Alat Ganti

Inventori dinilai pada kos dan nilai boleh direalis bersih yang mana lebih rendah. Kos ditentukan atas dasar purata wajaran. Kos bahan mentah, simpanan dan alat ganti terdiri daripada kos asal pembelian campur kos membawa masuk inventori ke lokasi semasa dan bagi barang siap, ia terdiri daripada bahan-bahan mentah, buruh langsung, caj langsung dan overhead pengeluaran boleh berubah.

Nilai boleh direalis bersih adalah anggaran harga jualan dalam perjalanan biasa perniagaan, tolak kos perbelanjaan penyiapan dan jualan.

N. Jumlah Ter hutang Daripada/(Kepada) Pelanggan Atas Kontrak Pembinaan

Di mana jumlah kos kontrak pembinaan yang ditanggung campur keuntungan diiktiraf (tolak kerugian diiktiraf) melebihi bil-bil progres, baki bersih ditunjukkan sebagai jumlah ter hutang daripada pelanggan untuk kontrak pembinaan di bawah jumlah dagangan dan lain-lain jumlah boleh terima. Di mana bil-bil progres melebihi jumlah kos kontrak pembinaan ditanggung dan keuntungan diiktiraf (tolak kerugian diiktiraf), baki bersih ditunjukkan sebagai jumlah ter hutang kepada pelanggan-pelanggan daripada kontrak pembinaan di bawah jumlah dagangan dan lain-lain jumlah perlu dibayar.

O. Jumlah Dagangan Boleh terima

Jumlah dagangan boleh terima termasuk wang tahanan yang ditahan oleh prinsipal. Hutang lapuk yang diketahui dihapus kira dan peruntukan dibuat bagi mana-mana hutang yang dianggap ragu untuk dikutip.

P. Aset Pajakan

Pajakan harta, loji dan peralatan di mana Kumpulan secara utamanya mengambil alih sebahagian besar faedah dan risiko pemilikan dikelaskan sebagai pajakan kewangan.

Pajakan kewangan dipermodalkan pada anggaran nilai saksama aset dipajak atau anggaran nilai semasa bayaran pajakan mendasari pada tarikh kemasukan yang mana lebih rendah. Setiap bayaran pajakan diperuntukkan di antara caj liabiliti dan kewangan untuk mencapai kadar seimbang ke atas jumlah pokok pajakan belum dijelas. Obligasi sewa sepadan, bersih daripada caj kewangan, dimasukkan dalam pinjaman. Elemen faedah caj kewangan dimasukkan kepada penyata pendapatan ke atas tempoh pajakan.

Harta, loji dan peralatan dibeli di bawah kontrak pajakan kewangan disusunnilaikan ke atas hayat berguna aset. Sekiranya tidak ada kepastian munasabah bahawa pemilikan akan dipinda kepada Kumpulan, aset disusunnilaikan ke atas tempoh pajakan dan hayat bergunanya yang mana lebih pendek.

Bagi urusniaga jualan dan pajakan balik yang melibatkan loji dan peralatan yang membawa kepada pajakan kewangan, lebihan hasil jualan ke atas nilai simpanan aset tersebut di atas dilunaskan atas dasar garis lurus ke atas tempoh pajakan yang mempunyai tempoh hayat selama tiga hingga empat tahun.

Q. Perbelanjaan Tertunda

- (i) Perbelanjaan ditanggung ke atas pembangunan permukaan kuari dipermodalkan dan dihapus kira atas dasar garisan lurus ke atas anggaran hayat berguna permukaan kuari yang dibangunkan. Pembangunan biasanya dilaksanakan secara berperingkat dan hayat berguna setiap peringkat adalah lebih kurang dua hingga tiga tahun.
- (ii) Premium dibayar atas penukaran tanah lombong pegangan pajak kepada tanah perindustrian dihapus kira atas dasar garisan lurus ke atas tempoh pegangan pajak.

Di mana petunjuk kerosotan wujud, nilai simpanan aset dinilaikan dan dikurangkan nilai dengan serta-merta kepada jumlah boleh diperolehninya.

R. Pinjaman

Pinjaman pada permulaannya diiktiraf berdasarkan perolehan diterima, bersih daripada kos urusniaga ditanggung. Dalam tempoh-tempoh berikutnya, pinjaman dinyatakan pada kos dilunaskan dengan menggunakan kaedah kadar hasil berkesan; apa-apa perbezaan di antara perolehan (bersih daripada kos urusniaga) dan nilai penebusan diiktiraf dalam penyata pendapatan ke atas tempoh pinjaman.

S. Cukai Tertunda

Peruntukan dibuat dengan menggunakan kaedah liabiliti, bagi cukai tertunda melalui perbezaan pemasaran kecuali di mana difikirkan secara munasabahnya berkemungkinan kesan cukai perbezaan sedemikian akan berterusan pada masa hadapan boleh dijangka.

Tidak ada faedah cukai pendapatan masa hadapan diiktiraf berhubung dengan kerugian cukai tidak diguna dan perbezaan pemasaran yang membawa kepada debit bersih kecuali ia boleh ditunjukkan bahawa faedah-faedah ini boleh direalis pada masa hadapan boleh dijangka.

T. Faedah Persaraan

Syarikat dan anak-anak syarikat tertentu yang turut serta dalam Skim Persaraan IJM yang merupakan skim faedah ditentukan diluluskan di bawah Seksyen 150 Akta Cukai Pendapatan 1967. Faedah perlu dibayar atas persaraan adalah berdasarkan tempoh perkhidmatan dan purata gaji asas selama lima tahun terakhir perkhidmatan. Liabiliti berhubung dengan skim faedah tersebut ditentukan melalui penilaian aktuari yang dilaksanakan setiap tiga tahun oleh aktuari yang layak berdasarkan kaedah penilaian faedah diunjurkan. Penilaian terakhir telah dijalankan pada Disember 2002.

Kos dalam menyediakan faedah persaraan berdasarkan penilaian aktuari terkini yang diperolehi dicajkan terhadap penyata pendapatan atas dasar sistematik supaya mencukupi untuk memenuhi liabiliti skim ke atas tempoh hayat kerja pada masa hadapan kaitangan sedia ada. Perbezaan di antara jumlah dicaj kepada penyata pendapatan dan bayaran dibuat kepada dana dianggap sebagai liabiliti bukan semasa.

U. Tunai dan Setara Tunai

Tunai dan setara tunai terdiri daripada tunai dalam tangan, baki bank, overdraf bank, deposit tuntutan dan jangka pendek, pelaburan berkecairan tinggi yang sedia ada boleh ditukar kepada jumlah tunai diketahui dan adalah tertakluk kepada risiko tidak penting perubahan dalam nilai.

V. Modal Saham**(i) Pengkelasan**

Saham-saham biasa dikelaskan sebagai ekuiti.

(ii) Kos Terbitan Saham

Kos luar secara langsung boleh dikaitkan kepada terbitan saham-saham baru ditunjukkan sebagai pengurangan dalam ekuiti.

(iii) Dividen

Dividen ke atas saham-saham biasa diiktiraf sebagai liabiliti apabila diisyiharkan. Cadangan dividen akhir diakrukan sebagai liabiliti hanya selepas kelulusan oleh pemegang-pemegang saham.

W. Instrumen kewangan

(i) Instrumen Kewangan Diiktiraf ke atas Kunci Kira-kira

Kaedah pengiktirafan tertentu yang diamalkan bagi instrumen kewangan diiktiraf pada kunci kira-kira dinyatakan dalam penyata polisi individu yang dikaitkan dengan setiap perkara.

(ii) Instrumen Kewangan Tidak Diiktiraf ke atas Kunci Kira-kira

Kumpulan adalah pihak kepada instrumen kewangan yang terdiri daripada terutamanya kontrak hadapan pertukaran mata wang asing. Instrumen-instrumen ini tidak diktiraf dalam penyata kewangan pada masa kemasukan, tetapi dinyatakan dalam nota-nota berkenaan kepada penyata kewangan.

Kontrak Hadapan Pertukaran Mata Wang Asing

Kumpulan menandatangani kontrak hadapan pertukaran mata wang asing untuk melindungi Kumpulan daripada pergerakan dalam kadar pertukaran dengan mewujudkan kadar pada mana aset atau liabiliti mata wang asing akan dijelaskan.

Laba dan kerugian pertukaran timbul atas kontrak yang ditandatangani sebagai pelindung nilai urusniaga pada masa hadapan yang dijangka telah ditunda sehingga tarikh urusniaga sedemikian, pada masa yang mana ia dimasukkan dalam pengiraan urusniaga sedemikian.

Kesemua laba dan kerugian pertukaran lain berkaitan dengan instrumen pelindung nilai diiktiraf dalam penyata pendapatan dalam tempoh yang sama sebagai perbezaan pertukaran atas perkara dilindung nilai mendasari. Laba dan kerugian atas kontrak yang tidak lagi ditetapkan sebagai pelindung nilai dimasukkan kepada penyata pendapatan.

(iii) Anggaran Nilai Saksama Untuk Tujuan Pendedahan

Nilai saksama derivatif dan sekuriti yang diniagakan secara awam adalah berdasarkan harga pasaran disebut harga pada tarikh kunci kira-kira.

Nilai saksama kontrak pertukaran mata wang asing hadapan ditentukan dengan menggunakan kadar pasaran pertukaran asing hadapan pada tarikh kunci kira-kira.

Dalam menilai nilai saksama derivatif dan instrumen kewangan tidak diniagakan, Kumpulan menggunakan pelbagai kaedah dan membuat andaian yang berdasarkan keadaan pasaran yang wujud di setiap tarikh kunci kira-kira. Harga pasaran disebut harga atau sebut harga wakil penjual bagi instrumen khusus atau yang serupa digunakan bagi hutang jangka panjang. Lain-lain teknik dan asas, seperti nilai didiskaunkan aliran tunai masa hadapan dan asas aset bersih berdasarkan instrumen, digunakan untuk menentukan nilai saksama bagi instrumen kewangan selebihnya. Secara khususnya, nilai saksama liabiliti kewangan dianggarkan dengan mendiskaunkan aliran tunai kontrak masa hadapan pada kadar faedah pasaran semasa tersedia kepada Kumpulan bagi instrumen kewangan yang serupa.

Nilai penyimpanan bagi aset dan liabiliti kewangan yang matang kurang daripada setahun diandaikan untuk menyamai nilai saksamanya.

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan



IJM CORPORATION BERHAD
(104131-A)

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2002

1. MAKLUMAT AM

Syarikat pada dasarnya terlibat dalam pembinaan, pembangunan harta dan pemegangan pelaburan. Kegiatan utama Kumpulan terdiri daripada pembinaan, pembangunan harta, pengilangan dan pengkuarian, penanaman kelapa sawit dan pemegangan pelaburan. Kegiatan utama anak-anak syarikat dan syarikat-syarikat bersekutu dinyatakan dalam Nota 50 kepada penyata kewangan.

Syarikat adalah sebuah syarikat liabiliti awam terhad, diperbadankan dan berdomisil di Malaysia dan disenaraikan pada Papan Utama Bursa Saham Kuala Lumpur.

Alamat pejabat berdaftar Syarikat adalah di Tingkat 2, Wisma IJM, Jalan Yong Shook Lin, 46050 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Bilangan kakitangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2002 berjumlah masing-masing 1,368 (2001: 1,270) dan 84 (2001: 77).

2. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Kegiatan Kumpulan mendedahkan Kumpulan kepada pelbagai risiko kewangan, termasuk risiko pertukaran mata wang asing, risiko kadar faedah, risiko pasaran, risiko kredit, risiko kecairan dan aliran tunai. Objektif keseluruhan pengurusan risiko kewangan Kumpulan adalah untuk memastikan agar Kumpulan membentuk nilai bagi pemegang-pemegang sahamnya. Kumpulan menumpukan kepada ketakbolehramalan pasaran kewangan dan cuba untuk meminimumkan potensi kesan-kesan kurang baik ke atas prestasi kewangan Kumpulan. Pengurusan risiko kewangan dijalankan melalui kajian risiko, sistem kawalan dalaman, program insurans dan pematuhan kepada polisi-polisi pengurusan risiko kewangan Kumpulan. Pengurusan biasanya mengkaji risiko-risiko ini dan meluluskan polisi-polisi perbendaharaan, yang meliputi pengurusan risiko-risiko ini.

Kumpulan menggunakan instrumen kewangan derivatif seperti kontrak pertukaran mata wang asing untuk melindung nilai pendedahan tertentu, tetapi ia tidak bermula dalam instrumen kewangan.

Risiko pertukaran mata wang asing

Kumpulan beroperasi di peringkat antarabangsa dan terdedah kepada pelbagai mata wang, terutamanya Dolar Amerika Syarikat, Dolar Australia, Dolar Singapura, Dolar Hongkong, Renminbi Cina, Rupee India dan Peso Argentina. Aset dan liabiliti mata wang asing didenominasikan dalam bersama-sama dengan jangkaan aliran tunai daripada urusniaga-urusniaga dijangkakan didenominasikan dalam mata wang asing membawa kepada pendedahan pertukaran asing.

Kumpulan mengekalkan pelindung nilai semulajadi, sekiranya mungkin, dengan meminjam dalam mata wang negara dalam mana harta atau pelaburan terletak atau dengan meminjam dalam mata wang yang menyamai dengan aliran hasil pada masa hadapan yang akan diperolehi daripada pelaburannya. Pendedahan mata wang asing dalam mata wang transaksi selain daripada mata wang kefungsian daripada entiti kendalian dikekalkan pada tahap boleh terima.

Urusniaga material pendedahan mata wang asing dilindung nilai, terutamanya dengan instrumen kewangan derivatif seperti kontrak pertukaran asing hadapan.

Risiko kadar faedah

Sebahagian besar pendapatan dan aliran tunai kendalian Kumpulan bebas daripada perubahan dalam pasaran kadar faedah. Pendedahan kadar faedah timbul terutamanya daripada pinjaman dan deposit Kumpulan. Kumpulan menguruskan pendedahan kadar faedahnya dengan mengekalkan kombinasi berhemah kadar pinjaman tetap dan terapung.

Risiko pasaran

Kumpulan menghadapi pendedahan kepada risiko daripada perubahan dalam hutang dan ekuiti. Walau bagaimanapun, pihak pengurusan kerap mengkaji risiko-risiko ini dan mengambil langkah-langkah proaktif untuk mengurangkan potensi impak risiko-risiko sedemikian.

2. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (Sambungan)

Risiko kredit

Risiko kredit timbul apabila instrumen-instrumen derivatif digunakan atau jualan dibuat atas terma-terma kredit tertunda. Kumpulan mengawal risiko-risiko ini melalui penggunaan prosedur-prosedur kelulusan kredit, had dan pengawasan. Risiko-risiko kredit diminimumkan dan diawasi dengan menghadkan seketat-ketatnya kaitan Kumpulan kepada rakan niaga dengan kebolehpercayaan yang tinggi. Jumlah dagangan boleh terima dikawal atas dasar berterusan melalui prosedur-prosedur pelaporan pengurusan Kumpulan. Kumpulan tidak mempunyai apa-apa pendedahan penting kepada mana-mana pelanggan individu atau pihak satu lagi tidak juga ia mempunyai apa-apa penumpuan utama risiko kredit berkaitan dengan mana-mana instrumen kewangan.

Penumpuan risiko kredit berhubung dengan jumlah dagangan boleh terima adalah terhad disebabkan bilangan pelanggan Kumpulan yang ramai, yang berselerak dalam spektrum industri dan perniagaan yang luas. Sejarah pengalaman Kumpulan dalam pemungutan jumlah dagangan boleh terima termasuk dalam peruntukan yang direkodkan. Akibat daripada faktor-faktor ini, pengurusan percaya bahawa tidak ada risiko kredit tambahan yang mele过si jumlah dibenarkan bagi kerugian pemungutan terdapat dalam jumlah dagangan boleh terima Kumpulan.

Risiko kecairan dan aliran tunai

Kumpulan secara aktifnya menguruskan profil kematangan hutang Kumpulan, aliran tunai kendalian dan ketersediaan pembiayaan untuk memastikan kesemua keperluan pembiayaan semula, bayaran balik dan pembiayaan dipenuhi. Sebagai sebahagian daripada keseluruhan pengurusan kecairan berhemat Kumpulan, Kumpulan mengekalkan tahap mencukupi bagi tunai atau pelaburan boleh ditukar tunai untuk memenuhi keperluan modal kerjanya. Selain itu, Kumpulan berusaha untuk mengekalkan ketersediaan kemudahan perbankan pada tahap munasabah kepada kedudukan keseluruhan hutang Kumpulan. Setakat mana yang boleh, Kumpulan cuba mendapatkan pembiayaan dikomitkan daripada kedua-dua institusi pasaran modal dan institusi kewangan dan secara berhemah mengimbangkan portfolionya dengan pendanaan jangka pendek untuk mencapai keberkesanan kos secara keseluruhan.

3. HASIL KENDALIAN

	KUMPULAN	SYARIKAT	
	2002 RM'000	2001 RM'000	2001 RM'000
Hasil kontrak pembinaan	953,828	509,653	183,875
Jualan harta pembangunan dan perkhidmatan pengurusan harta	129,452	135,223	-
Jualan produk kuari dan dikelang	111,855	160,969	-
Jualan minyak sawit mentah dan produk sampingan	96,836	47,604	-
Pendapatan dividen	863	961	50,062
Sewa harta	2,361	2,981	87,896
	1,295,195	857,391	236,802
Bahagian daripada hasil kendalian:-			
Syarikat-syarikat bersekutu	244,333	245,366	-
Entiti kawalan bersama	120,984	83,379	-
	365,317	328,745	-
	1,660,512	1,186,136	236,802
			192,306

4. KEUNTUNGAN KENDALIAN SEBELUM KOS KEWANGAN

	KUMPULAN 2002 RM'000	KUMPULAN 2001 RM'000	SYARIKAT 2002 RM'000	SYARIKAT 2001 RM'000
Keuntungan kendalian sebelum kos kewangan dinyatakan selepas dicaj: -				
Susut nilai	29,547	24,446	1,060	1,364
Sewa loji dan peralatan	449	934	-	-
Harta, loji dan peralatan:-				
- dihapus kira	237	1,521	-	-
- kerugian atas pelupusan	199	38	-	-
Penyewaan tanah dan bangunan	764	659	-	-
Imbuhan juruaudit: -				
- tahun semasa	545	541	125	113
- terkurang peruntukan berhubung dengan tahun terdahulu	2	46	-	33
Lain-lain yuran bukan audit dibayar perlu dibayar kepada: -				
- juruaudit Syarikat dan syarikat-syarikat bersekutu mereka	203	209	29	95
- juruaudit lain anak-anak syarikat	26	6	-	-
Kerugian pertukaran asing: -				
- tak direalis	-	6,531	-	2,666
- direalis	-	738	-	-
Peruntukan bagi pengurangan dalam nilai pelaburan	6,886	12,643	640	3,416
Pelunasan perbelanjaan tertunda	1,767	1,235	-	-
Pelunasan muhibah	407	335	-	-
Pelunasan diskaun atas terbitan bon	493	493	-	-
Peruntukan bagi hutang ragu	14,262	3,031	5,939	376
Kos kontrak pembinaan	796,186	409,081	137,883	86,376
Kos produk kuari dan dikilang dijual	87,276	135,830	-	-
Kos kakitangan *	66,905	55,774	11,528	12,510
dan mengkreditkan: -				
Dividen kasar diterima daripada:				
- anak-anak syarikat (tidak disebut harga)	-	-	40,803	73,022
- syarikat-syarikat bersekutu (disebut harga)	-	-	2,245	14,002
(tidak disebut harga)	-	-	6,151	39
- lain-lain pelaburan (disebut harga)	1,813	858	863	832
(tidak disebut harga)	3,917	129	-	-
Pendapatan faedah	16,131	12,741	21,662	15,893
Laba pertukaran asing: -				
- direalis	200	3,077	-	149
- tak direalis	10,309	-	9,770	-
Laba atas pelupusan harta, loji dan peralatan	233	181	88	47
Pendapatan sewa daripada harta	3,902	3,255	2,865	2,736
Kemasukan kira semula peruntukan bagi hutang ragu	906	13,960	-	12,000
Kemasukan kira semula peruntukan bagi pengurangan dalam nilai pelaburan	5	2,690	-	1,612
Laba atas pelupusan/kecairan pelaburan	639	262	90	16,430

4. KEUNTUNGAN KENDALIAN SEBELUM KOS KEWANGAN (Sambungan)

	KUMPULAN 2002 RM'000	SYARIKAT 2002 RM'000	SYARIKAT 2001 RM'000
	2001 RM'000	2001 RM'000	
*Termasuk dalam kos kakitangan di atas bagi tahun kewangan adalah imbuhan para Pengarah seperti berikut:			
Pengarah-pengarah Syarikat: -			
Yuran			
- Tahun semasa	231	173	231
- Terkurang/(terlebih) peruntukan berhubung dengan tahun terdahulu	72	(15)	72
Lain-lain emolumen	2,713	2,375	2,024
	<hr/>	<hr/>	<hr/>
Pengarah-pengarah anak-anak syarikat: -			
Lain-lain emolumen	2,479	2,190	-
	<hr/>	<hr/>	<hr/>

Anggaran nilai wang faedah bukan berupa wang yang diberi kepada Pengarah-pengarah Kumpulan dan Syarikat melalui penggunaan aset Kumpulan dan Syarikat dan penyediaan faedah-faedah lain masing-masing berjumlah RM138,000 (2001: RM146,000) dan RM77,000 (2001: RM77,000).

5. KOS KEWANGAN

	KUMPULAN 2002 RM'000	SYARIKAT 2002 RM'000	SYARIKAT 2001 RM'000
	2001 RM'000		
Belanja faedah ke atas pinjaman			
Belanja faedah ke atas bon-bon			
	8,624	12,248	9,694
	15,500	15,521	7,500
	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	<hr/>	<hr/>	<hr/>

6. KEROSOTAN PELABURAN DALAM SYARIKAT-SYARIKAT BERSEKUTU

- (a) Dalam tahun, kerugian kerosotan sebanyak RM10,800,000 telah diiktiraf bagi pelaburan Syarikat dalam Sin Kean Boon Group Berhad, syarikat bersekutu 20.1% Kumpulan dalam segmen "Pengilangan & Pengkuarian", memandangkan nilai pasaran pelaburan berada di bawah nilai penyimpanan Kumpulan.
- (b) Dalam tahun sebelum ini, berikutan krisis ekonomi, Argentina menetapkan semula, menurunkan nilai dan kemudiannya mengapungkan Peso mengakibatkan susut nilai mata wang yang teruk. Ini telah membawa kepada kerosotan sebanyak RM47,000,000 daripada pelaburan Kumpulan dalam Grupo Concesionario del Oeste S.A., syarikat bersekutu 20.1%.

7. LABA/(KERUGIAN) ATAS PELUPUSAN SYARIKAT-SYARIKAT BERSEKUTU

- (a) Dalam tahun kewangan sebelum ini, Kumpulan telah melupuskan sebahagian daripada kepentingan ekuitinya dalam Guangdong Provincial Expressway Development Co. Ltd, yang telah berhenti daripada menjadi sebuah syarikat bersekutu Kumpulan berikutan hasrat untuk melupuskan pelaburan. Laba keseluruhan timbul daripada pelupusan berjumlah RM122,257,000. Nilai simpanan pelaburan selebihnya sekarang dimasukkan dalam pelaburan jangka pendek Kumpulan.
- (b) Juga, dalam tahun kewangan sebelum ini, Syarikat melupuskan sebuah syarikat bersekutu kepada salah sebuah anak syarikatnya sebagai sebahagian daripada penyusunan semula dalamannya. Kerugian atas pelupusan bagi Syarikat berjumlah RM11,697,000. Walau bagaimanapun, pelupusan tidak mempunyai kesan kewangan ke atas Kumpulan.

8. CUKAI

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2002 RM'000	2001 RM'000	2002 RM'000	2001 RM'000
Caj cukai bagi tahun: -				
Cukai pendapatan Malaysia	(42,648)	(31,534)	(22,675)	(13,007)
Cukai luar negeri	(6,032)	(7,363)	-	(16)
Pindahan (kepada) / daripada cukai tertunda (Nota 18)	(4,507)	112	(1,996)	200
	(53,187)	(38,785)	(24,671)	(12,823)
(Terkurang)/terlebih peruntukan dalam tahun-tahun terdahulu	(2,303)	4,367	-	-
	(55,490)	(34,418)	(24,671)	(12,823)

Kadar cukai berkesan Kumpulan sebanyak 29% adalah lebih tinggi daripada kadar cukai berkanun sebanyak 28% memandangkan perbelanjaan tertentu tidak dibenarkan untuk tujuan cukai. Kadar cukai berkesan syarikat-syarikat bersekutu sebanyak 8% adalah lebih rendah memandangkan keuntungan tertentu tidak boleh dicaj untuk cukai.

Kedudukan kerugian cukai adalah seperti berikut:-

	KUMPULAN	
	2002 RM'000	2001 RM'000
Kerugian cukai:-		
Penjimatan cukai akibat daripada penggunaan kerugian cukai tahun semasa yang mana kredit diiktiraf dalam tahun	-	1,283
Penjimatan cukai akibat daripada penggunaan kerugian cukai dibawa ke hadapan yang mana kredit berkaitan diiktiraf dalam tahun	676	5
Kerugian cukai, tertakluk kepada persetujuan oleh pihak berkuasa cukai, yang mana kredit berkaitan tidak diiktiraf dalam penyata kewangan	93,544	90,742

Tertakluk kepada persetujuan oleh pihak berkuasa cukai, pada 31 Disember 2002, Kumpulan mempunyai eluan cukai tidak diguna, berjumlah RM128,705,000 (2001: RM107,006,000). Anggaran potensi faedah cukai daripada eluan cukai tidak diguna yang mana tidak ada kredit telah dimasukkan berjumlah RM36,037,000 (2001: RM29,961,680).

9. PENDAPATAN SETIAP SAHAM

(a) Asas

Pendapatan asas setiap saham bagi tahun kewangan telah dikira berdasarkan keuntungan bersih Kumpulan bagi tahun kewangan sebanyak RM120,201,000 (2001: RM168,998,000) dan purata wajaran bilangan saham biasa dalam terbitan dalam tahun kewangan sebanyak 360,556,000 (2001: 351,908,000) saham biasa. Purata wajaran bilangan saham biasa dalam terbitan telah diperolehi selepas mengambil kira penerbitan saham-saham selaras dengan ESOS dan daripada penukaran Waran 2000/2004.

(b) Dicairkan sepenuhnya

Pendapatan dicairkan sepenuhnya setiap saham Kumpulan dikira dengan membahagi keuntungan bersih Kumpulan bagi tahun sebanyak RM120,201,000 (2001: RM168,998,000) dengan purata wajaran bilangan saham biasa dalam terbitan diselaraskan untuk mengandaikan penukaran kesemua potensi kecairan saham biasa, iaitu Waran 2000/2004. Pengiraan dibuat untuk menentukan bilangan saham yang mungkin dapat dibeli pada harga pasaran (ditentukan sebagai purata wajaran harga saham tahunan saham-saham Syarikat) berdasarkan nilai kewangan hak langganan yang terdapat pada waran-waran belum ditukar. Pengiraan ini bertindak untuk menentukan elemen "bonus" kepada saham biasa belum dijelas untuk tujuan pengiraan kecairan. Tidak ada pelarasan dibuat kepada keuntungan bersih bagi pengiraan waran.

	KUMPULAN	
	2002 RM'000	2001 RM'000
	'000	'000
Keuntungan bersih bagi tahun	120,201	168,998
Purata wajaran bilangan saham biasa dalam terbitan	360,556	351,908
Pelarasan bagi: -		
- opsyen saham	-	180
- waran	30,749	18,030
Purata wajaran bilangan saham biasa bagi pendapatan dicairkan setiap saham	391,305	370,118
Pendapatan dicairkan setiap saham	30.7 Sen	45.7 Sen

10. DIVIDEN

	2002	Jumlah dividen, bersih daripada cukai RM'000	2001	
	Dividen kasar setiap saham Sen	Dividen kasar setiap saham Sen	Jumlah dividen, bersih daripada cukai RM'000	Jumlah dividen, bersih daripada cukai RM'000
Dividen interim khas	-	-	10	25,332
Dividen interim pertama	5	13,087	5	12,693
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
Dividen interim kedua	5	13,087	15	38,025
Cadangan dividen akhir	7	18,342	-	-
	-	-	5	13,060
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	12	31,429	20	51,085

Penyata kewangan tidak menggambarkan dividen interim kedua diisyiharkan selepas akhir tahun kewangan berjumlah RM18,342,000 (2001: Tiada), yang akan hanya terakru sebagai liabiliti dalam tahun kewangan akan berakhir 31 Disember 2003. Tidak ada dividen akhir bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2002 (2001: 5 sen tolak cukai) telah dicadangkan oleh Lembaga Pengarah.

11. LAPORAN BERSEGMENT

(a) Laporan utama – Segmen perniagaan

	Pembinaan RM'000	Pembangunan Harta RM'000
2002		
HASIL:		
Jumlah jualan	1,197,373	221,745
Tolak: Jualan antara segmen *	(76,703)	(61,093)
Jualan luar	1,120,670	160,652
Tolak: Bahagian Kumpulan ke atas hasil syarikat-syarikat bersekutu dan entiti kawalan bersama	(166,842)	(30,479)
Jumlah hasil segmen	953,828	130,173
KEPUTUSAN:		
Keputusan segmen	97,093	18,056
Bahagian keputusan syarikat-syarikat bersekutu dan entiti kawalan bersama	7,512	1,672
Kerugian kerosotan atas pelaburan dalam syarikat bersekutu	-	-
Jumlah keuntungan segmen sebelum cukai	104,605	19,728
Cukai		
Keuntungan daripada kegiatan biasa selepas cukai		
Kepentingan minoriti		
Keuntungan bersih bagi tahun		
* <i>Jualan antara segmen diurusniagakan atas dasar terma-terma biasa</i>		
LAIN-LAIN MAKLUMAT:		
Aset segmen	759,366	592,168
Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu	61,365	20,970
Jumlah aset segmen	820,731	613,138
Jumlah liabiliti segmen	702,722	133,377
Ditanggung bagi tahun :-		
Perbelanjaan modal	38,049	10,909
Susut nilai dicaj kepada penyata pendapatan	8,386	633
Pelunasan muhibah	73	34
Pelunasan perbelanjaan tertunda	-	-
Lain-lain perbelanjaan bukan tunai ketara: -		
- Peruntukan bagi pengurangan dalam nilai pelaburan	-	-

Pengilangan & Pengkuarian RM'000	Perladangan RM'000	Infrastruktur RM'000	Pelaburan & Lain-lain RM'000	Kumpulan RM'000
266,163 (73,345)	130,569 -	35,118 -	67,581 (46,896)	1,918,549 (258,037)
192,818	130,569	35,118	20,685	1,660,512
(80,963)	(33,733)	(35,118)	(18,182)	(365,317)
111,855	96,836	-	2,503	1,295,195
14,483	26,363	(4,688)	3,335	154,642
4,570 (10,800)	3,398 -	35,388 -	(4,612) -	47,928 (10,800)
8,253	29,761	30,700	(1,277)	191,770
			(55,490)	136,280
				(16,079)
				120,201
126,246 55,416	558,557 27,829	52,824 143,404	180,643 11,100	2,269,804 320,084
181,662	586,386	196,228	191,743	2,589,888
52,982	226,323	10,497	7,079	1,132,980
10,524	70,737	-	-	130,219
11,042	9,486	-	-	29,547
65	123	-	112	407
1,767	-	-	-	1,767
71	-	-	6,815	6,886

11. LAPORAN BERSEGMENT (Sambungan)

(a) Laporan utama – Segmen perniagaan (Sambungan)

	Pembinaan RM'000	Pembangunan Harta RM'000
2001		
HASIL:		
Jumlah jualan	698,989	148,575
Tolak : Jualan antara segmen*	(70,675)	-
 Jualan luar	628,314	148,575
Tolak: Bahagian Kumpulan ke atas hasil syarikat-syarikat bersekutu dan entiti kawalan bersama	(118,661)	(13,352)
 Jumlah hasil segmen	509,653	135,223
 KEPUTUSAN:		
Keputusan segmen	69,623	17,042
Bahagian keputusan syarikat-syarikat bersekutu dan entiti kawalan bersama	16,976	(169)
 Kerosotan pelaburan dalam syarikat bersekutu timbul daripada penurunan nilai mata wang asing	-	-
Laba atas pelupusan syarikat bersekutu	-	-
 Jumlah keuntungan segmen sebelum cukai	86,599	16,873
 Cukai		
 Keuntungan daripada kegiatan biasa selepas cukai		
Kepentingan minoriti		
 Keuntungan bersih bagi tahun		
 * <i>Jualan antara segmen diurusniagakan atas dasar terma-terma biasa</i>		
 LAIN-LAIN MAKLUMAT:		
Aset segmen	591,611	493,138
Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu	20,354	31,851
 Jumlah aset segmen	611,965	524,989
 Jumlah liabiliti segmen	533,849	84,445
 <u>Ditanggung bagi tahun:-</u>		
Perbelanjaan modal	23,798	1,500
Susut nilai dicaj kepada penyata pendapatan	5,872	497
Pelunasan muhibah	73	27
Pelunasan perbelanjaan tertunda	-	-
Lain-lain perbelanjaan bukan tunai ketara: -		
- Peruntukan bagi pengurangan dalam nilai pelaburan	-	-

Pengilangan & Pengkuarian RM'000	Perladangan RM'000	Infrastruktur RM'000	Pelaburan & Lain-lain RM'000	Kumpulan RM'000
271,765 (34,054)	72,554 -	80,068 -	107,200 (88,286)	1,379,151 (193,015)
237,711	72,554	80,068	18,914	1,186,136
(76,742)	(24,950)	(78,472)	(16,568)	(328,745)
160,969	47,604	1,596	2,346	857,391
14,515	6,722	4,182	(12,249)	99,835
2,863	74	19,854	(4,281)	35,317
-	-	(47,000)	-	(47,000)
-	-	122,257	-	122,257
17,378	6,796	99,293	(16,530)	210,409
			(34,418)	
			175,991 (6,993)	
			168,998	
164,004 64,771	494,941 24,508	168,042 107,752	117,010 11,940	2,028,746 261,176
228,775	519,449	275,794	128,950	2,289,922
96,550	229,603	21,020	3,815	969,282
7,711 11,950 - 1,235	81,787 6,127 123 -	- - - -	- - 112 -	114,796 24,446 335 1,235
-	-	-	12,643	12,643

11. LAPORAN BERSEGMENT (Sambungan)

(b) Laporan sekunder – Segmen geografi

Pasaran geografi	Hasil daripada pelanggan luar RM'000	Jumlah aset segmen RM'000	Perbelanjaan modal ditanggung dalam tahun RM'000
2002: -			
Malaysia	1,314,787	2,044,404	112,871
Singapura	68,910	23,272	-
Vietnam	12,613	38,122	-
China	1,606	100,032	-
India	219,204	182,174	17,348
Australia	20,902	110,824	-
Argentina	21,428	73,704	-
Lain-lain negara	1,062	17,356	-
	1,660,512	2,589,888	130,219
Tolak: Bahagian Kumpulan ke atas hasil syarikat-syarikat bersekutu dan entiti kawalan bersama	(365,317)	-	-
	1,295,195	2,589,888	130,219
2001: -			
Malaysia	961,602	1,794,867	108,372
Singapura	34,386	20,235	-
Vietnam	13,378	33,168	-
China	3,511	147,419	-
India	83,938	103,509	6,424
Australia	24,406	110,554	-
Argentina	63,757	45,683	-
Lain-lain negara	1,158	34,487	-
	1,186,136	2,289,922	114,796
Tolak: Bahagian Kumpulan ke atas hasil syarikat-syarikat bersekutu dan entiti kawalan bersama	(328,745)	-	-
	857,391	2,289,922	114,796

12. MODAL SAHAM

	KUMPULAN DAN SYARIKAT			
	2002	Nilai nominal RM'000	2001	Nilai nominal RM'000
	Bilangan saham '000	Bilangan saham '000	Bilangan saham '000	Nilai nominal RM'000
Saham biasa bernali RM1 sesaham:-				
Dibenarkan	1,000,000	1,000,000	1,000,000	1,000,000
Diterbitkan dan berbayar penuh:-				
Pada 1 Januari	352,723	352,723	351,517	351,517
Diterbitkan di bawah Skim Opsyen Saham Kakitangan (ESOS)	9,605	9,605	1,127	1,127
Penukaran Waran	1,609	1,609	79	79
Pada 31 Disember	363,937	363,937	352,723	352,723

- (a) Dalam tahun kewangan, modal saham biasa diterbitkan dan berbayar Syarikat telah ditambah daripada RM352,722,654, kepada RM363,936,565 melalui:-
- (i) Penerbitan 9,605,000 saham biasa baru bernali RM1 sesaham selaras dengan ESOS pada harga opsyen berikut: -
 - 8,888,000 saham biasa baru bernali RM1 sesaham pada harga pelaksanaan RM4.01 setiap saham;
 - 376,000 saham biasa baru bernali RM1 sesaham pada harga pelaksanaan RM3.89 setiap saham; dan
 - 341,000 saham biasa baru bernali RM1 sesaham pada harga pelaksanaan RM1.82 setiap saham.
 - (ii) Penerbitan 1,608,911 saham biasa baru bernali RM1 sesaham timbul daripada penukaran Waran 2000/2004 pada harga pelaksanaan RM2.99 selaras dengan Surat Ikatan Pol bertarikh 24 Januari 2000.
- Saham-saham biasa baru diterbitkan bertaraf pari passu dalam semua hubungan dengan saham-saham diterbitkan sedia ada Syarikat.
- (b) ESOS tamat pada 12 Mac 2002 dan skim telah tidak dilanjutkan.
- (c) Pada tarikh kunci kira-kira, jumlah bilangan Waran 2000/2004 yang kekal tidak dilaksanakan berjumlah 78,387,019 (2001: 79,995,930).

13. RIZAB MODAL

	KUMPULAN	
	2002 RM'000	2001 RM'000
Permodalan rizab selepas pengambilalihan anak-anak syarikat dan syarikat-syarikat bersekutu: -		
Pada 1 Januari/Pada 31 Disember	12,563	12,563
Bahagian rizab modal syarikat-syarikat bersekutu: -		
Pada 1 Januari	21,555	43,384
Realisasi atas pelupusan syarikat bersekutu	-	(21,829)
Pada 31 Disember	21,555	21,555
Rizab atas penyatuan: -		
Pada 1 Januari	43	43
Timbul daripada pengambilalihan anak syarikat	277	-
	320	43
Tolak: Pelunasan	(55)	-
Pada 31 Disember	265	43
Jumlah rizab modal	34,383	34,161

14. KEUNTUNGAN TERTAHAN

Tertakluk kepada persetujuan oleh pihak berkuasa cukai, pada 31 Disember 2002, Syarikat mempunyai pendapatan dikecualikan cukai dan kredit cukai di bawah Seksyen 108 Akta Cukai Pendapatan, 1967 yang mencukupi untuk membuat bayaran dividen bersih daripada semua keuntungan tertahannya tanpa menanggung apa-apa liabiliti cukai tambahan.

15. BON-BON

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2002 RM'000	2001 RM'000	2002 RM'000	2001 RM'000
(a) 8% Bon Kadar Tetap Bercagar 1999/2009	100,000	100,000	-	-
Tolak:				
Diskaun semasa terbitan	4,932	4,932	-	-
Pelunasan	(1,603)	(1,110)	-	-
	3,329	3,822	-	-
	96,671	96,178	-	-
(b) 5% Bon Tak Bercagar Boleh Tebus 2000/2005	150,000	150,000	150,000	150,000
	246,671	246,178	150,000	150,000

Ciri-ciri utama bon-bon adalah seperti berikut:

- (a) RM100,000,000 jumlah nominal Bon Kadar Tetap Bercagar 8% 1999/2009 telah diterbitkan oleh sebuah anak syarikat pada RM95.068 setiap RM100 nilai nominal kepada dua buah bank berlesen tempatan, yang merupakan pelanggan utama, atas dasar urusan dibeli. Bon dicagar melalui pengesahan kesemua hak di bawah Perjanjian Konsesi di antara anak syarikat dan Kerajaan Malaysia dirujuk dalam Nota 27(a) kepada penyata kewangan. Bon bertaraf parri passu dan berkadar di kalangan masing-masing dan lebih utama daripada keterhutangan tidak bercagar lain.

Bon membawa kadar kupon tetap 8% setahun perlu dibayar dua kali setahun secara tunggakan. Pada akhir tempohnya, bon akan ditebus pada 100% daripada nilai nominalnya pada 15 Oktober 2009.

